

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 28**

**Khamis**

**20 Disember 2012**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	39)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012	(Halaman	40)
Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2012	(Halaman	54)
Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) 2012	(Halaman	92)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**Khamis, 20 Disember 2012**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah harta pusaka yang tidak diwasiatkan atau terbeku yang sebahagian besar milik orang Islam yang dianggarkan berjumlah RM45 bilion.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memainkan peranan penting dalam pengurusan pentadbiran harta pusaka di negara ini. Melalui agensi-agensi seperti Pejabat Pusaka Kecil dan Amanah Raya Berhad, usaha dibuat dalam menyampaikan maklumat tentang pentadbiran pusaka di saluran media cetak dan elektronik. Diharap melalui aktiviti sedemikian, rakyat akan lebih peka akan kepentingan penyediaan perancangan pusaka ketika mereka masih hidup melalui penyediaan instrumen wasiat dan peramanahan dan tidak semata-mata melepaskan masalah tersebut kepada waris. Penyebaran maklumat berkaitan pentadbiran pusaka juga bertujuan memastikan waris faham akan tindakan yang wajar mereka laksanakan dan ke mana harus mereka tuju bagi menguruskan pentadbiran pusaka ahli keluarga mereka.

Pentadbiran pusaka harus disegerakan bagi memastikan harta pusaka tidak terbiar atau terbeku dan tidak dapat dimanfaatkan oleh waris. Prinsip umum dalam pentadbiran harta pusaka adalah perlunya permohonan dibuat oleh waris-waris yang sah mengikut hukum syarak atau Akta Pembahagian 1958 dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan sama ada oleh Mahkamah Tinggi, Pejabat Pusaka Kecil dan Amanah Raya Berhad. Kesemuanya dirujuk sebagai agensi.

Perkhidmatan yang diberikan mudah dicapai melalui cawangan agensi berkenaan di seluruh negara. Bagi sebarang bentuk harta pusaka sama ada berwasiat atau tidak berwasiat, pentadbiran pusaka si mati hanya akan dapat dimulakan bilamana permohonan diserahkan kepada agensi yang saya sebutkan tadi. Di sinilah pendekatan sentiasa dibuat oleh Amanah Raya Berhad ketika memberi taklimat melalui 19 buah cawangannya berkaitan pentingnya membuat perancangan pusaka ketika masih hidup dan menggalakkan membuat wasiat di Amanah Raya dan membuat permohonan pentadbiran pusaka seawal mungkin.

Di dalam wasiat tersebut, Amanah Raya dilantik sebagai waris ataupun pentadbir dengan kuasa yang diberikan kepada Amanah Raya di bawah sistem perundangan yang kita ada di negara ini untuk mengurus dan menyelesaikan pentadbiran pusaka rakyat kita. Pelantikan Amanah Raya Berhad sebagai wasi atau pun pentadbir di bawah wasiat yang disediakan dilihat sebagai saling melengkapi bagi memudahkan urusan pentadbiran harta pusaka.

Menyentuh tentang harta pusaka yang dikatakan melibatkan jumlah anggaran RM45 bilion. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ketika ini tidak ada statistik yang khusus di negara ini berkaitan nilai sebenar harta pusaka dan tanggungan pusaka yang masih belum ditadbir. Anggaran ini adalah tidak betul, hanya diutarakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada dasarnya menggalakkan rakyat menyegerakan permohonan pentadbiran harta pusaka di agensi berkaitan. Tindakan melengahkan permohonan hanya akan menimbulkan masalah dan komplikasi termasuklah masalah sosioekonomi rakyat Malaysia. Apabila berlakunya keadaan di mana rakyat bilamana telah maklum tetapi masih memilih untuk tidak mengambil tindakan segera dalam membuat perancangan pusaka atau membuat permohonan pentadbiran pusaka, selagi itulah masalah kelewatan tadbir aset dan liabiliti mereka yang telah meninggal dunia akan tertangguh. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Puan Hajah Rohani. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan. Di antara faktor yang menyumbang kepada harta pusaka yang tidak diwasiatkan termasuk masalah waris yang kurang pengetahuan berkaitan pengurusan harta si mati.

Soalan saya, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan pengetahuan umat Islam mengenai pengurusan harta pusaka yang tidak diwasiatkan ini mengenai pengurusan dan prosiding harta pusaka ini termasuk panduan pengumpulan dokumen berkaitan harta si mati. Apakah kerajaan menyediakan agensi atau badan-badan tertentu. Saya difahamkan tadi ada Amanah Raya Berhad bagi menasihati si waris dari segi faraid yang sering menjadi punca kepada perbalahan dan perebutan harta pusaka ini.

■1010

Kedua, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan peranan Amanah Raya Berhad menyediakan perkhidmatan dalam bidang perancangan dan pengurusan harta pusaka? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani atas soalan tambahan ini. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, iaitu yang bermasalah ini ialah mengenai wasiat di mana tidak ada wasiat yang ditinggalkan apabila seseorang meninggal dunia. Jadi, tanggungjawab kitalah untuk meninggalkan wasiat, untuk memastikan bahawa waris-waris kita akan tahu apa yang akan dilakukan selepas kita

meninggal dunia. Jadi yang tidak ada wasiat ini perlulah membuat permohonan kepada pihak mahkamah biasanya untuk mendapatkan surat pelantikan atau *letter of administration* untuk mengendalikan harta kita yang telah pun kita tinggalkan. Inilah selalu yang menjadi masalah bagi rakyat.

Saya telah pun menjawab tadi melalui jawapan saya di mana kerajaan sentiasa menyampaikan maklumat tentang pentadbiran pusaka melalui saluran media cetak dan elektronik. Agensi-agensi yang saya telah pun katakan tadi melibatkan agensi Pejabat Pusaka Kecil dan juga Amanah Raya Berhad yang memainkan peranan yang begitu penting sekali untuk memaklumkan kepada pihak rakyat mengenai prosiding-prosiding yang tertentu dan bagaimanakah kita boleh mengelakkan masalah-masalah yang selalu timbul di antara waris-waris yang menuntut harta-harta si mati ini.

Di sini saya juga ingin menegaskan kepada semua rakyat Malaysia untuk mengadakan satu wasiat dan bolehlah melantik pihak Amanah Raya untuk menjadi pentadbir dalam wasiat kita, ataupun tidak semestinya pihak Amanah Raya, kepada orang yang kita percaya sekali ataupun melalui peguam. Ini akan menyenangkan kepada pihak si waris apabila membuat tuntutan.

Daripada segi faraid yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator, sijil faraid yang sah ini hanya boleh dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di negeri-negeri di mana orang itu telah pun meninggal dunia. Jadi fungsi menasihatkan waris ini biasanya dilaksanakan oleh pihak Pusaka Kecil atau peguam ataupun mahkamah dan juga Amanah Raya. Jadi mana-mana pihak yang mempunyai masalah mengenai pusaka ini terutamanya kepada sijil faraid, bolehlah merujuk kepada pihak yang saya sebutkan tadi.

Daripada peranan Amanah Raya untuk meningkatkan peranan mereka, sememangnya kita boleh lihat pihak Amanah Raya sentiasa menjalankan tugas. Kita ada 19 agensi keseluruhannya di mana mereka membuat nasihat kepada pihak yang datang untuk mendapatkan nasihat mengenai pengurusan pentadbiran si mati ini. Jadi saya galakkan kepada semua pihak berkenaan untuk memastikan bahawa kita ada wasiat yang sah di mana kita tinggalkan dan dari situlah kita dapat mengelakkan semua masalah apabila kita tidak ada dalam dunia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan pertanyaan tambahan di mana dalam kes harta pusaka ini, terdapat juga si mati di mana waris-warisnya tidak mengetahui bahawa bapa atau tok wan mereka ini mempunyai harta pusaka. Jadi, bagaimanakah ini hendak diselesaikan? Adakah Amanah Raya dan agensi-agensi yang lain menjejaki harta-harta pusaka si mati ini ataupun bagaimana mekanisme yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pusaka yang ditinggalkan oleh si mati yang tanpa diketahui oleh warisnya ini dapat diselesaikan? Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Inilah masalahnya apabila kita yang masih ada dalam dunia ini tidak memaklumkan kepada keluarga kita

di mana harta kita yang kita ada. Umpamanya, sekiranya Yang Berhormat ada harta di negeri Sabah ataupun di mana-mana tempat sahaja di Semenanjung ataupun di dunia ini dan tidak dimaklumkan kepada keluarga, apabila kita telah pun tidak ada dalam dunia ini dan tidak meninggalkan wasiat, itulah yang menjadi masalah. Kerajaan pun tidak akan tahu sekiranya waris tidak memaklumkan. Waris pun tidak tahu, jadi bagaimana kerajaan akan tahu? *This is the problem* saya rasa apabila saya mengendalikan isu-isu mengenai pentadbiran wasiat ini di mana kita tidak ketahui.

Kadangkala bukan sahaja harta benda, kadang wang dalam bank yang tidak dimaklumkan kepada keluarga ataupun isteri ataupun— adalah atas-atas sebab tertentu tidak diketahui oleh keluarga. Inilah yang akan menjadi masalah. Jadi, wang ini ataupun harta ini kadangkala tidak dituntut dalam tujuh tahun, jadi mengikut undang-undang, wang ini akan dimasukkan kepada wang yang tidak dituntut ataupun kumpulan wang yang tidak dituntut ataupun dikenali sebagai *unclaimed money*.

Di situlah *unclaimed money* yang menjadi masalah kepada kerajaan. Ini kerana *unclaimed money* ini ia bukan sahaja termasuk kepada wang pusaka tetapi ia termasuk juga wang seperti umpamanya wang di mahkamah. Apabila seseorang penjamin telah pun menjamin seseorang dan kes prosiding telah pun tamat, wang itu tidak dituntut di mahkamah, jadi selepas tujuh tahun, wang itu dimasukkan juga ke *unclaimed money*.

Selain daripada itu, wang di dalam bank yang tidak dituntut. Mungkin Yang Berhormat terlupa pula ada wang dalam bank ini, bank itu dan selepas tujuh tahun, akan dimasukkan ke dalam *unclaimed money*. Juga banyak wang yang saya katakan mungkin dalam pejabat guaman yang mana kadangkala dalam prosiding mahkamah, apabila kes selesai ataupun semasa kes berjalan, sebelum kes selesai, mungkin plaintif ataupun defendan telah meninggal dunia dalam prosiding itu dan wang itu tidak dituntut. Maka peguam perlulah hantar wang itu ke *Unclaimed Money Department*. Jadi dalam ini akan menjadikan satu kumpulan yang besar. Akan tetapi itu bukan termasuk dalam wang tunai sahaja, tetapi harta juga dan sebagainya.

Jadi inilah yang menjadi masalahnya, dan kerajaan tidak ada statistik. Kita tidak dapat memastikan harta benda yang ditinggalkan si mati sekiranya dia tidak maklumkan kepada keluarga di mana dia ada harta. Jadi inilah saya nasihatkan kepada kita semua, penting untuk kita ada wasiat untuk menentukan harta ini kepada siapa. Wang di bank ini untuk siapa dan apa-apa yang kita ada, cincin, emas, apa yang kita hendak tinggalkan kepada siapa, kita tuliskan dalam wasiat kita. *This is more important* untuk mengelakkan masalah yang akan timbul apabila kita tidak ada di dunia ini. Sekian.

**2. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah cadangan agar modul integriti dan pencegahan rasuah dapat diterapkan sebagai modul pembelajaran di sekolah rendah dan menengah dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni seperti jujur, amanah dan berintegriti sebagai persediaan golongan pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan yang mencabar.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, SPRM sebenarnya telah mencadangkan supaya modul integriti dan pencegahan rasuah dimasukkan dalam kurikulum sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran.

■1020

Cadangan ini telah dikemukakan pada bulan Jun 2012. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sebenarnya sedang mengkaji kesesuaian modul ini sebelum ia dapat dilaksanakan khususnya dalam tiga mata pelajaran iaitu Pendidikan Agama, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan juga Pendidikan Moral. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan pertanyaan. Silakan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya nampak sangat rajin, hari-hari datang ke Dewan Negara yang mulia ini untuk menjawab soalan-soalan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun mengambil inisiatif bagi menyediakan kurikulum di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah dalam mendidik murid-murid ke arah mengetahui tentang rasuah seperti yang terdapat dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK). Namun, masih belum memberikan kesan yang terbaik.

Soalan tambahan saya, apakah langkah yang lebih berkesan bagi menerapkan pendidikan antirasuah dalam pembelajaran supaya benar-benar dapat melahirkan generasi yang jujur, amanah dan berintegriti? Apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran bagi memperbaiki persepsi terhadap amalan rasuah dalam negara ini termasuk dalam kalangan pendidik dan pelajar? Soalan ketiga saya, daripada rekod...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dua soalan sahaja Yang Berhormat.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hadkan. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama, seperti mana yang kita maklum bahawa sememangnya mata pelajaran mengenai dengan rasuah ini kita masukkan dalam sistem pendidikan kita, baik di peringkat sekolah rendah dan di sekolah menengah. Kalau saya mengambil contoh pada Tahun Lima, kita ada kandungan akademik yang

bertajuk, “*Tidak Terlibat Dalam Kelakuan yang Tidak Sihat*”. Dalam Tahun 6, kita ada tajuk “*Tidak Terlibat dalam Penyelewengan Kuasa dan Wang*”. Kemudian, kita ada tajuk “*Antirasuah*” dan kita juga ada tajuk yang disebut “*Membanteras Rasuah*”. Kalau berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/1998, memasukkan elemen mencegah rasuah dalam kurikulum sekolah dan institusi pendidikan tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memasukkan unsur-unsur ini. Seperti mana yang saya sebut terutamanya dalam mata pelajaran yang saya sebutkan tadi iaitu Pendidikan Agama, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan juga Pendidikan Moral.

Mengenai dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tentang keberkesanan ini, sebab itulah kita sentiasa bekerjasama dengan SPRM. Pihak SPRM selalu datang ke sekolah memberikan ceramah-ceramah yang berasaskan kepada fakta dan data-data yang memberi maklumat yang lebih terperinci tentang isu-isu seperti ini. Di samping itu, kita ada juga melibatkan kokurikulum. Dengan kata lain ialah lawatan-lawatan terutamanya ke SPRM sendiri untuk kita melihat apakah perkara yang sudah dan telah dilakukan oleh pihak SPRM.

Sebenarnya Yang Berhormat, sebab itu saya kata bahawa kalau merujuk pada soalan kedua tentang persepsi, sebenarnya isu rasuah ini memang melibatkan kepada isu persepsi. Oleh sebab itu, kita melihat persepsi rasuah di negara kita ini sentiasa berubah dan kadang-kadang mereka tidak melihat kepada data yang sebenarnya. Mereka melihat daripada segi persepsi. Mereka tidak melihat apa yang telah kita lakukan walaupun sebenarnya kita sudah ada SPRM ini. Jadi, apabila mereka bertanya kepada orang yang tertentu, maka hasil dapatan itulah yang dikemukakan untuk menunjukkan *ranking* kita, CPI kita. Akan tetapi kita bersyukur kerana pada tahun ini kita melihat *ranking* sudah berubah, daripada 60 kepada 54.

Akan tetapi masalahnya di sini, saya ingin menekankan bahawa yang menjadi masalah tentang persepsi sehingga ada persepsi yang mengatakan bahawa rasuah ini berlaku dalam kalangan penjawat awam kerana hanya satu kaum sahaja iaitu orang Melayu yang majoriti dalam penjawat awam, maka berlakunya rasuah. Ini persepsi yang tidak berasaskan kepada data. Walaupun yang bercakap ini barangkali orang akademik tetapi apabila bercakap tidak berasaskan akademik, lebih kepada persepsi. Sedangkan tidak ada sebarang kajian pun yang membuktikan bahawa rasuah ini berlaku hanya pada satu kaum, pada satu agama. Rasuah berlaku di mana-mana sahaja pada setiap kaum dan tidak mengira batas agama. Ini masalah persepsi kerana kita membuat andaian tidak berasaskan kepada fakta, kajian, betulkah orang Melayu sahaja yang melakukan rasuah? Sebagai contohnya.

Oleh sebab itu, pada saya, soal persepsi juga satu masalah sedangkan hakikatnya kita melihat rasuah adalah satu isu yang perlu kita banteras dan kita melihat ini adalah satu masalah yang cukup yang boleh menghalang kepada pembangunan negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri sedikit keterangan di sini. Tentang kenyataan bahawa rasuah itu hanya dalam kalangan orang Melayu yang bekerja di dalam perkhidmatan awam adalah salah dan saya tidak pernah membuat kenyataan ini. Ini merupakan satu penyelewengan yang dilakukan oleh media massa yang dikuasai oleh kelompok-kelompok tertentu untuk kepentingan politik individu-individu tertentu. Maka saya menafikan sama sekali saya telah membuat kenyataan seperti itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, soalan tambahan. Itu bukan soalan tambahan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya hendak bertanya di sini, di manakah Menteri atau Timbalan Menteri dapat maklumat seperti itu? Kalau dipetik daripada surat khabar, adakah surat khabar ini memberi kenyataan yang benar atau ini merupakan suatu rekaan sahaja?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat Senator, itu bukan soalan tambahanlah. Oleh sebab itu saya kata, kalau tidak benar, samanlah. Pihak pembangkang ini dia suka saman... [*Tepuk*] Kalau tidak, hantar surat *lawyer*, kemudian saman. Ini memang perkara yang menjadi amalan kepada pembangkang. Akan tetapi, pada saya, inilah hakikatnya. Apa yang paling penting pada saya perlu ditegaskan, rasuah berlaku di mana-mana. Saya ingin menyatakan bahawa kadang-kadang CPI ataupun *ranking* rasuah kita ini boleh meningkat kerana mungkin juga rasuah itu berlaku di negeri-negeri pembangkang. Lebih banyak berlaku di negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita beralih ke soalan yang seterusnya iaitu soalan Tuan Lihan Jok dan Yang Berhormat ini juga telah memaklumkan kepada saya semalam bahawa dia tidak dapat hadir pada pagi ini kerana sebab-sebab yang tertentu. Maka, dia telah mewakilkan Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul untuk mengemukakan pertanyaan.

**3. Dr. Lucas bin Umbul [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, sama ada sesuai untuk memperkenalkan pemasangan talian grid dari Pekan Long Lama ke Long Bedian bagi semua rumah panjang dalam kawasan Apoh, Baram di bawah program RES Kerajaan Pusat.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator wakilnya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, hasil semakan kementerian mendapati bahawa kawasan Apoh, Baram berada jauh di pedalaman dan sesuai untuk diberikan bekalan elektrik secara sambungan talian grid. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi kawasan-kawasan pedalaman yang tidak kesampaian serta tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid akan dipertimbangkan untuk diberi bekalan elektrik menggunakan kaedah alternatif seperti solar hibrid, solar, mikro hidro dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dr. Lucas.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang tepat. Tuan Yang di-Pertua, tiga tahun yang lalu, sebuah syarikat kontraktor telah diberikan tanggungjawab membina sistem solar, membekalkan elektrik kepada beberapa buah rumah panjang di pedalaman Daerah Baram, Sarawak. Nampaknya, projek ini tidak lagi siap-siap dan mohon agar nyatakan apakah perkembangan projek ini, di saat ini? Itu yang pertama. Keduanya, apakah projek ini, mengapa-apakah penyebab projek ini lambat disiapkan? Terima kasih.

■1030

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator, biasanya kalau ada apa sahaja pembangunnya seperti jalan raya, jalan luar bandar, termasuklah bekalan elektrik kalau ianya dilaksanakan di luar bandar kita selalu membuat anggapan bahawa itu adalah projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Sebenarnya ada beberapa kementerian lain ataupun agensi lain yang juga melaksanakan projek di luar bandar. Setahu saya, projek yang dimaksudkan pertama, kementerian setahu sayalah tidak ada membuat ataupun menandatangani perjanjian tentang melaksanakan bekalan elektrik sistem solar ini di kawasan Baram.

Kemungkinan ini adalah dibuat di antara ICU dengan kontraktor tersebut dan bukan dengan kementerian. Dahulu, pembinaan rumah juga di bawah konsep PPR pernah dibuat oleh ICU bukan sahaja dengan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Oleh yang demikian, saya akan rujuk balik kepada kementerian sama ada betul-betul kementerian ada membuat perjanjian dengan kontraktor yang dimaksudkan dan kalau ada nanti saya akan buat secara bertulis apakah perkembangan terkini berkenaan dengan projek ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memberikan perkhidmatan bekalan elektrik kepada rakyat ialah tanggungjawab kerajaan. Kita tidak boleh mementingkan ekonomi atau alasan-alasan yang lain. Apa yang saya hendak tegaskan dekat sini ialah apakah cara kerajaan atau *coordination* dengan kementerian-kementerian yang lain-lain untuk kepentingan janji rakyat dapat bekalan tersebut? Terima kasih.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya lihat betul-betul ada keprihatinan Senator terhadap pembekalan elektrik dan infrastruktur *basic* di luar bandar ini. Apa yang saya maksudkan bukan bermakna kita betul semata-mata bergantung kepada analisis ekonomi. Buat masa ini, masih banyak tempat di kawasan sama ada di

Semenanjung tetapi terutama sekali di Sabah dan Sarawak yang tidak dibekalkan dengan bekalan elektrik. Ini bermakna kita perlu memilih di mana duit yang terhad ini dapat memberi manfaat yang lebih banyak kepada penerima dan garis panduan kita ialah di mana isi rumah itu cuma memerlukan lebih kurang RM50,000 untuk kita menyalurkan bekalan elektrik sebagai kos pembangunannya, kita akan memang buat. Akan tetapi untuk di Sabah dan Sarawak, ada juga kita buat walaupun kosnya meningkat sampai lebih daripada 100,000 setiap unit rumah.

Maknanya, kita bukan bergantung penuh kepada ekonomi. Akan tetapi, kalau di sesuatu tempat misalnya kita cuma memerlukan— pada puratanya memerlukan cuma RM30,000 ataupun RM40,000 untuk menyalurkan bekalan elektrik ke sana setiap isi rumah di satu tempat memerlukan RM150,000. Jadi kita kena pilih yang mana kita laksanakan dahulu kepada tempat yang agak rendah kosnya atau kepada tempat yang lebih tinggi. Di sinilah kementerian kena buat keputusan dan itulah yang saya maksudkan. Akan tetapi di masa depan nanti, kalau kita tidak ada sistem alternatif atau kos yang lebih rendah dan sebagainya dan tempat lain sudah siap kita laksanakan, kita akan buat walaupun kosnya meningkat sehingga RM200 ke RM300,000 untuk menyalurkan kepada satu isi rumah.

Berkenaan dengan usaha-usaha kita, kelmarin kah ataupun sebelum itu, saya ada menjawab menyentuh sedikit tentang kerjasama kita dengan Kementerian Sains dan Inovasi dan mereka pergi ke – saya tahu Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, dia pergi ke beberapa negara untuk mencari teknologi supaya kita dapat menggunakan sistem yang kosnya lebih rendah ataupun kalau tidak rendah sangat pun, sistemnya dapat diguna pakai.

Sekarang di Sarawak, malah hampir banyak tempat di dunia ini kalau hendak gunakan *wind turbine* misalnya. Ini murah ini. Kalau sudah dibuat dan dilaksanakan. Cuma kos melaksanakannya kemungkinan agak tinggi mula-mulanya tetapi *in the long term*, pada jangka masa panjang murah *wind turbine*. Akan tetapi tidak ada tempat di Malaysia. Sistem ini dapat diguna pakai kerana angin tidak kuat ataupun kuat sekejap sahaja tetapi tidak cukup lama.

Jadi, tidak bolehkah juga gunakan *wind turbine*. Solar pun macam itu juga. Paling-paling kita dapat gunakan ialah *solar hybrid* di mana waktu siang, waktu matahari panas betul, kita masukkan *extra energy* itu ke dalam bateri dan waktu malam kita gunakan bateri yang telah menyimpankan *energy* itu tadi. Jadi, bermacam-macam sistem yang telah kita cuba tetapi setakat ini yang betul berjaya ialah talian grid, mikro hidro, mini hidro dan pernah kita gunakan solar.

Di kawasan saya pun pernah kita cuba. Kosnya, satu isi rumah. *One family* sahaja setengah juta. Apinya, merah dan selepas tiga tahun atau lima tahun, tidak boleh pakai lagi. Jadi sistem ini pun tidak jalanlah. Jadi macam itulah usaha kita Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan mungkin di masa depan apabila teknologinya lebih canggih kemungkinan kita dapat membantu orang luar bandar dengan secara lebih cepat dan kosnya lebih rendah. Sekian, terima kasih.

**4. Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, kebelakangan ini terdapat kesalahan akademik seperti plagiat dan juga penipuan penyelidikan akademik di institusi-institusi pengajian tinggi, apakah bentuk perundangan khusus yang sedia ada untuk menangani masalah plagiat dan penipuan penyelidikan akademik. Jika tiada apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi memandang serius sebarang kes rakyat yang berlaku dalam institusi pengajian tinggi sama ada membabitkan anggota akademik mahupun pelajar. Pragmatisme sememangnya tiada tempat dalam dunia akademik kerana ia boleh merosakkan nilai keilmuan dan keserjanaan. Pada masa ini, kes-kes kesalahan akademik seperti pragmatisme dan penipuan penyelidikan adalah sangat minimum dan masih terkawal. Kebanyakan kes-kes mengenai kesalahan pragmatisme ataupun penipuan pendidikan yang dilaporkan adalah merupakan salah faham tentang definisi pragmatisme dan penipuan penyelidikan oleh pengadu. Sungguhpun demikian, universiti sebenarnya telah diperuntukkan peraturan tertentu untuk mengawal dan mencegah kesalahan rakyat dan penipuan penyelidikan.

Di antara peruntukan perundangan sedia ada ialah satu, peruntukan perlucutan ijazah atas salah laku plagiat dan penipuan akademik di bawah seksyen 73, Perlembagaan Universiti. Kedua, peruntukan hukuman kepada sesiapa yang melakukan kesalahan yang boleh mencemarkan nama universiti termasuk plagiat dan penipuan penyelidikan di bawah kaedah tata tertib plagiat dan Akta Badan-badan Berkanun 2000. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, silakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tanya di sini sejauh manakah tindakan yang diambil itu efektif? Ini kerana pada khidmat saya, masalah pelajar dan penipuan itu begitu serius dan saya ini hairan apa sebabnya ini dipandang ringan? Salah satu daripada sebabnya universiti-universiti kita ini tidak dapat disenaraikan di dalam senarai dunia universiti yang baik itu ialah soal plagiat dan penipuan. Ini tidak bolehlah dianggap sebagai satu perkara yang ringan. Maka, sejauh manakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian tentang...

■1040

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah sedikit tidak?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Sebentar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini sesi pertanyaan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Soal pelarian itu berkesan atau tidak? Berapa kes yang dapat kita kemukakan di sini, di mana tindakan telah diambil? Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan tadi, kes-kes plagiat ini memang sangat minimum dan terkawal. Jadi, saya

tidak tahu apakah aduan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat bahawa kes-kes itu begitu banyak. Ini kerana kita tahu dalam dunia akademik, *plagiarism* itu memang merupakan satu kesalahan yang begitu serius. Saya sendiri berkeyakinan bahawa universiti-universiti tempatan kita semua faham kesalahan *plagiarism* dan tidak akan buat.

Hal ini kerana saya sehingga sekarang dalam dua atau tiga tahun, kita tidak ada mendengar apa-apa aduan. Kalau ada, saya haraplah Yang Berhormat dapat kemukakan kepada saya tetapi dengan fakta-fakta yang kukuh dan bukan buat mengikut persepsi sahaja. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dr. Firdaus.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya keliru. Di satu pihak, pihak yang bertanya Dr. Ariffin menanyakan terlalu serius. Di pihak yang lain, pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan terlalu minimum. Kedua-dua *assumption* ini adalah tidak akademik. Apa bukti-bukti empirikal Dr. Ariffin untuk menyatakan ini serius dan apa bukti-bukti empirikal pihak Menteri untuk mengatakan ini minimum? Jadi, kalau kita bercakap mengenai akademik, dengan izin, *let it be really academic*. Ertinya, tuduhan-tuduhan, andaian-andaian mestilah disokong oleh fakta-fakta yang empirikal. Itu akademik. Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai fakta-fakta yang tadi saya sebut memang kita ada alasan, penyiasatan yang kukuh. Hanya dalam 2009, ada dua kes di satu universiti di Kuala Lumpur ini yang berlaku kes-kes tersebut. Jadi, selepas itu tidak ada apa-apa kes *plagiarism* yang kita dengar. Saya tidak tahu aduan man seperti yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Dr. Ariffin itu tentang begitu serius.

Saya rasa tuduhan sebegini begitu serius sebab sehingga sekarang, kalau kita baca walaupun dari media, kita tidak ada dapat aduan seperti ini yang katakan sangat serius. Saya haraplah nama baik universiti tempatan di Malaysia ini dapat dijaga dan bukan membuat aduan yang tidak berasaskan apa-apa penyiasatan. Sekian... [*Tepuk*]

**5. Datuk Haji Saat bin Haji Abu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, supaya dapat mempertimbangkan pembangunan plat kereta secara terbuka mengikut kehendak pelanggan contoh SAA 1 dan dijual dengan kadar harga RM50,000 atau RM100,000 seperti yang dilakukan di negara Eropah, dengan cara ini kerajaan boleh menambahkan pendapatan dan sekali gus kerajaan tidak tergantung syarat kepada cukai-cukai yang dikenakan kepada rakyat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa ini kerajaan masih belum bercadang untuk memperkenalkan nombor pendaftaran secara terbuka berdasarkan permintaan daripada mana-mana pihak termasuk nombor plat kenderaan yang menggunakan nama peribadi.

Mengikut rekod Jabatan Pengangkutan Jalan, nombor pendaftaran sedia ada yang diperuntukkan mengikut negeri dan kawasan pendaftaran buat masa ini masih lagi mencukupi dan

pemberian ini adalah mengguna pakai peruntukan seksyen 11, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor, Pendaftaran dan Pelesenan 1959.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bahawa buat masa ini pemberian nombor adalah melaksanakan sistem tender. Sehingga 30 Ogos 2012 tahun ini, kerajaan telah memungut hasil sebanyak RM139.8 juta. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Senator sebentar tadi akan dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tadi pun sudah menjangka, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab kerajaan belum bersedia. Saya ingat dalam kita telah melahirkan ramai usahawan dan jutawan di dalam negara kita ini, saya ingat hari ini kerajaan kena memikirkan sesuatu alternatif bagi mereka-mereka yang mampu untuk mendapatkan nombor-nombor *plat fancy* atau nombor-nombor plat yang cantik ini.

Contohnya nombor satu kah, nombor dua kah, nombor tiga. Saya harap kerajaan dapat mengambil sesuatu pendekatan bagi mempercepatkan peluang-peluang untuk mendapatkan nombor plat ini diterjemahkan di dalam negara kita. Ini kerana pendapat saya, jika ini kita perkenalkan, kita rasa bahawa nombor-nombor plat yang ditender di jabatan-jabatan seperti JPJ dan lain-lain, tidak menjadi satu *hot cake* kepada mereka-mereka yang memerlukan. Jadi, saya harap kerajaan dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, soalan.

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Soalannya sekarang ini kita minta kerajaan dengan kadar segera untuk memberikan peluang-peluang kepada mereka-mereka yang berminat untuk– nombor plat kenderaan mereka diberi peluang seluas-luasnya. Sekian, minta komen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya di dunia ini hanya beberapa negara sahaja yang telah mengamalkan nombor pendaftaran peribadi di antaranya Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Brazil. Walaupun saya telah nyatakan tadi sebenarnya bahawa memang kerajaan mungkin akan mempertimbangkan di masa akan datang, tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa walaupun dengan sistem sedia ada, bahawa beberapa nombor-nombor yang menarik minat penender-penender, ianya pun ditender dengan harga yang begitu lumayan.

Misalnya mungkin Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini apabila nombor pendaftaran siri WWW 1 dan selanjutnya telah ditender, maka ianya telah mencecah sehingga harga RM520,000 bagi satu nombor yang berikut- WWW 1. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin nyatakan di sini bahawa berdasarkan kepada amalan yang dilaksanakan dalam sistem tender ini ialah bagi nombor satu hingga sepuluh, kita telah meletakkan harga minimum sebanyak RM10,000 untuk nombor kategori nombor yang menarik, daripada 11, 22 dan 33 ia bernilai

minimum RM2,000 dan nombor kategori popular ia bernilai minimum RM300. Sekiranya mereka membida dengan harga yang tinggi, maka itu adalah merupakan hasil kepada kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang ataupun kenapakah kerajaan tidak menghidupkan balik kepada plat-plat nombor yang lama-lama seperti nombor-nombor kenderaan yang telah *discrapkan* kan, ataupun plat nombor sedemikian, dihidupkan balik dengan tawaran-tawaran yang baik untuk menampung *side income* kepada kementerian dan kerajaan? Contohnya, saya duduk di Perlis. Saya ambil R, R 10 kah, R 8 kah yang tidak ada sudah dalam kenderaan yang tidak guna, hidupkan balik. Seperti juga di Selangor. Kata B 10 kah, B 8 – nombor yang elok-elok itu dihidupkan balik untuk menarik minat orang-orang yang berada, orang yang kaya-kaya ini.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat, di atas cadangan tersebut. Cuma, apa yang berlaku sekarang ialah apabila sesuatu nombor kereta tersebut ataupun kereta tersebut sudah pun hilang, sekiranya seseorang yang ingin memiliki nombor itu semula, khususnya bagi nombor-nombor yang bernilai tinggi, mereka boleh memohon kepada JPJ untuk mendapatkan nombor-nombor tersebut. Kita telah pun meminda Akta Pengangkutan jalan dalam lebih kurang dua tahun yang lalu untuk membolehkan seseorang untuk mendapatkan nombor-nombor yang begitu bernilai tinggi untuk dimiliki semula di mana pada ketika dahulu, kita tidak boleh memilikinya kerana tidak ada peruntukan di dalam perundangan.

■1050

Akan tetapi bagi kes-kes yang melibatkan nombor-nombor lama, saya percaya ada juga sebahagian daripada nombor-nombor lama yang boleh di tender oleh penender-penender dan sekiranya Yang Berhormat berminat, mungkin boleh berjumpa pegawai-pegawai JPJ untuk mendapatkan maklumat. Walau bagaimanapun, saya percaya itu juga adalah satu cadangan yang baik. Terima kasih.

**6. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, garis panduan kesopanan dan kesusilaan bagi program-program di televisyen.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya kesemua kandungan rancangan yang disiarkan di televisyen swasta dikawal melalui peruntukan syarat khas Lesen Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan undang-undang lain yang terpakai di atasnya. Antaranya memastikan kandungan yang disiarkan tidak menyinggung sensitiviti mana-mana agama, budaya dan masyarakat di Malaysia dan memastikan kandungan yang disiarkan selaras dengan nilai-nilai dan budaya tempatan dan ini termasuklah dari aspek pakaian.

Setiap rancangan yang disiarkan di RTM pula perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam Kod Etika Penyiaran Jabatan dan Garis Panduan Lembaga Penapisan Filem. Pematuhan tersebut merangkumi etika cara berpakaian oleh artis yang terlibat dalam penerbitan program untuk tayangan di stesen televisyen. Pematuhan kepada etika berpakaian adalah selaras dengan tanggungjawab dan kepekaan kementerian terhadap kehendak masyarakat terhadap aspek tatasusila dan sosial budaya negara serta hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu bangsa yang bertamadun, berbudaya maju dan bermoral tinggi.

Dari aspek penapisan filem, untuk makluman pihak stesen televisyen perlu memastikan kesemua kandungan yang pra rakam seperti drama, filem, telefilem seram dan tahyul ini ditapis dan mendapat kelulusan terdahulu dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri sebelum ia boleh disiarkan di televisyen. Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Menteri yang menjawab. Soalan saya, jika kita melihat di era 90-an daripada sudut pemakaian dan daripada sudut adegan-adegan yang ditayangkan, sewaktu era 90-an kita nak melihat adegan dengan izin, cium di televisyen sukar, seingat saya. Akan tetapi hari ini adegan tersebut mudah dilihat termasuklah dalam filem-filem yang telah pun dibuat tapisan. Hari ini kita melihat anak-anak kita yang berbangsa Melayu cara pemakaiannya lebih terbuka berbanding dengan di era 90-an. Cuba kita bandingkan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat. Terus kepada soalan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Soalan saya, melihat kepada senario yang saya sebutkan tadi, adakah telah berlaku perubahan nilai, kod etika di dalam peraturan-peraturan yang kita buat di era 90-an dulu dan di era 2012 sekarang. Adakah telah berlaku perubahan daripada sudut piawaian? Itu soalan saya.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengaku di sini bahawa saya pun tak berapa ingat bagaimana keadaan di 90-an berbanding dengan keadaan sekarang tetapi saya percaya adegan-adegan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi pun berlaku pada tahun 90-an. Namun, mungkin dari pandangan dan sudut yang berlainan mungkin boleh kita katakan ia kita anggap sebagai tidak seperti mana yang berlaku sekarang.

Saya percaya ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem adalah terdiri dari orang-orang yang pakar dari segi agama dan juga dari segi budaya bangsa. Saya tak percaya mereka memikirkan apa yang sepatutnya ditapis, tidak mereka tapis. Saya percaya ini adalah situasi mungkin dari segi pandangan seseorang dan tak boleh kita katakan oleh kerana pakaian-pakaian muda-mudi sekarang berlainan dari apa yang telah kita nampak pada dekad-dekad yang dahulu, ini tidak semata-matanya adalah dipengaruhi oleh tayangan televisyen.

Bagaimana pula dunia yang telah terbuka ini dan *internet*. Di *internet* mungkin lebih banyak lagi yang tidak ditapis yang mereka tonton dan mereka lihat dan mungkin ikut juga. Dari segi televisyen, tontonan televisyen Yang Berhormat adalah tontonan sekeluarga. Oleh yang

demikian, ada diklasifikasikan beberapa misalnya P 13, P 18 dan di mana tayangan yang boleh dibuat pukul berapa malam dan ada yang diklasifikasikan sebagai umum. Oleh yang demikian, ibu bapa adalah yang sangat-sangat bertanggungjawab dalam perkara ini. Seperti mana yang kita semua ketahui bahawa tayangan yang ditonton oleh kita adalah di dalam tangan kita dan kita boleh gunakan alat kawalan jauh untuk memilih yang mana satu program yang patut kita tonton dan yang boleh memanfaatkan seisi keluarga. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya berhubung dengan penapisan filem. Baru ini penapisan filem ini telah diberikan kepada pengeluar filem. Sebelumnya ada jawatankuasa khusus di kementerian. Bagaimana perkembangan yang telah berlaku dan adalah pihak kementerian terus memantau penapisan filem yang telah dibuat oleh pihak penerbit filem? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penapisan filem, LPF adalah di bawah KDN dan bukan di bawah kementerian ini. Akan tetapi boleh saya katakan di sini bahawa misalnya ASTRO, semua saluran ASTRO adalah menggunakan filem ataupun produk-produk yang telah mereka tapis secara sendiri. Saya ingin katakan juga di sini bahawa selama ASTRO telah beberapa tahun kebelakangan ini, tidak ada sekali pun ASTRO diambil tindakan dari segi hukuman atau kompaun. Ini secara sendiri, mereka tapis apa yang ditayangkan oleh mereka.

#### ■1100

Ada produk yang ditapis oleh misalnya LPF yang dikatakan diklasifikasikan dengan 'U' tetapi pula diklasifikasikan oleh ASTRO sebagai P18 atau P13. Dari segi penapisan, ASTRO lebih ketat penapisan mereka dari LPF. Ada tindakan yang diambil, boleh juga saya katakan di sini bahawa ada 21 tindakan hukuman, pengkompaunan kepada saluran swasta dari 2005 hingga ke tahun lepas. Ini tidak ada sedikit pun kena mengena dengan ASTRO. Ini mungkin dari segi *business model*, misalnya Media Prima berbanding dengan ASTRO mungkin berlainan sedikit. Jadi, dari segi pemantauan dan dari segi yang ternampak oleh kita pada masa ini tidak ada sebab mengapa kementerian mengambil alih kuasa penapis filem. Terima kasih.

**7. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah bilangan pusat pendidikan awal di bawah Skim PERMATA yang telah ditubuhkan sehingga kini dan di manakan kawasan-kawasan tumpuan perwujudan pusat pendidikan awal yang banyak membantu pihak ibu bapa dalam menyediakan kanak-kanak ke alam persekolahan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, Program PERMATA Negara ditubuhkan bagi menawarkan satu alternatif dalam asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur empat tahun dan disasarkan kepada keluarga yang berpendapatan rendah di kawasan pinggir dan di luar bandar.

Pelan perancangan perusahaan Program PERMATA telah menyasarkan penubuhan sebuah Pusat Anak PERMATA Negara di setiap kawasan Parlimen. Selain itu, agensi kerajaan seperti KEMAS dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional turut melaksanakan Program PERMATA melalui taska PERMATA Kemas dan taska PERMATA Perpaduan.

Di samping itu, peluasan pelaksanaan Program PERMATA dijalankan dengan kerjasama pentadbiran kerajaan negeri seperti di negeri Terengganu melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan di Sarawak melalui Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Jumlah taska mengikut agensi pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (i) Pusat Anak PERMATA Negara sebanyak 80 unit
- (ii) Taska PERMATA KEMAS yang dilaksanakan oleh agensi jabatan KEMAS sebanyak 354 unit
- (iii) Taska PERMATA Perpaduan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ialah sebanyak 39;
- (iv) Taska PERMATA Keluarga yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Kuala Terengganu ialah sebanyak 66 unit;
- (v) Taska PERMATA di bawah Jabatan Ketua Menteri Sarawak yang dilaksanakan oleh Jabatan Ketua Menteri Sarawak ialah sebanyak 15; dan
- (vi) taska tempat kerja dan taska komuniti yang dijalankan oleh penguatkuasaan taska swasta dan JKM ialah sebanyak 122 buah

Jumlahnya ialah 676 agensi yang telah pun menjalankan pelaksanaan ini. Seperti yang dinyatakan terdahulu, kebanyakan kawasan tumpuan pewujudan pusat asuhan dan juga didikan awal anak-anak ini adalah di pinggir dan di luar bandar. Memandangkan terdapat keperluan mendesak di kawasan tersebut untuk diwujudkan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Ini kerana kekurangan kemudahan tersebut dan sebagai pendedahan kepada kanak-kanak dan masyarakat di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri kerana menjawab. Kita sedar bahawa pelaksanaan PERMATA sangat memberikan kesan yang amat positif dalam pembangunan kanak-kanak dari pelbagai aspek-aspek. Garis panduan untuk meneruskan kokurikulum, latihan dan kelayakan tenaga pendidik di semua taman asuhan kanak-kanak PERMATA ini adalah asas dan punca kejayaannya.

Adakah kerajaan akan menyelaraskan semua taska dan taman asuhan kanak-kanak di negara ini. Tidak kita kira awam atau swasta untuk mengikut sistem kurikulum PERMATA bagi mewujudkan pelajar yang cemerlang, pintar dan sihat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, sememang kita tidak dapat nafikan kejayaan PERMATA ini kepada kanak-kanak yang di bawah umur empat tahun. Ini kerana kita dapat lihat kejayaannya apabila kita pergi ke pusat kah, di tempat-tempat pinggir yang telah ditubuhkan PERMATA ini.

Jadi, seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita telah pun meminda Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012. Ini telah diwartakan pada 19 November 2012 iaitu sebulan yang lalu di mana mulai 1 Januari tahun depan iaitu 1 Januari 2013, semua taska di seluruh negara akan menggunakan kurikulum PERMATA Negara. Jadi, ini satu kejayaan kepada kita semua untuk mengadakan taska bagi mereka di bawah umur ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kekurangan taska seperti disebut, yang berkualiti, yang boleh dipercayai untuk menjaga kanak-kanak kita. Salah satu punca untuk wanita bekerja memilih jadi suri rumah sepenuh masa, itulah yang menyebabkan kekurangan tenaga manusia di negara kita. Jadi, adakah cadangan kementerian untuk membina lebih taska tersebut di seluruh negara kita, bukan sahaja untuk memberikan pendidikan awal tetapi mengurangkan kekurangan tenaga manusia di negara kita? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Senator Dato' Lim atas soalan tambahan ini. Kita memang tidak dapat nafikan bahawa keputusan untuk menghantarkan anak-anak kita ke satu taska itu adalah keputusan yang amat penting bagi ibu bapa. Terutamanya di mana ibu itu masih lagi bekerja dan apabila bersalin akan membuat keputusan apabila anak kecil lagi untuk bekerja. Itu adalah keputusan kita serahkan kepada pihak ibu membuat. Sememangnya mereka akan meninjau dan mengenal pasti bahawa pusat-pusat taska ini yang mereka hantarkan anak mereka adalah berdaftar dan juga dari segi keselamatan kena dipandu dan juga dipertimbangkan oleh ibu-ibu.

Namun bagi pihak kerajaan, kekurangan taska yang berkualiti dan dipercayai menjadi salah satu punca wanita menjadi suri rumah. Jadi, ini soalan akan menjadi seperti yang saya katakan tadi, satu pertimbangan yang amat penting bagi suri rumah. Jadi, kerajaan sememangnya menggalakkan tempat kerja mewujudkan taska. Ini adalah satu langkah yang diambil oleh pihak kerajaan di mana melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita boleh mengadakan tempat taska bagi pekerja-pekerja di mana telah pun menjadi ibu kepada anak yang mereka baru bersalin.

■1110

Jadi inilah satu langkah yang kita akan melaksanakan untuk memastikan bahawa keselamatan anak-anak kita dapat dikawal. Saya harap kita dapat memberikan satu kerjasama juga daripada semua pihak yang berkenaan untuk memaklumkan kepada autoriti yang berkenaan

sekiranya kita mengetahui ataupun mendengar ada pusat-pusat taska yang tidak selamat walaupun anak-anak kita tidak ada di situ tetapi kita ambil peranan yang bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pusat autoriti.

Kita tidak menafikan bahawa terdapat beberapa pusat taska di mana telah pun dijalankan tanpa didaftarkan. Ini boleh dilakukan sesuatu membahayakan anak-anak kita dan kita sering mendengarkan berita-berita daripada surat khabar. Jadi saya berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat Senator yang begitu prihatin dalam perkara ini. Kerajaan memang menggalakkan bahawa kita teruskan kerja terutama kepada wanita yang ber*qualification* tinggi dan kita menyediakan taska di tempat kerja mereka supaya mereka dapat teruskan kerja. Terima kasih.

**8. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan sekiranya benar bahawa Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan diambil alih oleh *Malaysian Mining Corporation*.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan mengenai cadangan pengambilan alih KTMB oleh *Malaysian Mining Corporation* (MMC). Dalam hubungan ini kerajaan perlu mengkaji dengan mendalam dan memperhalus dengan terperinci cadangan yang telah dikemukakan oleh MMC mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Rahman Bakar.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kerajaan masih menilai dan mengkaji, saya hendak bertanya apakah yang akan dinilai dan dikaji. Kedua, apakah syarat-syaratnya untuk MMC ambil alih KTM.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar yang mewakili Dato' Dr. Firdaus. Dia ada *joint venture* juga dekat sini.

Sebenarnya memang perkhidmatan kereta api ini merupakan satu perkhidmatan nasional dan berkepentingan nasional kerana ini merupakan perkhidmatan yang bukan sahaja bersejarah tetapi penting kepada negara. Hakikatnya juga adalah KTM pada hari ini mengalami kerugian dalam operasinya yang begitu besar yang terpaksa oleh ditanggung oleh kerajaan. Puratanya lebih kurang RM100 juta setahun. Sejak lama kerugian ini dan ini menimbulkan satu tanda tanya sampai bilakah kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang besar ini. Setakat ini sejak tahun daripada 2002 hingga 2012, sepuluh tahun kerajaan terpaksa menanggung sebanyak RM711 juta kerugian yang dibuat oleh KTMB.

Ini jadi satu persoalan, ini mesti ditangani dengan baik adakah pihak yang boleh mengambil alih perkhidmatan kereta api yang begitu penting kepada nasional ini, negara ini dan

dapat menjalankan perkhidmatan ini dengan cara yang tidak rugi. Walaupun tidak untung, tidak rugi. Itu satu pertimbangan.

Keduanya, pertimbangannya ialah KTM mempunyai seramai 5,500 orang kakitangan dan 5,000 nya ialah pegawai bukan eksekutif yang merupakan ahli-ahli kesatuan kerja RUM. Mereka juga mempunyai kepentingan. Kerajaan mahu memastikan supaya kebajikan mereka ini tidak dikompromikan. Ini juga satu pertimbangan.

Ketiganya, kerajaan telah menjalankan pelbagai pelaburan yang besar untuk menaik taraf perkhidmatan kereta api. Bahkan dalam belanjawan NKRA diberi peruntukan sebanyak RM2.5 bilion kepada KTMB termasuk pembelian gerabak-gerabak baru untuk komuter. Sebanyak 38 buah gerabak yang baru yang akan dapat menaikkan kapasiti membawa penumpang dua kali ganda komuter ini. Satu jam dia boleh menambah dua kali ganda. Kalau sekarang ini 8,000 kalau tidak silap saya, satu jam penumpang, dia boleh tambahkan lagi.

Jadi pelaburan yang begitu besar ini perlu dipastikan supaya ianya tidak disia-siakan. Jadi inilah antara perkara-perkara penting yang terpaksa dihalusi oleh kerajaan. Sekali gus merupakan syarat-syarat pertimbangan kepada apa-apa juga keputusan yang akan dibuat oleh kerajaan nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dr. Syed Husin. Silakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui setakat mana ataupun berapa banyak tanah yang sekarang ini masih dimiliki oleh KTM. Memang ada yang sudah diambil oleh kerajaan tetapi ada orang mengatakan bahawa setengah-setengah pihak mahukan KTM itu bukan kerana KTM tetapi kerana tanah yang ada padanya. Jadi saya hendak tahu berapa banyak yang masih ada pada KTM. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. memang KTM mempunyai tanah persekitaran kawasan laluan kereta api, stesen-stesen, tanah-tanah dan bangunan-bangunan kuarters walaupun yang lama, memang ada. Akan tetapi kalau Yang Berhormat minat kepada berapa ekar itu saya minta pegawai nanti beri secara bertulis kerana saya tidak tahu.

Akan tetapi kalau pun ada setakat mana tanah-tanah ini boleh dibangunkan supaya ia dapat digunakan untuk mengimbangi keperluan kewangan untuk menjalankan operasi kereta api ini. Ini juga perlu dilihat dan diambil kira kesemua ini. Saya kira yang pentingnya ialah apa kerugian yang dialami ini yang berjumlah RM100 juta setahun ini dapat dibendung, diatasi supaya kerajaan tidak mengalami kerugian ini berpanjangan dalam jangka masa panjang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**9. Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah modus operandi yang digunakan dalam pelaksanaan *Graduate Employability Task Force*.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa *Graduate Employability Task Force* dengan izin atau singkatannya GET telah ditubuhkan oleh kerajaan ekoran daripada pelancaran *Graduate Employability Blueprint 2012* hingga 2017 dengan izin, atau GEB pada bulan Disember ini.

■1120

Jawatankuasa GET yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan berfungsi untuk menyelia dan memantau GEB. GET turut dianggotai oleh pelbagai agensi awam dan swasta termasuk Persekutuan Majikan-majikan Malaysia dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia serta lima pihak berkuasa koridor ekonomi negara iaitu dengan izin, *Iskandar Regional Development Authority* yang mengurus Iskandar Malaysia, *Eastern Corridor Economic Region Development Council* yang mengurus *Eastern Corridor Economic Region*, *Northern Corridor Implementation Authority* yang mengurus *Northern Corridor Economic Region*, *Regional Corridor Development Authority* yang menguruskan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* dan *Sabah Economic Development and Investment Authority* yang mengurus *Sabah Development Corridor*.

Jawatankuasa GET akan bermesyuarat empat kali setahun untuk menyelia dan memantau pelaksanaan program GEB. Ini termasuklah:

- (i) merancang program-program kebolehdapatan kerja graduan atau dengan izin, *graduate employability* atau GE yang bersesuaian untuk memastikan guna tenaga yang dikeluarkan dapat memenuhi keperluan industri;
- (ii) menyelaraskan program-program GE supaya tiada pertindihan dan memaksimumkan penggunaan sumber; dan
- (iii) memantau pencapaian pelaksanaan program GE dari segi penghasilannya.

Sekian.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya cuma ingin bertanya, setakat kini berapakah jumlah terkini pengangguran dari kalangan pelajar universiti? Seterusnya, peruntukan yang diperuntukkan di dalam Bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak RM200 juta, rasanya berapa lama kah peruntukan itu dapat bertahan? Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, Kajian Pengesanan Graduan dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bertujuan untuk mengetahui status pelajar selepas enam bulan tamat pengajian mendapati dari tahun 2007 hingga 2011, jumlah pelajar yang mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian adalah dalam julat 52.7% hingga 59.6%. Bilangan dalam julat 16.4% hingga 20.1% telah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Baki pelajar yang belum mendapat pekerjaan adalah dalam julat 24% hingga 26.7%. Antara alasan yang diberikan adalah kerja yang ditawarkan tidak sesuai, mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga, ingin berehat, tidak mahu berpindah dari keluarga dan masih mencari pekerjaan. Bakinya dalam julat 16.4% hingga 20.1% telah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Hasil dapatan *case study* tersebut adalah baik. Kementerian akan meninggikan lagi sasaran dengan mengekal atau meninggikan lagi julat graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan kepada 75%. Kementerian juga sedang menjalankan kajian bilangan graduan yang mendapat pekerjaan selepas tempoh enam bulan tersebut. Ia bertujuan untuk memberi gambaran lebih jelas tentang tahap kebolehdapatan pekerjaan graduan. Sekian.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan mempunyai data atau angka tentang bilangan graduan yang mendapat tauliah-tauliah atau ijazah-ijazah palsu yang telah mendapat pekerja? Ini kerana kita tahu bahawa ijazah palsu ini baru-baru ini ditimbulkan dan telah disiasat tetapi kita tidak tahu apa kesudahannya, dan yang palsu ini bukan sahaja dalam negara tetapi di luar negara. Jadi, saya ingin tahu adakah dapat dikesani berapa ramai misalnya yang telah mendapat pekerjaan di antara mereka ini? Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat yang terkini pada saya tetapi saya akan jawab secara bertulis. Akan tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang selalu kita dapati itu bukan terlalu serius. Ini yang saya fahami. Kalau kita dapat aduan daripada majikan yang mengatakan pekerja yang mereka dapat atau pun yang baru *graduate* itu tidak memenuhi kehendak industri, jadi kalau ada syak, kita selalu menasihatkan mereka supaya mengadu kepada kita atau membuat penyiasatan sendiri atau bertanya kepada universiti yang berkenaan. Sekian.

**10. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta Menteri Pelajaran menyatakan, bagaimana peruntukan RM100 juta bagi sekolah Tamil yang diumumkan di Bajet 2012 telah digunakan. Apakah bilangan sekolah yang akan atau telah dimanfaatkan daripada skim ini dan pecahan mengikut negeri. Adakah kontrak-kontrak untuk pengubahsuaian atau pembinaan baru diberikan kepada kontraktor India.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, sebanyak 224 buah SJKT telah mendapat manfaat melalui Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012. Pelaksanaan projek pembinaan SJKT melibatkan dua skop kerja iaitu ubah suai, naik taraf atau pun USNT untuk 184 buah sekolah, dan pembinaan blok tambahan dan blok bangunan baru untuk 40 sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri diberi tanggungjawab untuk menyenaraikan kontraktor pelaksana. Pelaksanaan Projek SJKT ini melalui tiga kaedah iaitu:

- (i) tender bagi nilai kerja melebihi RM500,000;
- (ii) sebut harga bagi nilai kerja RM100,000 hingga ke RM500,000; dan
- (iii) *requisition* bagi nilai kerja di bawah RM100,000.

Sememangnya kerja-kerja ini diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera India. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan ke atas soalan saya. Untuk sekolah Tamil, ia boleh dibahagikan ke dua kategori iaitu sekolah bantuan penuh di mana tanah sekolah itu dimiliki oleh kerajaan dan semua kegiatan sekolah ini dibuat oleh kerajaan. Kita juga ada sekolah bantuan modal di mana tanah sekolah ini kepunyaan swasta.

Soalan tambahan saya ialah adakah peruntukan RM100 juta ini hanya bertujuan untuk meningkatkan taraf bangunan sekolah bantuan modal? Berapa banyak kah sekolah bantuan penuh yang telah diubahsuai oleh kerajaan dan apakah amaunnya untuk dua tahun kebelakangan ini?

Terdapat juga sekolah bantuan modal yang dimiliki oleh GLC. Kenapa tidak kerajaan atau kementerian mempercepatkan sekolah-sekolah ini di tukar ke bantuan penuh kerana GLC ini memanglah dimiliki oleh kerajaan dan sepatutnya penyerahan tanah ke kementerian tidak sepatutnya ada dengan izin, banyak *red tape*. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, RM100 juta di bawah Pakej Rangsangan ini hanya untuk SJK(T) bantuan modal. SJK(T) kerajaan itu kita masuk di dalam bajet pembangunan yang sedia ada. Sebanyak RM100 juta ini hanya untuk SJK(T) bantuan modal sahaja.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu berkenaan soal penukaran status. Penukaran status ini pertama Yang Berhormat, mestilah mendapat persetujuan 100% ibu bapa. Kedua, persetujuan daripada LPS, sekolah berkenaan. Kalau mereka bersetuju kita tidak ada masalah. Sebab itu yang menjadi masalah kepada kita, sebagai contohnya, kalau saya boleh ambil contoh SJK(T) Castlefield. Kita ada masalah sekarang ini untuk memindahkan sekolah tersebut ke tapak baru kerana memberi laluan kepada pembinaan LRT.

■1130

Akan tetapi kerana kita tidak persetujuan 100% ada dua pihak yang berbeza pandangan, jadi kita tidak boleh buat apa. Maksudnya kalau tidak ada sokongan 100% persetujuan ibu bapa kita tidak boleh buat sebab kalau kita pindah nanti ada yang tidak hendak pindah maka menimbulkan masalah. Jadi, konflik seperti ini, isunya Yang Berhormat ialah sama ada SJK(T) bantuan modal ataupun kerajaan, itu sebenarnya adalah sekolah yang mendapat bantuan kerajaan termasuk gaji dan sebagainya. Apa yang membezakan ialah soal status tanah itu jadi itu yang menjadi kerumitan sebenarnya. Sedangkan guru yang mengajar di SJK(T) bantuan modal itu adalah guru Kementerian Pelajaran Malaysia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, soalnya sekarang ini ialah isu tanah sebab kalau kita membina bangunan menggunakan peruntukan, kita bimbang satu hari nanti pihak LPS itu menuntut hendak ambil balik tanah tersebut. Ini yang menjadi persoalan pada kita sebenarnya untuk memberikan bantuan yang sepenuhnya kepada sekolah-sekolah berkenaan. Terima kasih.

**11. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, status satu lagi operator feri yang telah diberikan lesen namun masih gagal beroperasi sehingga kini memandangkan pengangkutan ini sangat diperlukan oleh penduduk Labuan untuk ke tanah besar Sabah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Kementerian Pengangkutan telah pun mengeluarkan lesen perkhidmatan Ro-Ro Feri kepada dua syarikat baru iaitu Juta Bonus Sdn. Bhd. dan Labuan Mainland Link (LML) Sdn. Bhd. Selain daripada penyedia perkhidmatan sedia ada iaitu Labuan Ferry Corporation Sdn. Bhd. yang memiliki dua buah feri. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat ini pemegang lesen baru Juta Bonus Sdn. Bhd. telah pun memulakan operasinya pada Ogos 2012. Manakala Labuan Mainland Link Sdn. Bhd. dijangka akan memulakan perkhidmatan pada penghujung tahun 2013. Kelewatan ini adalah berkaitan dengan masalah pembiayaan yang telah pun diatasi oleh syarikat tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan pertama Yang Berhormat Datuk Haji Yunus

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri yang berkenaan, sahabat saya. Pada pandangan saya penganugerahan lesen operator feri di Labuan ada satu penghormatan oleh kerajaan, satu tanggungjawab sosial yang perlu dipikul bagi memenuhi aspirasi rakyat Labuan untuk menjalankan aktiviti seharian. Selain dari memikirkan keuntungan perkhidmatan feri ini sebenarnya menjadi simbolik ekonomi, politik dan sosial antara rakyat Labuan dan tanah besar Sabah. Umum mengetahui hingga hari ini rakyat Labuan masih mengharapkan pembinaan jambatan yang bakal terlaksana hasil keprihatinan Kerajaan Pusat. Namun perkhidmatan feri ini tetap menjadi pengangkutan penting dan ikon bagi Pulau Labuan.

Soalan saya ialah apakah kementerian bercadang atau sudah sampai masanya dibuka kepada operator lain yang berminat dan memiliki keupayaan *facility* terbaik. Agar diberi peluang untuk mengendalikan operasi feri di Labuan demi kesejahteraan rakyat seiring dengan tema, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan." Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana telah memberikan pandangan yang begitu bernas berkaitan dengan permasalahan tersebut. Kita memang mengharapkan satu hari nanti bahawa akhirnya rakyat Labuan akan memiliki sebuah jambatan yang akan menghubungkan di antara Labuan dengan

*mainland*. Ini yang sudah tentu bukan sahaja memberikan keuntungan kepada Labuan sebagai pusat IOFC dan juga perkhidmatan *oil and gas* tetapi juga akan memberikan faedah kepada negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah awal kita telah pun mengambil keputusan, kementerian telah pun mengambil keputusan untuk menambah baik perkhidmatan feri bagi laluan Labuan dan Sabah iaitu dengan mengeluarkan lesen seperti mana yang telah saya nyatakan tadi. Jika sebelumnya hanya ada dua buah feri yang dikendalikan oleh Labuan Ferry Corporation tetapi dengan permintaan yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin daripada Labuan khususnya Yang Berhormat sendiri. Maka kerajaan telah pun mengeluarkan dua lesen bagi pengendalian Ro-Ro Feri iaitu seperti yang dinyatakan tadi Juta Bonus Sdn Bhd dan juga Labuan Mainland Link Sdn. Bhd.

Terdapat sedikit kelewatan bagi perkhidmatan Labuan Mainland Link kerana terdapat isu berkaitan dengan *funding*. Selain daripada itu pihak kerajaan juga telah pun mengeluarkan lesen feri penumpang kepada Isro Shipping Sdn. Bhd. yang bermula pada 17 Disember 2010. Ini juga adalah merupakan salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan feri penumpang yang selama ini menggunakan bot-bot kecil yang sudah tentulah berbahaya ataupun keselamatannya mungkin tidak begitu terjamin.

Bagaimanapun, untuk masa-masa akan datang kerajaan akan mempertimbangkan sekiranya terdapat permintaan yang ketara. Saya sedar bahawa penduduk Labuan telah pun meningkat hampir 100,000 orang dan dengan kegiatan ekonomi yang pesat sudah tentulah banyak aktiviti-aktiviti keperluan untuk mengadakan perkhidmatan tersebut. Untuk itu juga, kerajaan dalam Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri di atas keprihatinan terhadap rakyat Labuan. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberikan subsidi ataupun diskaun tambang 50% kepada semua penumpang-penumpang yang menggunakan feri dan juga mereka ataupun komersial *vehicle* yang digunakan untuk mengangkut barang-barang pengguna untuk memberikan kos yang lebih murah kepada rakyat Labuan.

Jadi Yang Berhormat Senator, ini adalah merupakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan. Percayalah bahawa kerajaan akan sentiasa membela nasib rakyat Labuan dalam apa juga permasalahan yang dihadapi. Kita juga mengharap bahawa satu hari nanti harapan Yang Berhormat untuk mendapatkan jambatan itu akan dapat direalisasikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah pada masa dahulu kita terdapat perkhidmatan feri antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak, Sabah namun itu telah dibatalkan. Adakah sebarang rancangan kementerian atau cadangan mana-mana pihak bagi mewujudkan semula perkhidmatan tersebut? Ini bukan sahaja menjadi pengangkutan antara Semenanjung dan Sabah Sarawak, juga menggalakkan interaksi rakyat dan menggiatkan industri pelancongan tempatan. Sekian.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya di masa lalu kita mempunyai sebuah perkhidmatan feri yang dipanggil Feri Muhibbah yang bukan sahaja mengangkut penumpang tetapi juga boleh mengangkut kenderaan daripada Sabah Sarawak dan seterusnya ke Semenanjung. Akan tetapi akhirnya Feri Muhibbah tersebut diberhentikan di atas masalah dari segi *viability* ataupun kos yang terlibat. Disebabkan perkembangan yang terkini di dalam sektor pengangkutan negara kita, yang mana wujudkan sektor pengangkutan udara *low cost* dan juga pembukaan *open sky policy* yang akan berlaku pada 2015.

Ini sudah tentu akan mengubah dari segi *pattern* ataupun pola perjalanan dan pengangkutan di dalam negara ini dan ianya akan memberikan satu bentuk persaingan yang terbuka dan ini akan memberikan kemudahan yang lebih banyak kepada penduduk di Sabah dan Sarawak ke Semenanjung. Bagaimanapun sekiranya di masa akan datang terdapat permintaan yang ketara dan juga keperluan yang mendesak mungkin kerajaan boleh mempertimbangkannya. Akan tetapi ianya adalah bergantung kepada *cost benefit analysis* yang boleh dilakukan untuk memastikan apabila ianya dilaksanakan, ianya benar-benar berjaya. Kalaupun tidak mencapai keuntungan yang ketara tetapi ianya haruslah sekurang-kurangnya *breakeven* ataupun membolehkan ianya beroperasi dengan begitu licin dan teratur. Terima kasih.

■1140

**12. Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan, dengan peruntukan perbelanjaan yang amat besar bagi menambah mutu bidang pendidikan negara di dalam Bajet 2013, adakah kementerian bercadang untuk memberi pendidikan moral dan akhlak dengan lebih khusus dan lebih spesifik lagi yang memfokuskan kepada jati diri, nilai diri dan harga yang bertujuan menghalang perlakuan yang bertentangan dengan nilai agama seperti perbuatan seks rambang yang agak berleluasa masa kini. Berapakah bajet yang spesifik yang diperuntukkan untuk memupuk nilai yang mulia di kalangan pelajar-pelajar.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia sejumlah RM38.7 bilion pada Belanjawan 2013 yang merangkumi RM36.61 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM2.118 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Di samping itu sebagai tambahan, sejumlah RM500 juta untuk pelaksanaan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk memastikan perancangan pendidikan negara dalam semua aspek mencapai objektif yang dirancang.

Justeru, bagi membentuk nilai agama seperti yang dibangkitkan, KPM akan terus memperkasakan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam (PI) dalam sistem pendidikan kebangsaan dan diperkukuhkan dengan pelaksanaan Program *j-QAF* dan KPM juga selanjutnya memperkukuh dan memantapkan penguasaan dan penghayatan murid terhadap program agama dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum agama seperti Kem Bestari Solat, majlis khatam al-Quran, iklim dini, Program SUMUR, nadwah kepimpinan pelajar dan sebagainya.

Jadi walaupun Yang Berhormat, kita tidak memperjelaskan peruntukan khusus tentang program-program untuk memupuk nilai yang mulia di kalangan pelajar-pelajar tetapi kita melakukannya melalui mata pelajaran-mata pelajaran yang tertentu seperti pendidikan moral, sivik, kewarganegaraan dan pendidikan agama. Di samping itu kita juga melaksanakannya melalui pendidikan kesihatan dan reprodktif sosial. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah di atas usaha-usaha kementerian setakat ini untuk menerapkan nilai-nilai yang murni kepada pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun, banyak guru yang mengadu pening kepala dengan pelbagai perangai kerenah, dan perlakuan pelajar-pelajar semasa di sekolah.

Soalan saya ialah adakah ini menggambarkan bahawa usaha-usaha kementerian setakat ini untuk menerapkan nilai-nilai murni telah gagal atau adakah kurikulum yang disediakan mungkin tidak bertepatan dan tidak komprehensif ataupun menyeluruh dan apakah sebenarnya kesan setakat ini. Saya juga nak tahu bahawa sejauh manakah seriusnya isu ponteng, perlakuan sumbang dan *indiscipline* di sekolah. Berapakah peratusan pelajar yang terbabit dan bagaimanakah sistem pemantauan serta tindakan yang diambil untuk membendung perkara ini di sekolah. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar di sekolah telah pun menurun daripada segi peratusan. Untuk tahun 2012 ini, hanya 2.03% sahaja berbanding pada tahun 2011 iaitu 2.05%. Penurunannya agak signifikan sedangkan KPI Kementerian Pelajaran untuk tahun 2012 ini ialah 2.04% tetapi kita telah berjaya mengurangkan kepada 2.03%.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kita juga telah memperkukuhkan bahagian kaunseling kita terutama untuk menangani kes-kes disiplin pelajar ini sama ada gengsterisme, ponteng sekolah dan sebagainya tapi saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat juga bahawa kes ponteng sekolah ini pelbagai. Antaranya ialah masalah pelajar-pelajar di pedalaman yang berhadapan dengan masalah pengangkutan terutamanya jika berlaku banjir atau hujan dan sebagainya ataupun jika sekolah tersebut tidak ada kemudahan asrama desa, maka ponteng sekolah adalah tinggi.

Jadi kalau kita campur itulah yang menyebabkan barangkali kita lihat seolah-olah masalah ponteng sekolah ini amat menonjol di antara pelbagai kesalahan dalam kes disiplin pelajar. Cuma barangkali Yang Berhormat, ingin diperjelaskan di sini bahawa isu disiplin ini tidak hanya sepatutnya kita beri tanggungjawab kepada sekolah dan guru-guru.

la juga melibatkan peranan ibu bapa iaitu ibu bapa sepatutnya juga memantau pergerakan anak-anaknya terutama apabila mereka menggunakan Internet di rumah dan sebagainya. Ini juga amat penting dan kita juga perlu bekerjasama dengan ibu bapa iaitu jika

sekiranya ada salah laku anak-anak mereka diambil tindakan, ibu bapa janganlah pula cepat untuk saman guru dan sebagainya. Kadang-kadang ini juga yang menyebabkan guru tertekan dengan tindakan-tindakan seperti ini. Walau apa pun, sebenarnya seperti mana yang pernah saya jawab di Parlimen ini bahawa kita mempunyai kita mempunyai KPI tertentu untuk mengatasi masalah-masalah disiplin ini. Antaranya yang saya sebut semalam ialah tentang Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah. Kita juga telah mengadakan kerjasama dengan pihak polis untuk melaksanakan *omnipresent* iaitu di sekolah-sekolah yang terpilih, kita ada seorang polis dan dua anggota RELA yang akan hadir dalam waktu-waktu puncak iaitu pagi, tengah hari dan petang untuk membantu mengawal keadaan di sekolah. Terima kasih.

**13. Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop** minta Menteri Kewangan menyatakan, lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti bagi tujuan pembinaan perumahan rakyat mampu milik bagi rakyat berkecukupan di Lembah Klang.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merupakan syarikat milik Menteri Kewangan diperbadankan yang bertanggungjawab menyediakan rumah mesra rakyat dan rumah mampu milik yang berkualiti. Semasa pembentangan Bajet 2013, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa projek perumahan SPNB yang akan dilaksanakan segera. Ini termasuk membina rumah mampu milik di kawasan Lembah Klang iaitu sebanyak 655 unit apartmen kos sederhana dengan keluasan 850 kaki persegi di Shah Alam. Perincian projek rumah mampu milik yang akan dilaksanakan oleh SPNB bermula tahun 2013 adalah seperti berikut:

Lokasi	Bilangan Unit	Cadangan Harga Jualan (RM/ ratus ribu)
Shah Alam	655	220,000 ke bawah
Sungai Buloh	1200	220,000 ke bawah

Jumlah keseluruhan ialah sebanyak 1855 unit di kawasan Shah Alam dan Sungai Buloh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat To' Puan.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya nampak sangat setia dengan Dewan ini daripada hari pertama sampailah hari akhir hari ini sentiasa berada di Dewan.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan menyediakan tanah bagi pembinaan rumah mampu milik supaya harga rumah dapat dikurangkan. Sejauh manakah penglibatan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan sebagainya bagi menjayakan Program Perumahan Rakyat Mampu Milik serta sejauh manakah institusi kewangan

telah memainkan peranan dan memberi kemudahan kepada pembeli rumah di bawah skim projek ini. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1150

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang di kawasan-kawasan bandar terutamanya di Lembah Klang, SPNB banyak bergantung kepada tanah-tanah yang diberikan oleh kerajaan kerana kalau tanah itu dibeli daripada pihak swasta maka sudah tentu harga rumah tersebut di luar kemampuan pembeli dan kebanyakan rumah mampu milik yang dijual oleh SPNB ini adalah kurang daripada RM200,000. Ini pun di Lembah Klang terpaksa dinaikkan sedikit RM220,000 ke bawah.

Di kawasan-kawasan luar bandar, di negeri-negeri lain pihak SPNB boleh bekerjasama dengan tuan-tuan tanah umpamanya ataupun dengan kontraktor-kontraktor yang mencari tanah asalkan harga yang akhirnya yang dijual kepada pembeli itu adalah dalam lingkungan yang munasabah. Biasanya di antara RM100,000 hingga RM200,000. Ada juga di kawasan-kawasan tertentu, ianya di bawah RM100,000.

Buat masa ini rumah mampu milik yang telah dibina oleh SPNB seluruh negara ialah 21,187 buah rumah. Rumah yang sudah siap 15,020 buah rumah, dalam pembinaan 6167 buah rumah. Negeri-negeri yang banyak adalah negeri banyak pembinaan rumah-rumah ini adalah contohnya tiga negeri tertinggi ialah Selangor sebanyak 4225 buah rumah, Sarawak sebanyak 2115 buah rumah dan Sabah sebanyak 1,998 buah rumah.

Buat masa ini, pembiayaan daripada bank-bank tidaklah bermasalah kerana harga rumah juga adalah dianggap berpatutan dan tidak menimbulkan masalah kerana rumah-rumah ini juga dicagarkan kepada bank. Jadi bank tidak ada masalah sekiranya tidak berlaku pembayaran maka bank tidak mengalami masalah untuk menjualnya kepada pembeli yang lain. Jadi pembiayaan rumah-rumah ini tidak menimbulkan masalah buat masa ini. Jadi itulah gambaran secara keseluruhan pembinaan rumah-rumah mampu milik yang telah dibuat oleh SPNB setakat ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya persilakan pertanyaan seterusnya yang ke-14, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin.

**14. Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah usaha-usaha dan langkah kementerian dalam meningkatkan disiplin murid-murid sekolah pada masa sekarang dan hadapan agar ia seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berkeperibadian mulia, berpengetahuan serta mempunyai ketahanan dan kebolehan untuk berhadapan dengan pengaruh-pengaruh yang negatif.

Bagi menghalang keruntuhan disiplin dalam kalangan murid sekolah selain daripada menguatkuasakan peraturan-peraturan penyelidikan yang berkaitan dengan disiplin murid, Kementerian Pelajaran Malaysia juga melaksanakan pelbagai langkah antaranya ialah menetapkan KPI kepada setiap Jabatan Pelajaran Negeri supaya dapat mengurangkan sebanyak 0.01% masalah ini pada tahun 2012 dan di peringkat KPM, sasaran pengurangan adalah sebanyak 0.35% pada tahun 2011 kepada 0.34% pada tahun 2012. Di samping itu, kita telah melaksanakan pelbagai langkah lain antaranya ialah:

- (i) mengamalkan dan membudayakan amalan budaya penyayang dalam kalangan guru serta warga sekolah. Ini maksudnya apabila pelajar datang ke sekolah, guru akan tunggu di depan pintu, menyambut mereka supaya pelajar tidak rasa tertekan dan sebagainya;
- (ii) mengadakan profil murid yang terlibat dengan permasalahan disiplin di sekolah;
- (iii) menguatkuasakan peraturan keselamatan keluar masuk murid di sekolah;
- (iv) bekerjasama dengan pihak polis seperti mana yang saya sebutkan tadi iaitu kita telah pun mewujudkan *omnipresent*;
- (v) melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara berfokus kepada murid terlibat. Oleh sebab itu kita ada KPI juga untuk memastikan jumlah pelajar yang menggunakan kemudahan kaunseling ini meningkat dari semasa ke semasa;
- (vi) mengadakan kerjasama, operasi penting dengan pihak PIBG; dan
- (vii) mengadakan *engagement* bersama ibu bapa murid-murid yang terlibat dengan kes-kes disiplin.

Jadi itulah di antara langkah-langkah yang kita lakukan selain daripada kita meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dari segi kaedah yang boleh meningkatkan minat murid untuk hadir dan belajar di sekolah. Ini termasuklah memastikan guru-guru masuk ke kelas mengikut jadual yang ditetapkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin.

**Datuk Chin Su Phin:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Disiplin para pelajar banyak dibentuk melalui hubungan yang baik di antara guru dan pelajar. Oleh itu, bagaimana konsep guru penyayang yang telah diperkenalkan pada Februari lepas dapat meningkatkan disiplin belajar yang semakin meruncing ketika ini. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Projek Guru Penyayang ini adalah merupakan antara langkah-langkah terbaru yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengurangkan masalah disiplin di kalangan pelajar. Seperti mana yang saya sebut, guru penyayang ini antara yang kita lakukan ialah guru menyambut di pintu

pagar sekolah setiap pagi ketika pelajar-pelajar itu baru sampai ke sekolah. Dengan kata lain bahawa cara yang seperti ini akan dapat merapatkan lagi hubungan mesra antara pelajar dan guru dan ini juga sebenarnya membantu sebenarnya untuk menimbulkan satu kesedaran kepada murid bahawa mereka itu disayangi sebenarnya, mereka itu dihormati, mereka itu sebenarnya diberikan perhatian oleh guru.

Jadi dengan cara itu maksudnya ia akan mengurangkan ketegangan kepada murid terutamanya rasa tidak suka untuk ke sekolah kerana dia merasakan dia amat disayangi. Jadi dengan cara ini, hubungan yang rapat ini sebenarnya akan mewujudkan suasana yang lebih harmoni di sekolah dan ini sebenarnya memudahkan hubungan yang lebih rapat antara guru dengan murid ini dengan konsep guru penyayang ini, kita yakin sebenarnya pelajar itu akan lebih mudah untuk menerima nasihat daripada guru dan dia akan lebih mudah untuk berjumpa guru jika sekiranya dia berhadapan dengan pelbagai masalah. Sebabnya kita tahu antara punca masalah disiplin di kalangan pelajar ini ialah masalah-masalah di rumah, masalah keluarga, pengaruh luar dan sebagainya.

Barangkali apabila dia mempunyai hubungan yang rapat dengan guru maka dia akan lebih terbuka sebenarnya untuk mendapatkan nasihat, mendapatkan kaunseling, teguran dan sebagainya. Oleh sebab itulah pada kita program guru penyayang ini amat penting. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

**11.57 pg.**

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejauh manakah garis panduan dan langkah-langkah yang disebut oleh Yang Berhormat itu tadi telah dapat mengurangkan kes gengsterisme dan pembuli di kalangan pelajar-pelajar terutama aspek buli ini terutama di kalangan pelajar-pelajar di sekolah asrama. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri memanglah wajar tetapi saya ingin tahu keberkesanannya semenjak dua tiga tahun yang lalu kalau dapat statistik lagi bagus dalam membasmi gengsterisme dan perbuatan membuli. Pembuli khusus kepada sekolah-sekolah berasrama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat Menteri, saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung. Silakan Yang Berhormat Senator.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kai Dee Bintulu, Sarawak. Saya merupakan Pengerusi LPS sekolah tersebut. Terima kasih.

## ■1200

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, seperti mana yang saya sebutkan, antara isu disiplin yang besar ialah gengsterisme dan ponteng sekolah termasuklah buli yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi berdasarkan kepada statistik kita, seperti yang saya jelaskan tadi bahawa kalau kita merujuk 2008, kadar masalah disiplin ialah sebanyak 2.08%. Pada tahun 2009 ialah 2.06%, 2010 ialah 2.06% juga dan 2011 ialah 2.05% tetapi pada tahun 2012 turun kepada 2.03%.

Jumlah kes buli ini meningkat kalau kita pecahkan mengikut apakah kes-kes salah laku sama ada kelucahan, kurang sopan, laku musnah, kekemasan diri, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan merokok. Buli meningkat sedikit sebab sekarang ini buli ini merangkumi semua termasuk buli bahasa. Maksudnya buli ini ialah selain daripada fizikal tetapi bahasa iaitu apa-apa sahaja.

Walaupun kalau dia kata bahawa, "*Kau ini handsome seperti Senator Firdaus Abdullah.*" Itu pun dianggap buli juga sebab mungkin dia tidak suka, mungkin dia anggap dia lebih seperti pelakon Bollywood, dia tidak minat. Maafkan saya Yang Berhormat ya, Shah Rukh Khan. Jadi dia menganggap itu buli, maka dia mengadu sebab sekarang ini di sekolah kita ada peti untuk membuat aduan. Jadi apa-apa sahaja boleh masuk di situ. Jadi benda yang mungkin kecil tetapi dianggap buli, masuk. Jadi sebab itu kita lihat jumlah itu meningkat. Jadi sebab itulah pada kita yang penting ialah kaunseling adalah cukup penting dan sebab itu kita mahu meningkatkan KPI kaunseling iaitu kehadiran pelajar berjumpa guru kaunseling itu meningkat supaya kita dapat mengatasi masalah-masalah disiplin. Terima kasih.

**15. Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah projek penjanaan Hidro Elektrik Bakun telah pun siap dan beroperasi sepenuhnya dan kepada siapakah hasil janaan elektrik tersebut dibekalkan; dan
- (b) adakah projek tersebut mencapai tahap EIA yang ditetapkan dan apakah kesannya ke atas alam sekitar di kawasan berdekatan.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan ketiga yang saya jawab pagi ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Hidro Elektrik Bakun dibangunkan dan dimiliki oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (SHSB) sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Sehingga kini projek ini telah mencapai tahap siap 99.06%. Melalui pemasangan empat turbinnya, Projek Hidro Elektrik Bakun telah beroperasi secara komersial mulai bulan Ogos 2011 dan hasil janaan tenaga elektrik tersebut telah pun dijual kepada SESCO Kemajuan Sdn. Bhd. syarikat utiliti di Sarawak melalui *Power Purchase Agreement* (PPA) yang ditandatangani pada 1 Jun 2011.

Pada masa ini, tenaga yang dibeli oleh SESCO telah pun mempunyai pembeli dan digunakan untuk kegunaan industri di *Sarawak Corridor Renewable Energy* (SCORE). Antara pembelinya ialah:

- (i) Tokuyama Malaysia Sdn. Bhd. – 360 megawatt;
- (ii) OM Material (Sarawak) Sdn. Bhd. – 500 megawatt;
- (iii) Press Metal Berhad – 480 megawatt; dan,
- (iv) Asia Minerals Ltd. – 270 megawatt.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pembinaan projek Hidro Elektrik Bakun telah dilaksanakan menurut ketetapan dan keperluan yang disyaratkan di dalam laporan EIA. Ini termasuklah reka bentuk sesetengah struktur binaan seperti pemasuk atau *power intake* yang direka khas mengikut keperluan pengambilan air lapisan atas *reservoir* 10 hingga 15 meter teratas yang lebih bersih dan tinggi kandungan oksigennya untuk penjanaan tenaga dan kemudian kembali keluar ke hilir sungai. Lebih RM15 juta juga telah dibelanjakan untuk membina dua unit *water release vault* yang terbesar di dunia bagi melepaskan air yang secukupnya ke hilir semasa tahun pertama penakungan demi keperluan kehidupan air hiliran.

Dari segi penjagaan alam sekitar pula, selain daripada lawatan-lawatan kerap daripada pihak penguatkuasaan seperti Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak, projek ini turut diaudit secara berkala empat kali setahun oleh juruaudit bebas alam sekitar. Sebarang ketidakpuasan akan direkodkan dan tindakan susulan akan diambil. Sepanjang tempoh pembinaan Projek Hidro Elektrik Bakun mempunyai rekod perlindungan alam sekitar yang cukup baik. Terima kasih.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sememangnya sangat popular di Dewan ini dan juga seorang Timbalan Menteri yang amat rajin, dari awal-awal pagi sampai akhir malam masih ada di Dewan ini. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya ialah sebelum ini terdapat cadangan memasang kabel bawah laut iaitu dengan izin, *undersea cable* bagi membekalkan bekalan elektrik ke Semenanjung. Adakah cadangan tersebut masih dalam rancangan dan akan dilaksanakan pada masa depan terdekat. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin kita cadangkan oleh kerana saya juga Senator Tuan Yang di-Pertua, kita cadangkan ada hadiah Menteri terbaik kehadiran dari pagi sampai malam, ya Menteri dengan Timbalan Menteri, boleh ya oleh kerana hari terakhir dah ni.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sokong Yang Berhormat... *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** *[Ketawa]* Hari terakhir kita bergurau sedikit, bolehlah. Senator Khairiah serius pagi ini, saya tidak tahu ada masalah ke apa.

Cadangan awalnya untuk mengadakan kabel dasar laut untuk membawa tenaga dari Sarawak ke Semenanjung sudah dihapuskan cadangan tersebut. Jadi tidak ada cadangan lagi. Semua tenaga ini akan dijual kepada SESCO dan seperti mana yang disebut tadi, banyak syarikat yang telah pun sanggup untuk menggunakan tenaga bahkan lebih 1500 megawatt kalau dikira dari segi *demand* yang disebutkan tadi. Jadi mungkin ini menjadi pemangkin kepada pembangunan industri berat, *heavy industry* di Sarawak di bawah Pembangunan Wilayah SCORE dan ini adalah baik untuk negeri Sarawak dan rakyat Sarawak keseluruhannya. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Hidro Elektrik Bakun kita tahu lambat siap, kenapa lewat? Sudahkah semua masalah lewat itu sudah diatasi. Kedua berapakah kos Projek Hidro Elektrik Bakun dan apakah ianya menguntungkan, kalau untung, siapa yang untung? Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau hadiah ada kepada Yang Berhormat yang paling aktif bertanya, mungkin Yang Berhormat di antara calonnya, yang paling aktif. Memang projek yang sebegini besar menelan belanja berbilion-bilion melibatkan penakungan air yang besar, pengeluaran tenaga yang begitu banyak lebih 2,000 megawatt.

#### ■1210

Sudah tentu merupakan satu projek yang walaupun dirancang dengan baik, telah mengalami kelewatan, pelbagai masalah, memang itu diakui. Akan tetapi syukur *alhamdulillah*, projek ini akhir-akhirnya telah pun 99% selesai. Tinggal sedikit sahaja lagi dan jumlah perbelanjaan bajet keseluruhannya, kosnya ialah RM8.85 bilion. Yang telah dibelanjakan setakat ini ialah RM7.51 bilion. Dalam jangkaan oleh kerana pengguna tenaga ini begitu banyak, industri besar, industri berat seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. Sejak bulan November 2012 ataupun pendapatan yang dijana setakat November 2012 merangkumi jumlah tenaga elektrik yang telah diinvoiskan kepada SESCO adalah sebanyak RM190 juta setakat ini.

Adalah dijangkakan apabila Projek Bakun ini siap sepenuhnya, penjualan tenaga ini boleh mendatangkan hasil sehingga hampir RM1 bilion setahun. Jadi, ini bererti bahawa projek ini seharusnya mendatangkan pulangan yang baik dari segi kewangannya. Akan tetapi dari segi kesan sampingannya, bagaimana negeri Sarawak itu akan dibangunkan melalui syarikat-syarikat *heavy industry* yang memberi peluang-peluang pekerjaan yang begitu banyak dan juga kemajuan ekonomi negeri Sarawak sendiri. Ini sudah tentu merupakan keuntungan yang lebih besar sekira dapat diukur dengan wang ringgitnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan pertanyaan yang ke enam belas, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

**16. Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Pelajaran menyatakan, jumlah kes keracunan di bawah skim susu percuma lima tahun kebelakangan ini, serta langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sifar keracunan memandangkan bahawa kes-kes keracunan masih berlaku dari semasa ke semasa. Apakah tindakan yang diambil terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya Kementerian Pelajaran pun hari ini ada empat soalan setakat ini. Bagus Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya melobi anugerah itu biarlah saya yang dapat... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan wajar juga. Saya sekarang terfikir juga. Bukan sahaja wakil kementerian-kementerian dan juga Ahli Yang Berhormat yang rajin duduk dalam Dewan ini pun kita adakan juga.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Dan saya cadangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua gunakan undian secara SMS lah... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Terima kasih, silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, Program Susu Sekolah 1Malaysia merupakan sebahagian daripada Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang bertujuan untuk menggalakkan amalan meminum susu di kalangan murid-murid sekolah rendah di seluruh negara. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan Program Susu 1Malaysia pada 16 September 2010 dengan melaksanakannya secara berperingkat mulai bulan April 2011. Jadi, 2011 Yang Berhormat baru mula, bukan lima tahun yang lalu. Sehingga kini seramai 1.5 juta murid telah terlibat dalam program ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini sebanyak 71 episod disyaki keracunan selepas meminum susu yang dilaporkan berbanding 85 episod pada tahun 2011 dengan kes yang dilaporkan pada tahun 2011. Daripada segi bilangan kes yang disyaki pula melibatkan seramai 1,821 kes disyaki keracunan pada tahun 2012 berbanding 3,699 pada tahun 2011. KPM sentiasa memastikan semua pembekal susu, pengusaha kantin dan pembekal makanan di asrama mematuhi peraturan dan standard yang ditetapkan bagi mengelakkan kejadian keracunan daripada berulang. Antara tindakan yang telah diambil oleh pihak KPM ialah:

- (i) mewujudkan jawatankuasa *task force* di peringkat KPM, JPM dan PPD bagi memantau pelaksanaan Program Susu 1 Malaysia ini;
- (ii) bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan tatacara dan peraturan keselamatan dan kualiti Program Susu 1 Malaysia dipatuhi oleh semua pihak. Sebab itu Yang Berhormat, kita pastikan pihak sekolah kena beritahu pelajar kalau ada rasa, bau dan sebagainya, maka itu jangan diminum;
- (iii) mengeluarkan buku garis panduan Program Susu 1 Malaysia; dan
- (iv) mengadakan kempen cara minum susu dengan selamat.

Jadi, inilah antara langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memberi taklimat kepada semua jabatan pelajaran negeri, daerah dan sekolah-sekolah tentang garis panduan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat Khoo Soo Seang.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sedar tetapi saya hanya minta angka untuk lima tahun yang ke belakang, itu saja. Jadi, memandangkan sepanjang pengetahuan saya, susu yang dibekalkan oleh sebab ia tidak mengandungi pengawet. Jadi, ia tidak boleh disimpan lama. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang dengan bekalkan sekolah dengan peti-peti sejuk dan sebagainya supaya kes keracunan ini tidak akan berulang lagi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ia ada dua faktor Yang Berhormat iaitu satu *transportation*. Seperti mana Yang Berhormat sebut, itu juga mempengaruhi jika sekiranya dalam tempoh perjalanan itu ia dipengaruhi oleh keadaan sekeliling atau keadaan dalam *transportation* itu. Yang kedua ialah stor. Sebab itu sebenarnya dalam perjanjian kita dengan pembekal ini ialah *end-to-end*. Maksudnya di sini daripada peringkat penghantaran sampailah ke peringkat ke sekolah. Maka, antara isu yang terbesar tentang stor penyimpanan. Sebab itu kita dalam program ini iaitu dua kali seminggu ini, sepatutnya tidak boleh disimpan lama dan terus diserahkan kepada pelajar.

Oleh itu barangkali dalam hal ini kita akan berbincang dengan pihak pembekal untuk memastikan sekolah yang tidak ada stor yang lengkap ini, untuk disediakan kemudahan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan pertanyaan yang ketujuh belas Yang Berhormat Tuan Subramaniam. Kalau dia tidak ada, seterusnya saya pergi kepada pertanyaan kelapan belas Dato' Syed Ibrahim. Kenapa tidak ada belaka ini? Saya minta semua Ahli Yang Berhormat kalau tidak hadir bagi notis kepada saya. Kalau sekiranya tidak ada, sediakan wakil tetapi Yang Berhormat mesti bersedia berada dalam Dewan. Sekarang saya mempersilakan Puan Hajah Mariany.

**19. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, maklumat terkini mengenai pencapaian sektor pembuatan perabot Bumiputera dan bagaimanakah Kerajaan Malaysia melalui kerjasama dengan pelbagai agensi dan kementerian membantu usahawan perabot bumiputera meneroka pasaran perabot segmen pasaran terkelas yang bakal memberikan momentum kepada pemasaran produk perabot yang dihasilkan usahawan bumiputera.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bertanding. Sekali sekala masuk mesti kalah punya... *[Ketawa]* Saya tarik diri awal-awal lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2011, nilai eksport perabot yang diusahakan oleh sektor bumiputera adalah RM22.6 juta atau 3.65% daripada keseluruhan eksport perabot negara bernilai RM6.02 bilion. Selain itu, jualan perabot dalam negara

yang dihasilkan oleh bumiputera adalah bernilai RM327.4 juta. Secara keseluruhan, terdapat 2,157 buah kilang di Malaysia dan jumlah kilang perabot bumiputera adalah sebanyak 319 buah kesemuanya.

Kebanyakan syarikat usahawan bumiputera adalah daripada kategori mikro. Melalui bimbingan dan kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia atau (MTIB), usaha bumiputera telah diberi peluang menggunakan arahan guna sama yang disediakan oleh MTIB seperti loji pengeringan kayu dan loji pengawetan atau KD, buat siapan perabot PKP dan bangunan kilang. Ke semua kemudahan guna sama dan kilang yang ada disewa oleh pengusaha-pengusaha bumiputera dan beroperasi sepenuhnya.

Pusat promosi perabot di Kota Damansara, Selangor, Taman Nusa Bestari, Johor dan Alam Mesra, Kota Kinabalu telah disewakan kepada usahawan bumiputera untuk tempoh tiga tahun. Penyewaan PPP ini atau Kota Damansara dan Taman Nusa Bestari telah bermula dari bulan Mei 2012 dan PPP Alam Mesra pada bulan Jun 2012. Tujuan pusat-pusat promosi perabot dibangunkan adalah untuk menyediakan platform atau tempat bagi pengusaha-pengusaha perabot bumiputera menyertai aktiviti jualan dan pemasaran perabot secara lebih teratur dan lancar.

#### ■1220

Tuan Yang di-Pertua, MTIB telah menjalankan usaha sama dengan beberapa agensi bagi meningkatkan tahap kompetitif usahawan bumiputera. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MTIB untuk meningkatkan kapasiti ialah melalui Program *SME Competitiveness Rating for Enhancement* (SCORE). MTIB merupakan rakan strategik SME Corp. bagi menjalankan SCORE ini. Sehingga 31 Disember 2011, 212 syarikat perkayuan bumiputera telah menjalani auditan SCORE atau M-SCORE, manakala 174 daripadanya telah pun menerima keputusan penilaian syarikat masing-masing. Terdapat empat buah syarikat telah memperoleh penarafan empat bintang di bawah penilaian SCORE dan tiga daripadanya terpilih menyertai program teras yang dilaksanakan oleh TERAJU. Sejumlah 15 buah syarikat mendapat empat bintang sementara 32 syarikat memperoleh penarafan dua bintang.

Bagi bimbingan dan pembangunan kemahiran, MTIB menjalankan aktiviti ini bagi pengusaha bumiputera melalui kursus-kursus dan latihan. Jumlah kursus, seminar dan latihan yang telah dijalankan dalam tahun 2011 adalah seperti berikut:

- (i) sembilan kursus seminar dan bengkel;
- (ii) enam program bimbingan kilang *in-house training*; dan
- (iii) tiga produk pembangunan produk.

Seramai 363 peserta usahawan telah mengikuti program-program tersebut. Bagi program ketiga, bekalan bahan mentah dana pusingan untuk perolehan bahan mentah kayu. Mulai Oktober 2012, MTIB telah mewujudkan satu dana pusingan berjumlah RM7 juta kepada usahawan bumiputera dalam bentuk pinjaman tanpa faedah bagi memperoleh bahan mentah kayu untuk kontrak kerja dan bekal yang telah dimuktamadkan.

Keempat, pendedahan dan bimbingan pemasaran. Bagi tujuan aktiviti pemasaran pada tahun 2011, MTIB telah menganjurkan program-program seperti karnival jualan atau pameran perabot dan ukiran tempatan. Sebanyak 75 buah syarikat telah menghadiri lapan karnival jualan dan pameran tempatan dengan nilai jualan RM5.58 juta. Di antara pameran yang telah dihadiri ialah seperti Home-Dec, karnival jualan di utara dan selatan dan penyertaan dalam pameran perabot antarabangsa juga sebanyak 20 buah syarikat telah menghadiri Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia (MIFF) dan INDEX Mumbai. Nilai jualan yang telah diperolehi berjumlah RM4.07 juta.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini MTIB sedang berusaha untuk melahirkan beberapa usahawan lagi, usahawan perabot bumiputera yang mampu dipertingkatkan untuk menjadi usahawan perabot yang berjaya dan mampu bersaing di dalam pasaran antarabangsa. MTIB akan mengeluarkan satu *roadmap* yang komprehensif di mana agenda sektor perabot bumiputera adalah merupakan salah satu agenda utama. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan itu menyeluruh sehingga soalan tambahan saya pun sudah terjawab. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya ingin bertanya sama ada bahan mentah ini adalah bahan mentah daripada tempatan atau luar negara dan perabot-perabot mereka ini *based* dari bahan mentah sama ada dari dalam negeri. Saya juga ingin tahu apakah jenama-jenama produk yang daripada tempatan kerana banyak sangat nama yang bahasa Inggeris macam Lorenzo. Kalau tak silap memang dibuat di Sungai Way atau di Sungai Buloh. Itu saya ingin membuat penjelasan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi bahan mentah yang kita bekalkan mengikut peruntukan dana bantuan bahan mentah ini, kita minta supaya pengusaha itu sendiri untuk mendapatkan bahan mentah yang mereka mahu daripada syarikat-syarikat yang ada dalam negara. Kemudian sama ada bahan itu datang daripada mana, itu bukan menjadi satu kriteria, yang pentingnya ia diperolehi daripada sebuah syarikat daripada dalam negara. Kemudian kita bayar mengikut apa yang telah pun dipersetujui tidak melebihi kontrak yang mereka dapat. Contohnya kalau mereka mendapat satu kontrak daripada kerajaan, maka bahan mentah yang diperolehi itu tidak melebihi daripada jumlah kontrak yang mereka dapat.

Bagi jenama-jenama yang diminta tadi, saya tidak ingat jenama-jenamanya di sini. Walau bagaimanapun, *insya-Allah* saya akan berikan melalui secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator kerana maklum sahajalah banyak sangat jenama-jenama yang dikeluarkan di dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan lawatan daripada Majlis Belia Negeri Sembilan yang ramai di sebelah atas sana diketuai oleh presidennya seorang wanita, Puan Salwati... [Tepuk]

Saya ingin bertanya, apakah kesannya walaupun hari ini kita tahu Malaysia merupakan negara yang kesembilan terbesar dalam segi pengeksporan perabot. Apakah kesannya akibat daripada kempen-kempen anti kayu tropika yang dijalankan oleh NGO-NGO di Eropah ke atas pasaran perabot kita.

Kedua, baru-baru ini saya terbaca bahawa FRIM menyeru industri perabot supaya menggunakan bahan-bahan alternatif selain daripada bergantung pada kayu-kayu keras yang sedia ada. Antaranya dicadangkan akasia, kayu sesenduk dan sebagainya. Adakah ini menunjukkan bahawa kita akan kekurangan bekalan untuk kayu-kayu yang jenis keras untuk perabot. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mohd. Najeeb membangkitkan satu soalan yang paling sesuai, relevan dalam keadaan masa ini. Saya hendak bagi tahu bahawa sebenarnya kempen penggunaan anti kayu tropika ini berlarutan sehinggakan hari ini Parlimen EU atau Eropah menganjurkan satu lagi cadangan mereka untuk menentukan semua mereka yang mengeluarkan kayu-kayu tropika mesti melalui satu kaedah yang dinamakan FLEGT. Itu adalah untuk menentukan supaya semua pengeluaran kayu tropika itu dikeluarkan secara yang *legal*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Maka sebab itu kita sedang membuat satu perjumpaan dengan semua kerajaan-kerajaan negeri sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk menentukan bahawa kita menerima perjanjian yang akan kita tandatangan di antara Malaysia dan juga EU ini untuk menentukan supaya kayu kita kalau masuk ke Eropah nanti adalah dianggap sebagai kayu yang *legal*. Bukan sebenarnya masalah anti penggunaan kayu tropika tetapi kerana mereka merasakan pengeluaran kayu tropika di dalam negara-negara yang mengeluarkan kayu-kayu tropika ini adalah dengan menggunakan kaedah yang tidak mengikut kaedah alam sekitar yang baik dan semuanya. Itu yang menyebabkan mereka anti kepada penggunaan kayu ini. Namun dengan perjanjian yang akan kita tandatangan ini pada bulan Mac tahun 2013, ia bermula daripada itu nanti, maka semua pengeluaran kayu dalam negara kita mengikut kaedah yang dipersetujui nanti *insya-Allah* tidak timbul lagi masalah ini.

Kedua, tentang bahan alternatif akasia dan lain-lain itu, sebenarnya akasia telah pun kita minta supaya ramai orang tanam dalam negara sudah beberapa tahun dahulu. Pada waktu ini sudah melebihi 200,000 hektar orang yang menanam pokok akasia. Jadi sebab itu kita merasakan kalau sudah sampai masa untuk kita menebang pokok akasia ini, kita tidak payah jual ia sebagai satu *log* tetapi kita gunakan untuk dijadikan perabot. Itu adalah kempen kita untuk penggunaan pokok akasia.

Walau bagaimanapun oleh sebab keadaan negara kita yang bersetuju untuk hanya menggunakan ataupun tidak menebang atau tidak menggunakan *forest* lebih daripada 50% dalam *natural forest* dalam negara kita, maka sebab itu kita menggunakan kaedah *forest management unit* yang sistem yang begitu baik dalam negara kita dan kita tentukan supaya tanaman-tanaman

pokok apabila kita tebang nanti mengikut kaedah yang sesuai, yang *sustainable* supaya akhirnya kita dapat menggunakan kayu-kayu, bahan-bahan mentah daripada semasa ke semasa.

■1230

Salah satu programnya adalah untuk kita tanamkan pokok getah, *timber latex clone* yang di mana ia adalah satu klon yang akan kita gunakan bagi kegunaan kayu pokok getah tersebut. Sambil itu, selepas tujuh tahun, kita juga boleh mengambil *latex* daripada pokok itu. Itu salah satu. Sembilan spesies telah pun kita keluarkan dan salah satunya adalah akasia dan juga pokok getah tadi dan banyak lagi. Ada tujuh lagi yang saya tidak ingat nama-nama pokoknya.

Bagaimanapun, saya hendak beritahu, kementerian ini juga sedang membuat kajian di mana pada masa hadapan, penggunaan *composite material* seperti guna bahan-bahan baru dengan menggunakan *fiber* seperti pokok kenaf juga sedang kita galakkan untuk kita jadikannya satu lagi bahan mentah digunakan bukan hanya untuk perabot, *MDF board* dan sebagainya, tetapi juga untuk kegunaan projek-projek besar seperti automobil, kapal terbang. Ini adalah bagi kegunaan masa depan *composite material* yang akan kita galakkan daripada semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa sudah cukup sekarang ini, cukuplah itu bagi sesi soal jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.32 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya boleh dicalonkan dalam kategori membaca usul yang paling banyak di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2012

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.34 tgh.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 ataupun Akta 552 telah diwartakan pada 26 September 1996 dan mula berkuat kuasa pada 1 September 1999. Akta ini memberi perlindungan kepada rupa bentuk luaran suatu barang atau produk secara keseluruhan.

Sejarah perlindungan reka bentuk perindustrian di Malaysia bermula apabila mana-mana reka bentuk yang didaftarkan di United Kingdom dilindungi melalui tiga statut. Perlindungan reka bentuk di Malaysia Barat ataupun Semenanjung dilindungi oleh *United Kingdom Designs (Protection) Act 1949* ataupun *Act 214* dengan izin, manakala perlindungan di Sarawak ialah melalui *Designs (United Kingdom) Ordinance of Sarawak* dan di Sabah melalui *United Kingdom Designs (Protection) Ordinance of Sabah*.

Kesemua akta dan ordinan tersebut kemudiannya dimansuhkan oleh *United Kingdom Registered Designs Act 1949* ataupun UKRDA. UKRDA ini kemudiannya dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada tahun 1988 sehingga 31 Ogos 1999.

Pada 1 September 1999, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 telah dikuatkuasakan di Malaysia dan memansuhkan UKRDA 1949. Bermula daripada tarikh tersebut, reka bentuk perindustrian di Malaysia dilindungi dan ditadbir urus di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 [*Akta 552*] dan Peraturan-peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui agensinya Perbadanan Harta Intelekt Malaysia bertanggungjawab mentadbir harta intelek di Malaysia. Dalam usaha kerajaan untuk memastikan harta intelek khususnya reka bentuk perindustrian diberi perlindungan yang sewajarnya, pelbagai inisiatif telah diambil bagi mengukuhkan perundangan harta intelek selaras dengan perkembangan terkini dan piawaian antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, Akta 552 telah dikaji semula bagi meminda peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan semasa seterusnya memastikan sistem perlindungan reka bentuk yang lebih efektif. Peruntukan yang dirangka membuktikan komitmen kerajaan dalam usaha untuk memberikan perlindungan sewajarnya kepada reka bentuk serta menjamin keseimbangan hak dan keperluan masyarakat umum. Selain daripada itu, ia dilihat dapat menggalakkan kreativiti dalam menghasilkan reka bentuk perindustrian yang berterusan di kalangan rakyat Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat, secara umumnya, pindaan Akta 552 memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut.

Pertama adalah kebolehdaftaran reka bentuk perindustrian. Syarat kebaharuan dalam peruntukan sedia ada hanya terhad kepada Malaysia sahaja atau *local nobility* dengan izin, sedangkan perubahan dan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi telah membuka halangan maklumat yang tiada sempadan. Peruntukan ini dapat menangani perubahan yang dibawa oleh teknologi digital. Sehubungan dengan itu, dicadangkan pindaan supaya syarat kebaharuan diperluas kepada seluruh dunia atau *worldwide nobility* setanding dengan amalan antarabangsa khususnya negara-negara maju.

Kedua, reka bentuk perindustrian berdaftar dapat dijadikan sebagai kolateral dalam pembiayaan kewangan. Peruntukan ini telah dikaji dan diperjelas mengenai ciri-ciri reka bentuk perindustrian berdaftar yang merupakan harta intelek sebagai harta sendiri seperti mana harta alih atau harta tak alih yang boleh dipindah milik melalui penyerahhakan, perpindahan, kuat kuasa undang-undang atau melalui urus niaga kepentingan sekuriti. Selanjutnya, permohonan bagi pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian melalui penyerahhakan atau perpindahan boleh turut diiktiraf sebagai harta sendiri dan hendaklah direkodkan dalam data.

Harta intelek merupakan aset tidak nyata yang amat bernilai dan berpotensi dijadikan suatu bentuk gadaian atau cagaran bagi mendapatkan pembiayaan daripada institusi-institusi kewangan yang berlesen dan berdaftar. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM19 juta bagi pembiayaan inisiatif model penilaian harta intelek bagi membangunkan infrastruktur, kapasiti dan keupayaan penilaian harta intelek tempatan dan mewujudkan satu platform pasaran harta intelek. Inisiatif ini dibuat untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana yang mempunyai aset harta intelek dan sering kali menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan kewangan untuk mengembangkan perniagaan.

#### ■1240

Ini secara tidak langsung menjadikan harta intelek sebagai salah satu elemen penting kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan budaya dan kemakmuran sesebuah negara. Menyedari akan potensi harta intelek sebagai instrumen kewangan, maka dicadangkan supaya pengiktirafan diberikan dengan memperakukan harta intelek sebagai satu bentuk jaminan kewangan di dalam transaksi komersial.

Berikutnya, *IP Official Journal*. Sehingga ini, warta kerajaan merupakan medium rasmi bagi pewartaan permohonan harta intelek untuk pemakluman kepada orang awam manakala *IP Official Journal*, dengan izin, merupakan suatu portal yang juga mengandungi maklumat mengenai kesemua perkara berkaitan pendaftaran harta intelek termasuk pendaftaran baru. Portal ini diharap dapat memudahkan pengguna dalam membuat carian dan memuat turun maklumat pewartaan harta intelek yang diperlukan. Selain daripada itu, ia dijangka dapat mempercepat tempoh pengiklanan dan dapat menjimatkan kos percetakan malah portal ini berpotensi mewujudkan platform bagi perkongsian maklumat. Sebagai salah satu inisiatif untuk penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan kemajuan perkembangan teknologi ICT, dicadangkan *Jurnal Rasmi Harta Intelek* ataupun *IP Official Journal* untuk menggantikan warta kerajaan.

Tempoh pendaftaran. Undang-undang sedia ada memperuntukkan tempoh perlindungan maksimum reka bentuk perindustrian selama 15 tahun sahaja. Kerajaan amat menggalakkan perkembangan, kreativiti dan inovasi tempatan. Ini membuka ruang kepada pemilik reka bentuk supaya dapat mengeksplorasi potensi reka bentuk produk yang lebih berdaya saing, yang boleh menyumbang kepada ekonomi negara. Maka dicadangkan tempoh perlindungan maksimum dilanjutkan daripada 15 tahun kepada 25 tahun. Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, izinkan saya untuk memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang ini yang melibatkan pindaan terhadap 12 fasal keseluruhannya.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda subseksyen 3(1) [*Akta 552*] untuk memasukkan takrif baru "*Jurnal Rasmi*" berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 46A ke dalam Akta 552.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda perenggan 12(2)(a) [*Akta 552*] untuk mengadakan peruntukan bagi mengambil kira penzahiran awam di tempat lain selain daripada di Malaysia dalam menentukan kebaharuan sesuatu reka bentuk perindustrian.

Fasal 4, 5 dan 6 bertujuan untuk meminda masing-masing subseksyen 22(2) dan 25(4) dan seksyen 26 [*Akta 552*] berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 46A ke dalam Akta 552.

Fasal 5 juga bertujuan untuk meminda subseksyen 25(2) [*Akta 552*] untuk memperuntukkan mengenai perlanjutan tempoh pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian daripada dua tempoh berturut-turut lanjutan kepada empat tempoh berturut-turut lanjutan selama lima tahun bagi setiap kali lanjutan. Ini akan menghasilkan tempoh maksimum perlindungan selama 25 tahun bagi sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar.

Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan seksyen 29 dan seksyen 30 [*Akta 552*]. Seksyen 29 baru bertujuan untuk memperjelaskan sifat-sifat khusus reka bentuk perindustrian berdaftar sebagai harta sendiri dan juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengkolateralan reka bentuk perindustrian berdaftar.

Seksyen 30 baru bertujuan untuk memperjelas obligasi untuk merekodkan apa-apa hak milik atau kepentingan yang diperoleh melalui penyerahhakan atau perpindahan atau melalui kuat kuasa undang-undang atau melalui urus niaga kepentingan sekuriti dalam data.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 35 [Akta 552] untuk memasukkan sub seksyen (4) baru untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang menjadi berhak kepada sesuatu reka bentuk perindustrian berdaftar melalui penyerahhakan atau perpindahan atau melalui kuat kuasa undang-undang atau melalui transaksi kepentingan sekuriti tidak boleh diawardkan kos berkenaan dengan sesuatu pelanggaran melainkan jika permohonan untuk merekodkan hak milik atau kepentingannya dalam daftar telah dibuat dengan sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 46A dalam Akta 552 untuk memperuntukkan mengenai penerbitan sesuatu jurnal rasmi harta intelek.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda subseksyen 47(2) [Akta 552] untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai prosedur bagi merekodkan perkara yang dikehendaki di bawah seksyen 30 dan untuk menetapkan perkara atau maklumat yang dikehendaki untuk disiarkan dalam *Jurnal Rasmi Harta Intelek*.

Fasal 12 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, kerajaan mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa pindaan rang undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ke arah pembentukan negara Malaysia yang berinovasi dan kreatif serta meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju di dunia. Oleh itu, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, minta seseorang menyokong.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat ini bercakap. Ada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang memberi nama kepada saya. Yang Berhormat Puan Hajah Mariany dan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Kalau sekiranya ada yang ingin berbahas, sila kemukakan nama dan jangan tunggu sampai saat terakhir. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat.

**12.47 tgh.**

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah pun memberi peluang kepada saya turut sama bagi membahaskan Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012 di Dewan Negara hari ini. Tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian ini yang mana telah mengambil satu inisiatif yang sangat bersesuaian dengan tuntutan semasa untuk menggerakkan negara Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Satu perkembangan baru sealiran dengan kemajuan dunia, akta ini nanti akan menjadi satu sejarah dalam industri tanah air, yang mana reka cipta boleh dijadikan kolateral di bank-bank. Amerika Syarikat, Kanada, Singapura, Australia malah China telah pun mempraktikkannya malah bank-bank di sana juga telah pun bekerjasama bersungguh-sungguh membantu mereka cipta ini untuk memasarkan dan juga untuk membantu perkembangan produk yang mereka cipta. Adalah diharapkan bank-bank di Malaysia juga lebih proaktif dalam usaha ini. Sesungguhnya reka cipta ini merupakan cabang baru di dalam industri tanah air. Jikalau di sesetengah negara di Eropah, hasil pendapatan reka cipta ini dijadikan indeks pendapatan negara. Tiada sebab perkara ini tidak boleh dilaksanakan di Malaysia. Reka cipta industri berasaskan petroleum, petrokimia, berasaskan getah dan kelapa sawit, berasaskan ICT pun patutlah juga digalakkan.

Penggalakan ini adalah disarankan dimulakan seawal usia yang mungkin. Seperti mana negara-negara maju, mereka ada pelan perancangan jangka panjang memupuk kreativiti dan inovasi rakyat mereka dari usia tadika hinggalah ke peringkat dewasa. Perancangan terperinci haruslah difikirkan untuk membolehkan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang mencetuskan idea dan reka cipta baru dan bukanlah semata-mata sebagai penerima reka cipta rekaan daripada orang lain. Jepun misalnya memperluaskan inovasi reka cipta bukan sahaja di makmal-makmal penyelidikan sahaja malah telah memberi peluang kepada setiap penduduknya untuk memberi idea, mengetengahkan idea, memperkayakan idea tersebut sambil mendokumenkannya sebagai hak milik terpelihara.

**■1250**

Pertandingan idea reka cipta di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, peringkat kolej dan juga universiti perlu ditambah lagi. Ilmu pengetahuan mengenai reka cipta dan undang-undang mengenainya perlulah didedahkan kepada anak-anak kita supaya mereka menjadi seorang yang peka dan faham tentang industri. Kemajuan dan etikanya yang berkaitan ini membolehkan negara kita betul-betul dapat memanfaatkan reka cipta industri yang mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Finland telah pun melaksanakan program pembangunan menyeluruh reka cipta industri sejak 20 tahun yang lalu. Antara kebanggaan mereka adalah telefon selular *Nokia* misalnya. Sedar atau tidak bahawa amalannya *Nokia* akan melibatkan komuniti masyarakat di Finland untuk

memberi idea dan membangunkan produk telekomunikasi. Sebab itu seleksi produk mereka begitu banyak kerana penyertaan setiap rakyatnya kepada reka cipta-reka cipta yang baru dan sentiasa mesra pengguna.

Adalah menjadi satu kerugian kepada negara jika tidak memanfaatkan peluang untuk mempertingkatkan reka cipta industri tanah air. Cabaran masa pemain industri dan sumber pembiayaan awal mestilah ditangani dengan baik. Penyediaan lapangan yang kondusif amat penting kerana pemain industri ini hanya akan dapat mengembangkan kemahiran mereka jika suasana iklim perindustrian dan sokongan pemerintah kepada industri ini. Persoalannya, apakah kementerian sudah bersedia jika akta ini diluluskan? Apakah kementerian telah mempunyai kakitangan yang dapat memastikan undang-undang ini dipatuhi?

Cabaran lain, adakah kedudukan Malaysia sebagai hab pelbagai industri dunia, termasuk modal asing disertai reka cipta industri asing pasti menjadi pesaing hebat kepada reka cipta tempatan. Apakah langkah yang perlu dilaksanakan untuk membantu reka cipta industri tempatan bergerak seiring berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pereka luar tersebut. Apakah perlu kementerian memikirkan satu undang-undang lagi untuk melindungi industri reka cipta ini. Jika dilihat secara keseluruhannya seluruh dunia berlumba-lumba untuk menjadi juara dalam reka cipta ini. Baik di sektor pembuatan, sektor perkhidmatan malah di sektor-sektor yang sensitif seperti di sektor pertahanan dan juga di sektor kewangan.

Cabaran malah mungkin peluang ini juga perlulah dimanfaatkan oleh setiap rakyat Malaysia dan seharusnya kementerian semestinya lebih aktif membantu bidang-bidang keutamaan yang mempunyai impak yang tinggi dari pulangan kewangan dan juga memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Usaha perlu dilaksanakan supaya menarik kembali ramai rakyat Malaysia yang bertaraf dunia yang menjadikan negara asing sebagai tempat mereka mengeluarkan reka cipta industri. Jika kita lihat negara jiran kita contohnya Singapura, mereka aktif memancing pereka cipta terkenal dunia dengan memberi pelbagai kemudahan, memberi taraf kerakyatan dan juga memberi pengiktirafan negara. Ini disebabkan pereka cipta mempunyai impak besar kepada hasil pendapatan negara dan Malaysia tidak boleh terlepas pandang berkenaan perkara ini.

Akhir sekali adalah diminta supaya kementerian khasnya menyegerakan membuat perjanjian atau triti dengan negara-negara lain bagi membolehkan reka cipta industri Malaysia cepat diiktiraf dan bagi memastikan reka cipta industri kita tidak sewenang-wenangnya di ciplak oleh negara lain. Usaha berterusan ini semestinya disertai dengan iltizam dan istiqamah kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

**12.54 tgh.**

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya tidak akan mengambil masa yang banyak. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada masa banyak ini. Kalau bercakap, cakap sahaja sekarang. Banyak masa.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Tahniah kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri yang telah menyokong usaha Kerajaan Barisan Nasional meletakkan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan rang undang-undang ini jika dapat dilaksanakan boleh menggalakkan inovasi dan meningkatkan produktiviti juga ia boleh membantu industri kecil dan sederhana untuk mengguna harta intelek sebagai cagaran untuk mendapat bantuan kewangan memperluaskan perniagaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada rang undang-undang ini tajuk kepada seksyen 8 iaitu reka bentuk perindustrian berdaftar sebagai harta sendiri. Di sini walaupun tidak ada jadual yang menunjukkan prosesnya terdapat di dalam seksyen 47 dalam akta ibu 72 iaitu mengenai borang-borang daftar hak milik adalah kuasa Menteri untuk mengeluarkan di bawah peraturan di akta ibu. Walau bagaimanapun, saya ingin mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang maklumat terperinci berkenaan dengan hak milik reka bentuk perindustrian dalam cadangan kementerian bagi menguatkuasakan suatu dokumen hak milik dalam satu jadual yang bakal dilampirkan di dalam akta ini.

Kedua, kandungan hak milik ini perlulah jelas iaitu ia patut meliputi perkara-perkara asas yang tidak disebut di dalam rang undang-undang ini tetapi saya ada beberapa cadangan iaitu:

- (i) nama barangan atau produk, proses dan komponen;
- (ii) nama pemilik atau pereka bentuk;
- (iii) nama hak milik bersama sekiranya ada *joint-venture* dan prinsipalnya;
- (iv) nama pengguna yang mungkin telah diberikan hak, serah hak kepada hak pengeluar dan pengedar-pengedarnya;
- (v) lampiran reka bentuk lukisan kejuruteraan dan jadual bilangan, kuantiti dan komponen;
- (vi) ciri-ciri kandungan reka bentuk itu kerana jurnalnya nanti akan digunakan oleh orang awam;
- (vii) satu piawaian atau Kod Tata Amalan yang boleh dirujuk;
- (viii) standard kerja proses daftar hak milik reka bentuk perindustrian; dan
- (ix) bayaran fi yang akan dikenakan kepada pembeli-pembeli jurnal itu nanti.

Seksyen baru 46A(i) pendaftar hendaklah menerbitkan suatu jurnal rasmi harta intelek. Soalannya seperti berikut:

- (i) berapa kalikah permintaan jurnal ini dalam setahun atau sehingga kini berapakah jumlah jurnal yang telah dikeluarkan?;
- (ii) akses kepada pihak yang mengeluarkan jurnal ini sama ada secara *online* ataupun cetakan kertas iaitu secara *hardcopy*?;
- (iii) apakah hasil jualan jurnal harta intelek ini akan disumbangkan kepada pemilik yang berdaftar di dalam program ini? Adakah pemilik mempunyai hak untuk mendapat hasil jualan jurnal?; dan
- (iv) terma dan syarat ataupun ada indemniti oleh bakal pengguna jurnal dengan pereka bentuk. Indemniti adalah penting kerana pengguna-pengguna akan merujuk kepada jurnal ini dan jurnal ini mestilah memberi maklumat yang sahih, yang tepat dan sekiranya maklumat ini digunakan di dalam prosiding, di dalam kes-kes di mahkamah supaya maklumat itu tepat. Sekiranya tidak pengguna akan mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap jurnal, kementerian ataupun pereka.

Yang terakhir ialah implikasi kewangan. Dimaklumkan di sini tidak ada implikasi kewangan tetapi apabila kita tengok seksyen 46A saya rasa ada implikasi kewangan dari segi penerbitan dan juga peruntukan-peruntukan untuk menyediakan kumpulan sokongan membantu kementerian di dalam penerbitan jurnal dan juga mungkin satu pejabat untuk digunakan sebagai pendaftaran hak milik itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah. Ini kerana masa sudah hampir sangat jam 1 Yang Berhormat sambung apabila kita sambung semula jam 2.30 petang. Oleh demikian saya tangguhkan mesyuarat kita sehingga jam 2.30. Sekian, terima kasih.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Mariany sudah habis? Sudah selesai? Baiklah, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Silakan Yang Berhormat.

**2.32 ptg.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri di peringkat Bacaan Kali Kedua menyentuh beberapa perkara yang menjadi tumpuan bagi pindaan terhadap rang undang-undang ini

termasuklah berhubung dengan reka bentuk perindustrian yang berdaftar dapat dijadikan kolateral dalam pembiayaan kewangan.

Dengan adanya peruntukan sebegini, maka ia boleh dijadikan sebagai gadaian atau cagaran bagi mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan yang berlesen dan berdaftar. Kita mengalu-alukan usaha kerajaan menjadikan harta intelek ini sebagai alat kolateral dalam pembiayaan kewangan. Namun demikian, banyak perkara perlu diperhalusi khususnya dari segi penilaian terhadap produk yang dihasilkan.

Kedua, bank komersial atau institusi kewangan yang boleh menawarkan pinjaman kolateral bagi tujuan pinjaman ini. Ini memandangkan tujuan bagi komersial adalah mendapatkan keuntungan. Jika kita melihat dari aspek produk ini untuk jangka masa panjang, produk ini mempunyai nilai susut yang cepat dan boleh merugikan bank. Justeru kerajaan melalui Bank Simpanan Nasional, SME Bank atau Bank Rakyat perlulah digerakkan terlebih dahulu bagi membolehkan usahawan-usahawan Malaysia yang terlibat dengan industri harta intelek ini dapat mendapatkan pinjaman kolateral ini dengan kadar yang cepat.

*IP Official Journal*, Menteri menyatakan selama ini Warta Kerajaan merupakan medium rasmi bagi pewartaan permohonan harta intelek untuk pemakluman kepada orang awam, manakala *IP Official Journal* merupakan satu portal yang juga mengandungi maklumat mengenai kesemua perkara berkaitan pendaftaran harta intelek. Dalam kementerian berusaha menambah baik sistem atas talian ini, pada titik akhirnya akan menggantikan Warta Kerajaan. Namun demikian, apakah jaminan sistem ini akan dapat berfungsi dengan baik memandangkan kita melihat bagaimana kelajuan *internet* di dalam negara ini juga di dalam kelajuan yang rendah di samping sistem yang selalu tergendala. Justeru kerajaan seharusnya mempunyai *backup plan* dalam memastikan bahawa jika kerajaan berpandangan untuk menggantikan Warta Kerajaan ini dengan *IP Official Journal*, maka ia perlu dengan persediaan yang rapi dan teliti.

Tempoh pendaftaran bagi melindungi harta intelek ini akan dilanjutkan daripada 15 tahun kepada perlindungan maksimum 25 tahun. Usaha yang dijalankan kerajaan untuk menyamatarafkan tempoh maksimum dengan negara-negara maju dan konvensyen antarabangsa yang ditandatangani seperti di dalam WIPO, namun kita sering mengikut cara dan acuan negara maju khususnya di dalam memberi perlindungan maksimum dan salah satu cara yang akan kita luluskan pada hari ini adalah dalam melindungi reka bentuk perindustrian.

Pada hari ini kita ingin meminda dengan memberikan peralihan tempoh masa daripada 15 tahun kepada 25 tahun. Mengapa tidak dengan kewujudan rang undang-undang ini, kita memberikan had tempoh masa perlindungan yang sama kita berikan kepada perlindungan cipta di Malaysia iaitu bagi karya sastera, muzik dan seni adalah 50 tahun selepas kematiannya. Dengan cara itu, pencipta ini masih lagi mendapat jaminan eksklusif terhadap reka bentuk perindustriannya selepas kematiannya.

Memandangkan rang undang-undang ini digubal di Malaysia, maka apa yang dilakukan di peringkat negara-negara maju seharusnya menjadi panduan semata-mata tetapi kita di Malaysia boleh memberikan perlindungan maksimum yang lebih baik kepada pencipta kita khususnya berhubung reka bentuk perindustrian di mana kita menggubal pindaan akta pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua,

*Daun pandan daun selasih,*

*Sekian, terima kasih.*

Dengan ini saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan perbahasan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah tadi, maka selesailah sesi perbahasan untuk rang undang-undang ini. Jadi sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**2.37 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini iaitu Yang Berhormat Senator Puan Roslin, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin membangkitkan mengenai pembiayaan harta intelek sebagai kolateral untuk pembiayaan kewangan. Saya ingin memaklumkan bahawa MyIPO (Perbadanan Harta Intelek Malaysia) sekarang bekerjasama dengan *Multimedia Development Corporation* (MDeC) untuk mewujudkan satu model penilaian harta intelek bagi membolehkan dinilai secara komersial dan digunakan sebagai cagaran.

Buat waktu ini, bank-bank di negara kita masih lagi mempunyai fikiran yang konservatif. Ini kerana di negara kita masih belum ada lagi sebarang model bagaimana harta intelek boleh dijadikan sebagai kolateral dan sebagainya. Begitu juga di dalam negara kita masih terlalu awal kerana belum ada lagi *IP valuers*, tidak ada lagi penaksir IP ini seperti *valuer* untuk tanah dan sebagainya.

■ **1440**

Jadi, ini menyebabkan timbul persepsi yang kurang baik dalam kalangan institusi kewangan yang masih lagi belum yakin bahawa *intellectual property* itu boleh dijadikan sebagai cagaran dan sebagainya. Jadi untuk peringkat awal ini, selepas diluluskan akta ini baru kita boleh bergerak. Pertamanya, untuk mewujudkan *IP valuers* supaya kita boleh *value* kan IP-IP tersebut. Di negara lain seperti Australia dan sebagainya sudah ada dan di peringkat awal ini kita

mencadangkan untuk membawa *IP valuers* dari luar untuk menjadi *valuer* ataupun penaksir di dalam negara kita.

Pihak kerajaan di dalam menyokong usaha ini, baru-baru ini melalui Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Bajet 2013 telah pun meluluskan sebanyak RM19 juta bagi kita melatih *IP valuers* tempatan untuk menjadi *valuers* menggantikan *valuers* yang kita bawa dari luar negara tersebut. Itu merupakan peringkat yang pertama.

Peringkat yang kedua sekarang adalah untuk meyakinkan pihak institusi kewangan supaya mereka boleh menerima IP sebagai cagaran, sebagai kolateral. Setakat ini mereka lebih *comfortable*, dengan izin jika cagaran itu berbentuk tanah dan sebagainya. Ini cagaran biasa yang kita ada pada hari ini. Bagi mereka, ini merupakan satu perkara baru kalau kita hendak cagarkan IP sebagai cagaran. Pada waktu ini, pihak kementerian melalui MyIPO (Perbadanan Harta Intelekt) telah pun mengadakan rundingan dengan *Malaysia Debt Ventures* (MDV) yang dilantik oleh Kementerian Kewangan untuk melaksanakan inisiatif pembiayaan yang melibatkan harta intelek sebagai cagaran dan dengan peruntukan sebanyak RM200 juta.

Jadi, pada peringkat awal ini, bank belum ada lagi yang berminat. Dalam perbincangan pun pihak bank misalnya, memerlukan gerenti juga daripada kerajaan. Oleh sebab itulah kita bekerjasama dengan MDV iaitu *Malaysia Debt Ventures*. Ini disebabkan bagi mereka, mereka hendakkan gerenti daripada kerajaan. Sekurang-kurangnya 50%, *the credit to be guaranteed by*, dengan izin dijamin oleh pihak lain. Macam CGC lah. Kena ada pihak kerajaan, syarikat kewangan yang akan menjamin pinjaman tersebut. 100%, mereka pun masih lagi kurang bersetuju.

Untuk makluman, melalui CGC tersebut, kerajaan menyediakan jaminan sebanyak 50% dengan subsidi faedah sebanyak 2%. Jadi, tujuh buah institusi kewangan yang sekarang ini telah pun bersetuju untuk bekerjasama dengan kita daripada segi perbincangan, belum ada kata putus lagi. Dalam perbincangan untuk terlibat ialah Amlslamic Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Kuwait Finance House, Public Islamic, RHB Islamic dan Bank Rakyat. Ini antara bank-bank yang dalam perbincangan dengan kita.

Secara umumnya, apabila ditanya oleh Yang Berhormat Senator Roslin sama ada kita mempunyai kemampuan atau tidak untuk melaksanakannya apabila akta ini dipinda. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian melalui MyIPO bersedia untuk melaksanakan serta menguatkuasakan undang-undang ini apabila diluluskan. Kementerian melalui MyIPO ketika ini mempunyai kakitangan serta tenaga kerja yang terlatih di dalam bidang harta intelek ini khususnya mengenai reka bentuk perindustrian.

Untuk makluman juga, buat masa ini, perlindungan reka bentuk perindustrian di Malaysia adalah melalui penguatkuasaan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan akta ini merupakan satu akta yang lengkap, yang mengandungi pendaftaran, penguatkuasaan serta perlindungan bagi reka bentuk perindustrian yang didaftarkan.

Daripada segi promosi kesedaran, kerajaan sedang giat melaksanakan program kesedaran harta intelek dan penting untuk melindunginya di seluruh Malaysia di samping turut menyertai program-program yang dianjurkan oleh agensi kerajaan yang lain. Bagi tahun 2011, untuk makluman Dewan, sebanyak 148 program kesedaran telah dijalankan dan sehingga bulan November 2012, sebanyak 152 program telah pun dijalankan.

Mengenai hubungan kita dengan peringkat antarabangsa, saya ingin memaklumkan bahawa kita menyertai dan menandatangani perjanjian-perjanjian di peringkat antarabangsa. Misalnya, pada tahun 1989, kita menyertai *World Intellectual Property Organization* (WIPO). Pada 1989, kita menandatangani *Paris Convention*. Kita juga menandatangani perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS) ataupun *trinity* perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan reka bentuk perindustrian.

Mengenai kemampuan kita untuk bersaing, apabila kita buka menjadi *Worldwide Novelty*, kalau dahulu kita, apabila kita tidak buka menjadi *Worldwide Novelty*, bermakna, pencipta di dalam negara kita boleh mencedok ataupun menjiplak hasil ciptaan dari negara luar. Kita berpandangan bahawa pihak kerajaan membantu dan memberikan pelbagai inisiatif bagi membantu perkembangan R&D di Malaysia. Jadi, kerajaan berpandangan cukuplah dan sampailah masanya...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh bertanya?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sekejap. Saya habiskan ini kemudian boleh bertanya, ya? Sampailah masanya rakyat Malaysia mampu untuk bersaing dengan negara luar dan mencipta ciptaan-ciptaan yang benar-benar asli. Kita tidak mahu juga kalau kita tertutup, apabila produk kita mula dijual ke luar negara, pihak luar yang mempunyai, mencipta lebih awal daripada kita dan kita menjiplak daripada mereka, mereka boleh memasukkan *injunction* di mahkamah untuk menyekat pengeluaran produk dari Malaysia dan sebagainya.

Jadi, akhirnya menyebabkan kerugian kepada peniaga kita sendiri. Oleh sebab itulah kita berpandangan sudah sampai masanya dengan bantuan dan sokongan kerajaan yang begitu banyak kepada R&D untuk ciptaan-ciptaan ini, sampailah masanya kita mampu bersaing untuk mencipta ciptaan-ciptaan kita sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan industri reka bentuk ini boleh menyumbang kepada ekonomi negara kita dan pereka yang memanglah dia hanya pandai, cerdik untuk mereka bentukkan barang yang baru, tetapi mereka bukanlah pakar untuk *marketing*, dengan izin, dapat pasaran untuk reka bentuk mereka.

Jadi, kerajaan atau pihak manakah yang boleh membantu pereka tersebut? Misalnya, seorang kawan saya, dia mencipta satu barang untuk memasak *half boil egg*. Reka bentuk itu hanya dipasarkan di pekan sari, pasar malam sahaja. Saya tidak nampak dengan rekaan itu, membawa peningkatan ekonomi kepada dirinya sendiri atau kepada negara kita. Sebaliknya, di

Amerika bahan pertanian untuk mematikan rumput *brand Roundup* dipasarkan oleh *Monsanto*, ia menarik duit dari seluruh dunia kepada negaranya. Jadi, yang / nampak pasaran ini memang sangat penting untuk mendapatkan ekonomi dari industri reka bentuk ini. Inilah soalan saya, apakah pandangan Menteri?

■1450

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya, terima kasih. Memang saya setuju yang pasaran merupakan masalah. Bank juga membangkitkan isu tersebut. Kalau IP itu dicagarkan kepada bank dan peminjam gagal membayar, bagaimana bank hendak menjual produk itu untuk mendapat balik wang mereka? Jadi, sebenarnya kerajaan sedar perkara ini dan pihak kerajaan akan mewujudkan satu pasaran ataupun *IP exchange* ataupun *IP trading* yang bertujuan untuk membantu menjual produk-produk IP yang didaftarkan di bawah kementerian. Jadi, itu untuk membantu pereka-pereka dan juga dalam masa yang sama juga untuk membantu bank tadi. Kalau tanah bila *diauction*, ada pembelinya. Akan tetapi di sini siapa yang hendak beli dan di mana hendak dijual? Sebab itu pihak kerajaan sendiri akan mewujudkan *IP trading* dengan *IP exchange* supaya IP tadi boleh diniagakan.

Seterusnya, saya ingin sambung kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany yang memohon penjelasan butiran terperinci dalam daftar hak milik reka bentuk perindustrian. Menurut Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Rekabentuk Perindustrian 1999. Perkara-perkara yang dimasukkan dalam data hak milik reka bentuk perindustrian merangkumi antaranya ialah nama dan alamat pemilik gambar dan lukisan reka bentuk yang didaftarkan, tarikh permohonan dan juga *expiry date* tadi. Butiran untuk seksyen baru 30 iaitu *recordal of transaction for purpose of IP valuation*, dengan izin, untuk dimasukkan dalam Peraturan-peraturan Rekabentuk Perindustrian 1999 tadi sedang disediakan dan kita mengambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat Puan.

Mengenai *IP jurnal*, berapa kalikah diterbitkan dan sebagainya. Sebenarnya, kita belum menerbitkan lagi dan kita akan hanya menerbitkan selepas pindaan akta ini. Ia akan tersedia dan setiap kali pendaftaran baru, kita akan masukkan ke dalam IP jurnal tersebut. IP jurnal akan diterbitkan dalam bentuk *softcopy* melalui sistem *online IP jurnal* dan pengguna berdaftar boleh memuat turun dan mencetak sendiri segala maklumat di dalamnya. Yang Berhormat Senator menanyakan *fee*, setakat ini kita belum tentukan lagi *fee*. Soalan seterusnya, adakah hasil kutipan daripada *IP jurnal* akan disumbangkan kepada pemilik reka bentuk. Hasil kutipan walaupun tidak disumbangkan secara terus kepada pemilik reka bentuk, namun kerajaan dari semasa ke semasa menggunakan kewangan yang ada untuk program-program kesedaran awam dan latihan kepada pemilik reka bentuk perindustrian dan orang awam secara percuma. Jadi maknanya, seolah-olah kita menggunakan duit itu untuk mereka jugalah.

Seterusnya, adalah jika ada kesilapan dalam *IP jurnal* adakah *indemnity* diberi kepada orang yang terkilan kerana bergantung kepada maklumat tersebut. *IP jurnal* ini mempunyai kesan yang sama juga seperti warta kerajaan iaitu tiada *indemnity* diberikan. Dari segi implikasi kewangan, kita bersetuju memang ada implikasi kewangannya. Sistem *IP jurnal online* ini adalah bukan untuk reka bentuk industri sahaja tetapi untuk kesemua harta intelek termasuk reka bentuk perindustrian. Akan dibangunkan dengan kos RM1 juta menggunakan peruntukan pembangunan di bawah RMKe-10. Kos penyelenggaraan *maintenance* juga kita anggap sebagai minimum dan akan dibayar melalui kutipan hasil penggunaan *IP jurnal* tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah tanya tentang *valuation*, tadi saya sudah jawab dengan waktu jawapan pertama tadi. Cuma ada beberapa persoalan dari segi *back-up plan*. Ya, setakat ini sistem yang ada kita berjalan dengan baik dan cepat tetapi saya percayalah apabila melibatkan *internet* dan sebagainya kadang-kadang ada masalah dan sebagainya. *Insyallah* kita akan pertimbangkan perkara tersebut. Setakat ini walaupun tidak ada isu lagi tentang lambat untuk turun naik dan sebagainya tetapi *back-up plan* itu satu perkara yang akan kita lihat sama ada diperlukan atau tidak. Kalau kita rasa perlu kita akan mempunyai *back-up plan* yang lain dan sebagainya. Dari segi tempoh, kenapa 25 tahun, kenapa tidak 50 tahun?

Setakat ini kita menggunakan piawai antarabangsa? Iaitu semua di peringkat antarabangsa di negara-negara lain di seluruh dunia, tempoh perlindungan adalah selama 25 tahun. Jadi, saya faham Senator kata tidak perlu kita ikut negara lain. Mungkin kenapa tidak 50? Kita *set precedent* barulah, 50. Perkara ini kita akan lihat dari segi perundangan, boleh atau tidak dan sebagainya, ya. *Insyallah* kalau tidak ada masalah dan kita boleh lihat juga. Walau bagaimanapun saya rasa yang lain-lain telah pun saya jawab. Kalau ada yang tertinggallah, *insyallah* saya akan beri jawapan secara bertulislah, *in case* kalau ada. Saya akan semak balik. Akan tetapi setakat ini yang saya rasa sudah dijawab walaupun Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah saya sudah jawab mula-mula tadi, mungkin sudah meliputi persoalan yang ditimbulkan. Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan *insyallah* jika diluluskan selepas ini kita akan melaksanakan dengan segera. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi dipersetujukan; dan disetujui]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1500

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN) 2012**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.03 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, [Datuk Maglin al/ Dennis D' Cruz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2012 adalah suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia 1981 yakni Akta 244.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan berbangkit daripada penggabungan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dengan Jabatan Filem Negara Malaysia (FNM) yang diluluskan oleh Jemaah Menteri April lalu. Juga dicadangkan pindaan turutan susulan kemajuan dan perkembangan pesat yang dialami oleh industri kreatif amnya dan industri perfileman khususnya. Matlamat penggabungan FINAS dan FNM adalah untuk mewujudkan satu perbadanan perfileman tunggal yang akan memainkan peranan utama menjana secara langsung perkembangan industri perfileman tempatan tanpa pembaziran dari segi kewangan dan pertindihan penyediaan prasarana oleh kerajaan.

Kini, terdapat dua agensi kerajaan yakni FINAS dan Jabatan Filem Negara Malaysia yang terlibat dalam industri perfileman negara. Kedua-duanya menjalankan fungsi yang hampir sama semenjak tahun 1981 hingga ke hari ini. FNM pula telah menjalankan khidmat perfileman dokumentari semenjak sebelum merdeka lagi di bawah jenama *Malayan Film Unit*.

Pada masa ini, FINAS mempunyai pegawai dan kakitangan sejumlah 208 orang manakala FNM 311 orang. Dari segi strategi dan manfaat serta produktiviti, sewajarnya ada hanya satu perbadanan atau agensi kerajaan yang mengendalikan urusan perfileman untuk negara dan pengisian industri kreatif. Tentunya apabila rang undang-undang ini berkuat kuasa kelak, pilihan akan diberi kepada pegawai dan kakitangan FNM untuk membuat pilihan perkhidmatan masing-masing mengikut daya opsyen masing-masing.

Di bawah seksyen baru seksyen 11A menghendaki kerajaan pada tarikh yang ditetapkan, memberi opsyen kepada tiap-tiap orang yang sebelum tarikh itu berada dalam penggajian atau perkhidmatan Jabatan Filem Negara Malaysia. FINAS pula dikehendaki menerima dalam penggajiannya semua orang tersebut yang telah membuat pilihan untuk berkhidmat sebagai pekerja FINAS.

Seksyen baru, seksyen 11B pula bertujuan memberi perlindungan kepada hak pencen pekerja yang dahulunya berada dalam penggajian kerajaan dalam Jabatan Filem Negara. Cadangan pindaan ini diperlukan bagi maksud memberikan kuasa yang jelas kepada FINAS dalam hal berkaitan pengurusan sumber manusia seperti peruntukan gaji, terma dan syarat perkhidmatan pekerjaan kerajaan.

Ikut mana pun yang menjadi tumpuan ialah keberkesanan khidmat produksi filem kenegaraan di samping objektif menggalak, memaju dan membantu industri filem kepada penghasilan yang lebih ketara. Dalam konteks ini, usaha inilah yang dilakukan menerusi pindaan tersebut.

Juga terkandung dalam pindaan ini ialah perluasan fungsi FINAS dalam penentuan kerja-kerja perfileman. Manakala, percantuman kedua-dua agensi ini berlaku, ia menyentuh seksyen 6 Akta 244. Pindaan yang dicadangkan memasukkan fungsi dan kuasa baru FINAS berbangkit daripada penggabungan kedua-dua agensi ini. Fungsi baru ini ialah untuk merakam, membuat liputan peristiwa bagi maksud arkib dan antara kuasa baru FINAS adalah untuk memberi bantuan kewangan melalui pinjaman dan sebagainya kepada pengusaha-pengusaha yang berkenaan. Mengambil bahagian dalam pengeluaran filem juga adalah didapati perlu demi kenegaraan. Justeru ini diterapkan di dalam pindaan tersebut.

Namun demikian, penelitian harus dibuat semasa berhadapan dengan kepentingan pengusaha filem yang seharusnya tidak disaingi sendiri oleh FINAS. Penglibatan FINAS dalam aktiviti pengeluaran filem adalah untuk mengeluarkan filem-filem kenegaraan manakala FNM juga berbuat sedemikian. Aktiviti seperti ini tentunya tidak mendatangkan keuntungan. Justeru, wajar dikendalikan terus oleh FINAS dan FNM di bawah satu bumbung dan satu pentadbiran yang berjenama satu.

#### ■1510

Apa yang harus ditekankan ialah FINAS dalam bentuk dan perkhidmatan barunya wajib bersungguh-sungguh memperjuangkan industri filem ke tahap yang lebih memberangsangkan selaras dengan industri kreatif negara. Pinjaman yang diberikan di bawah Dana Pinjaman Industri Kreatif misalnya, melebihi RM103 juta bagi filem biasa dan animasi. Sementara itu di bawah Skim Wajib Tayang pada tahun lalu mewakili 42 filem cereka, sejumlah RM109 juta dikutip melalui jualan tiket dan data bagi tahun ini sahaja, RM78 juta dikutip bagi mewakili 66 filem cereka tempatan.

Dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian amat yakin bahawa dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini, FINAS mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya lihat ramai yang nak membahaskan rang undang-undang ini. Setakat ini saya ada 11 nama. Jadi kita kena hadkan masa. Untuk memulakan perbahasan kita, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun. Panjangkah Yang Berhormat nak berbahas ini?

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Tak panjang sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak panjang, 10 minit, 15 minit, 10 minit ya. Baiklah.

### 5.12 ptg.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun hadir sendiri pada hari ini untuk memberi keterangan tadi. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang pindaan kepada Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244]. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2012 ini, yang saya anggap tepat pada masanya bagi menggabungkan Perbadanan Filem Nasional Malaysia dan Jabatan Filem Negara (JFN) bagi kemajuan industri perfileman negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung huraian yang diberikan dalam rang undang-undang akta ini di para 1 di muka surat 4 yang menyatakan pindaan rang undang-undang ini adalah berbangkit daripada penggabungan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional dengan Jabatan Filem Negara (JFN). Saya ingin mendapatkan penjelasan bilakah penggabungan ini dilakukan kerana saya dapati tiada peruntukan di dalam pindaan rang undang-undang ini yang menyatakan penggabungan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 6 subseksyen (1) yang menambah subseksyen (g) dan subseksyen (h) berbanding dengan akta ibu, Akta 244. Kedua-dua seksyen ini menyatakan peranan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan melalui pengeluaran filem. Seksyen ini amatlah penting memandangkan maklumat, usaha dan pencapaian kerajaan khususnya inisiatif kerajaan bagi menjadikan negara maju dan berpendapatan tinggi, Program Transformasi Kerajaan, Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) dan Gagasan 1Malaysia serta lain-lain program untuk kepentingan rakyat. Pada masa ini, inisiatif-inisiatif kerajaan ini dan kejayaannya masih kurang tersebar di media massa. Saya berharap peruntukan khas diberikan kepada penerbit-penerbit filem supaya penerbitan filem yang berkaitan usaha murni kerajaan ini khususnya bermula daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak mengambil alih pucuk pimpinan negara sebagai Perdana Menteri Malaysia bagi memastikan penerbitan yang bermutu dan menarik.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, di bawah tambahan seksyen 6 ini ialah seksyen (1)(h) iaitu berhubung dengan tanggungjawab untuk merakam liputan peristiwa bagi maksud arkib. Peruntukan ini adalah penting bagi memastikan semua peristiwa dirakam. Berhubung dengan kedua-dua peruntukan dalam pindaan ini, saya ingin menyarankan agar rakyat diberikan kemudahan untuk mengakses filem berhubung dengan dasar dan kejayaan kerajaan dan berbagai peristiwa di dalam arkib. Selain itu, saya mencadangkan agar Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) menyediakan kemudahan yang membolehkan orang awam menonton filem mengenai dasar program dan pencapaian kerajaan dan liputan peristiwa arkib.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang penggantian seksyen 6 subseksyen 2(e) iaitu bagi memberikan bantuan pinjaman bagi penerbitan dan turut terbabit dalam pembikinan filem berkenaan. Akta ibu sebelum ini melarang FINAS dari terlibat dengan penerbitan filem. Langkah ini adalah wajar memandangkan FINAS mengeluarkan pinjaman. Langkah ini akan meningkatkan lagi profesionalisme di kalangan kakitangan FINAS dan memastikan filem yang diterbitkan memenuhi sosiobudaya negara ini serta mutu filem yang dihasilkan. Saya percaya penyertaan FINAS ini adalah wajar dan tidak akan menghalang kreativiti pengarah dan pelakon dan tenaga kerja perfileman dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, saya berharap wajah filem Malaysia akan berubah dan tidak hanya tertumpu kepada filem seram, filem keganasan dan cinta remah atau komedi murahan. Saya berharap lebih banyak filem bermutu seperti *Merong Mahawangsa* yang diterbitkan oleh KRU Productions akan dapat dihasilkan. Saya berharap lebih ramai pengarah dan pelakon seperti Seniman Negara Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dapat dilahirkan kelak. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, saya melihat sejak akhir-akhir ini kita ketengahkan sangat tentang filem Filipina yang agaknya tidak menguntungkan langsung pada pembinaan keluarga dan masyarakat. Begitu juga filem-filem yang nampaknya alam khayalan, hantu malam-malam, bukan yang sepatutnya kita dedahkan tetapi banyak ditayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan seksyen baru iaitu seksyen 11A dan 11B berhubung dengan langkah kerajaan untuk memberikan opsyen kepada kakitangan Jabatan Filem Negara untuk diserapkan dalam perkhidmatan FINAS. Saya difahamkan ramai kakitangan FINAS dan RTM yang berkhidmat secara kontrak. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan untuk menyerapkan kakitangan RTM ini ke jawatan tetap memandangkan ada di antara kakitangan RTM ini yang telah berkhidmat secara kontrak lebih sepuluh tahun yang lepas. Berhubung dengan penyerapan kakitangan Jabatan Filem Negara di dalam FINAS, saya berharap kerajaan akan menimbangkan gaji yang sesuai dengan pengalaman pekerjaan dan kepakaran yang mereka miliki kerana saya kluatir aspek ini tidak diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan juga untuk menimbulkan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan banyaknya rancangan TV berbayar yang menayangkan rancangan di mana pelakon lelaki memakai pakaian wanita dan begitu juga di sebaliknya.

■1520

Saya ingin membangkitkan isu ini kerana rancangan-rancangan ini membabitkan pelakon komedi terkenal. Saya amat khuatir jika rancangan ini menjadi medan untuk menyebarkan budaya LGBT. Saya meminta kerajaan mengambil langkah yang tegas bagi mengawal dan memberhentikan rancangan seperti ini. Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ada penaja-penaja pula LGBT ini. Jadi, saya khuatir sangatlah, pohon pihak kerajaan mengatasi secara serius berkaitan perkara tersebut. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan khususnya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bagi menangani isu berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan program pembangunan filem tempatan di bawah FINAS yang agak kurang rancak masa kini. Saya ingin mencadangkan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada satu minit lagi ya Yang Berhormat.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Okey, *insya-Allah*. Saya ingin mencadangkan agar kepimpinan FINAS khususnya ketua pengarahnya, dilantik daripada kalangan penggiat filem yang berpengalaman. Kita mempunyai pengarah berkaliber dan berpengalaman seperti Datuk Yusof Haslam dan pengarah serta pelakon Ahmad Idham maka saya berharap kerajaan akan mengkaji semula kedudukan Ketua Pengarah FINAS ini bagi memastikan perkembangan filem tempatan supaya lebih rancak, bermutu dan dapat menembusi pasaran antarabangsa. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama itu. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Syed Shahir. Silakan Yang Berhormat.

**3.22 ptg.**

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa lama Yang Berhormat, 10 minit boleh ya?

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tujuh minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini hanya dua seksyen yang penting, namun ianya memberi implikasi yang besar. Seksyen 6 dipinda dengan menambah subseksyen (g) dan (h) yang mana seperti yang disebut oleh pembicara sebelum saya tadi, berkaitan dengan penyebaran maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian dan (h) merakam liputan peristiwa bagi maksud arkib. Ini dialu-alukan dan ini merupakan usaha yang sepatutnya dilakukan secara konsisten dan tuntas.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian ianya hendaklah dilakukan secara adil. Dalam kata lain bahawa Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini yang digabungkan dengan Jabatan Filem Negara Malaysia merupakan agensi pemerintah. Ertinya, ia tidak mewakili mana-mana pihak atau mana-mana parti. Saya sentuh ini kerana kita hendaklah berlaku adil, ertinya apabila kita melakukan sesuatu fungsi atau tugas, ianya tidak memihak atau bias kepada mana-mana pihak yang tertentu.

Kalau misalnya kita mahu membuat filem mengenai pertanian padi misalnya, kita tidak melihat ini dari segi di mana padi itu ditanam tetapi dalam konteks apa manfaatnya kepada rakyat dan kepada masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta dalam hal mengenai seksyen baru 11A dan 11B. Di dalam seksyen 11A dinyatakan bahawa, "*Kerajaan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan memberi opsyen kepada tiap-tiap orang yang sebaik sebelum tarikh itu berada dalam penggajian atau perkhidmatan kerajaan dalam Jabatan Filem Negara.*"

Apabila kita sebut opsyen ertinya pilihan. Kalau misalnya seorang pekerja memilih untuk tidak masuk, bagaimana? Ini harus diperjelaskan oleh sebab kurang lebih 28 tahun yang lalu apabila Jabatan Telekom dan Lembaga Elektrik Negara membuat opsyen. Ada di antara staf atau pekerja yang bersikap, "*Saya tidak mahu masuk dalam TNB atau dalam Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Saya memilih untuk kekal*", dan mereka kekal di situ sedangkan dalam hal ini kedua-dua agensi ini sudah digabungkan, bagaimana dengan apa yang dikatakan sebagai opsyen tadi? Opsyen ertinya pilihan, siapa juga berhak untuk memilih.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai manfaat mereka yang masuk ke dalam Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini. Ertinya seperti disebut, apakah manfaat mereka itu akan kekal atau adakah berlaku perubahan-perubahan dan apakah akibat daripada kemasukan nanti, maka kekananan mereka atau senioriti dengan izin akan terjejas? Ertinya apabila menjadi besar, maka sudah tentulah tidak mungkin akan ada dua pengurus, dua pengarah atau sebagainya. Jadi hal ini harus juga diberikan perhatian.

Hal yang lain adalah mengenai manfaat pencen. Ini juga penting, kalau misalnya dalam 11A ini ada juga disebut di bawah perkara tiga, tarikh yang ditetapkan. Ini juga harus diperjelaskan. Di bawah seksyen 11B Tuan Yang di-Pertua, 11B(2) adalah suatu hal yang perlu diperjelaskan oleh Menteri sepanjang mengenai mereka yang tidak jelas statusnya. Ertinya sama ada dalam kedudukan tetap atau *permanent* atau reguler atau seperti yang disebut sebagai pekerja kontrak. Jadi, hal ini harus diperjelaskan, kalau tidak nanti khidmat mereka yang mungkin 15, 20, 25 tahun akan berakhir begitu sahaja.

Akhir sekali, saya ingin tahu bahawa Jabatan Filem Negara seingat saya, lambangnya ialah harimau yang mengaum, apakah harimau ini akan kekal mengaum atau habis begitu sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok. Agaknya berapa lama Yang Berhormat hendak berbahas?

**3.28 ptg.**

**Puan Chew Lee Giok:** Selama 12 minit. Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2012.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Chew Lee Giok:** Saya berharap penggabungan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia ini dengan Jabatan Filem Negara Malaysia boleh memajukan perkembangan industri perfileman tempatan.

Usaha ini untuk memastikan industri perfileman negara terus berdaya maju dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa dengan membawa jenama Malaysia. Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, yang saya sentuh di sini ialah Skim Wajib Tayang 2005 berkuat kuasa 25 Jun 2005. Skim ini diwujudkan bertujuan untuk menerima dan mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar.

Pada 24 Mei 2012, dua filem tempatan yang dibenarkan ditayangkan di panggung wayang setiap minggu iaitu pada hari Khamis- satu minggu ada dua filem. Di sini saya hendak menyentuh tentang perkara ini ialah ada satu perkara iaitu satu wayang tempatan. Dengan izin, *Once Upon a Time... [Bercakap dalam bahasa Mandarin]* la merupakan filem tempatan Tahun Baru Cina terbitan Jack Lim dan diarahkan oleh Silver, difilemkan di Ipoh, Malaysia, itu buatan tempatan. Ia dijadualkan untuk ditayangkan di panggung wayang seluruh Malaysia pada 7 Februari 2013, tiga hari sebelum Tahun Baru Cina 2013. Akan tetapi slot tayangan untuk filem tempatan di bawah Skim Wajib Tayang ini telah penuh pada masa tersebut. Ini menyebabkan filem ini tidak dapat ditayangkan pada waktu itu iaitu pada 7 Februari 2013 iaitu waktu keemasan untuk tayangan filem-filem. Beliau telah membuat rayuan kepada FINAS.

**■1530**

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan perkembangan dan kemajuan penerbitan filem tempatan maka saya minta pihak berkenaan melonggarkan peraturan skim wajib tayangan ini terutamanya ketika perayaan Tahun Baru Cina ataupun perayaan Hari Raya sebab banyak wayang gambar tempatan akan ditayangkan pada waktu itu. Oleh kerana musim ini adalah merupakan musim yang paling ramai penonton-penonton Malaysia akan pergi menonton wayang sebab cuti panjangkan, maka jangan menyusahkan. Saya pesan di sini jangan menyusahkan penerbitan tempatan membenarkan keluaran tempatan itu, *made in Malaysia*, dengan izin, *Once Upon a Time*, dengan izin boleh ditayangkan pada 7 Februari 2013. Saya ingin mendapatkan jawapan yang tepat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri hari ini. Terima kasih. Maka saya ingin minta pihak berkenaan longgarkan peraturan untuk Skim Wajib Tayangan ini ketika perayaan Tahun Baru Cina juga waktu perayaan Hari Raya. Minta pengusaha kewangan untuk mempertimbangkan, menayangkan lebih daripada dua filem tempatan untuk masa perayaan.

Jangan dua sahaja, tetapkan. Untuk musim perayaan dua ini, *special* sikit. Lebih daripada dua. Mungkin boleh berikan dua ataupun empat wayang gambar ditayangkan.

Maka cadangan saya ialah dicadangkan supaya pertama, membenarkan penayangan lebih dua filem tempatan di bawah Skim Wajib Tayang sewaktu musim perayaan seperti Tahun Baru Cina dan juga perayaan Hari Raya. Kedua, melonggarkan peraturan Skim Wajib Tayang supaya penerbit boleh memilih untuk mendapatkan bantuan Skim Wajib Tayang ataupun tidak sebab ada penerbit tidak memerlukan skim ini. Ketiga, membolehkan pengendali pawagam dapat memilih untuk menayangkan filem tempatan bukan di bawah Skim Wajib Tayang bagi membolehkan lebih banyak filem tempatan dapat ditayangkan pada suatu masa selain daripada Skim Wajib Tayang ini.

Ini adalah supaya filem tempatan dapat ditayangkan sedekat mungkin dengan tamatnya proses penghasilan filem tersebut untuk menjana pulangan seawal mungkin. Tidak akan mengalami kerugian yang besar. Kelonggaran dapat menggalakkan lebih banyak penerbit-penerbit tempatan untuk menghasilkan filem tempatan yang berkualiti tinggi. Ini akan seterusnya menolong memajukan pasaran tanpa pendedahan filem-filem tempatan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa perubahan ke atas Skim Wajib Tayang ini telah membuka lebih banyak peluang dan galakan kepada penerbit tempatan. Ini perlu dipuji. Akan tetapi demi memajukan industri filem Malaysia dan menuju ke arah taraf antarabangsa, maka lebih banyak perubahan, kelonggaran dan sokongan diperlukan. Apakah kerajaan bercadang untuk mencari alternatif lain bagi merancakkan kembali industri filem tempatan ini?

Saya ingin mencadangkan agar satu R&D dilakukan terhadap struktur penceritaan dan oleh filem-filem *box office*, dengan izin, baik dari dalam ataupun luar negara untuk mengenal pasti mengapa filem-filem tersebut mendapat sambutan. Kalau kita lihat, orang-orang yang faham bahasa Melayu dan boleh bercakap dalam Bahasa Melayu tetapi masih kurang berminat untuk menonton filem-filem Melayu tetapi ramai orang yang tidak faham bahasa Korea, betul tidak? Tidak boleh bercakap bahasa Korea tetapi menonton, menjadi penonton filem-filem Korea. Begitu juga lagu, "*Gangnam Style*", kita memahami lirik lagunya tetapi berjuta-juta orang telah menontonnya di *YouTube*. Begitu juga pemimpin-pemimpin pembangkang pun minat menari tarian "*Gangnam Style*" ini. Mereka pandai menari tetapi tidak pandai menunaikan janji.

Jadi di sini jelas sekali bahawa bahasa bukanlah elemen yang menentukan boleh atau tidaknya sesebuah filem tersebut menembusi pasaran antarabangsa. Bahasa bukan menjadi masalah. Apa sebabnya filem-filem Malaysia tidak dapat menembusi pasaran antarabangsa? Jadi kita kena kembali kepada asasnya dengan melihat kepada struktur penceritaan cerita-cerita *Hollywood*, China, Korea ataupun *Bollywood* untuk mengenal pasti kenapa orang yang tidak faham bahasanya tetapi ramai menonton filem-filem tersebut. *Story line*, dengan izin, yang menarik adalah penting untuk menarik minat penonton.

Pengusaha filem-filem tempatan mestilah memastikan penulis skrip ini serta *directomya* dapat menghasilkan *story line*, dengan izin, ataupun skrip yang menarik dan sesuai. Kita sebagai manusia biasa memang suka pada yang indah, yang cantik. lihatlah drama Korea, drama Taiwan, drama Indonesia dan juga filem *Hindi*. Ramai pelakonnya lelaki semua *handsome*, dengan izin, yang wanitanya semua cantik-cantik belaka. Ini merupakan kebiasaan manusia. Kaum lelaki memang suka melihat wanita yang cantik, okey. Wanita pun suka melihat pelakon lelaki itu *handsome*... [Tepuk] Ini juga satu faktor...

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Boleh...

**Puan Chew Lee Giok:** ...Perlu dipertimbangkan oleh filem tempatan.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Pohon mencelah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik daripada pembahasan Senator Chew tadi. Saya hendak bagi pandangan. Saya yang sebenarnya filem-filem Melayu ini, filem-filem tempatanlah saya jarang tengok. Saya mengaku oleh sebab-sebab tertentu.

Akan tetapi tiap-tiap kali filem P. Ramlee kalau saya tahu ada, saya selalu *switch on the TV* saya tengok. Filem-filem P. Ramlee ini 30 tahun ke 40 tahun masa saya sekolah lagi. Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat yang pertama sekali, apa peranan kerajaan supaya standard filem-filem tempatan ini dapat dinaikkan? Oleh sebab saya fikir tidak boleh hendak mempersalahkan kerajaan sahaja sebab *this is a free country*. Kita banyak *actor, actress* yang cantik-cantik seperti Senator Chew kata itu tetapi tidak dapat menaikkan taraf kita ini setaraf 30 tahun ke 40 tahun semasa P. Ramlee, S. Romainor dan sebagainya.

Apakah yang sepatutnya kita buat dari segi *private enterprise* sama ada kerajaan boleh memberi sumbangan apa sahaja yang boleh dibuat supaya kalau dulu semasa P. Ramlee, filem kita hantar ke Indonesia pun popular. Sampai sekarang pun saya fikir. Akan tetapi, saya fikir sekarang kita lebih melihat filem-filem dari Indonesia kalau hendak tengok filem bahasa Melayu. Apa pendapat Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah sikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang amat setuju dengan Yang Berhormat yang berkata tadi. Cuma saya hendak menambah sedikit yang 1Malaysia digalakkan oleh Perdana Menteri kita sekarang tetapi di – *how to say*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cakap sahaja dalam bahasa Inggeris dengan izin. Saya benarkan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Dengan izin dalam filem P. Ramlee telah menunjukkan 1Malaysia. Dalam filem dia memang wujud Cina, India, *Aci-aci*. Oh! *very* menarik... [Dewan riuh] Hero dan heroin pada masa itu bukan sangat cantik atau apa. Tidak. Saya tidak setuju orang menonton filem

untuk *handsome* dan *pretty*. Tidak. Yang *theme* itu memang sangat penting. Satu lagi pada masa itu, saya masih kecil, muda. Jadi / tidak tahu langsung sebab / berasal daripada kampung Cina. 100% Cina. Jadi / langsung tidak tahu apa kebudayaan Melayu yang dari filem P. Ramlee. / tahulah joget, dan *you know* di *Malacca Kingdom*, Tun Perak, Hang Tuah. Jadi yang itu dia memang satu *legend*. Janganlah pandang rendah kepada standard filem negara kita. Itu sahaja.

■1540

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat izinkan masa untuk mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya beri Yang Berhormat dua minit lagi Yang Berhormat sebab yang mencelah ini ruangan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat beri, ia akan makan masa Yang Berhormat. Teruskan.

**Puan Chew Lee Giok:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, sebab bagi saya, wayang P. Ramlee memang dikagumi. Cerita dia memang menarik. Macam tadi Yang Berhormat kata, memang dia corak 1Malaysia. Lagipun beliau merupakan seorang pelakon dan juga *director* yang berjaya. Lagipun P. Ramlee pun *handsome*, betul tidak? Lagi satu yang penting, *story line* itu ada kata, itu sangat penting, *story line* dia. Sebab itu filem P. Ramlee dia punya *story line* memang bagus. Konsep 1Malaysia sebab menarik ramai orang. Sampai hari ini pun walaupun bukan waktu kita tetapi kita pun meminati filem-filem dia.

Lagi satu, saya bukan mengatakan yang cantik, yang *handsome* itu merupakan satu faktor sahaja. Bukan kata semestinya 100% tetapi merupakan satu faktor. Contohnya, kumpulan penyanyi dari Korea datang sini. Pemuda pemudi kita tidak faham bahasa Korea tetapi minat. Tiket RM200 pun boleh beli. Betul tidak? Nyanyi tidak pandai nyanyi, tidak memahami tetapi terikut-ikut. Sebab mengapa? Antara satu sebab untuk Korea ini memang lah *handsome*.

Okey Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ang Berhormat ada 1 minit untuk menggulung Yang Berhormat ya?

**Puan Chew Lee Giok:** Okey. Saya hendak sentuh tentang cerita kartun *Upin dan Ipin* adalah sangat popular bukan di Malaysia tetapi di Indonesia juga. Sebab itu Malaysia hendaklah wujudkan lebih banyak filem-filem yang bertaraf internasional, boleh dijual kepada negeri lain-lain. Bukan sahaja di Indonesia dan juga kalau boleh jual ke China, jual ke Taiwan. Kalau boleh ke Eropah juga.

Okey, Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik minat pasaran luar negara. Campuran pelakon tempatan dan pelakon luar negara juga mungkin merupakan satu formula untuk berjaya. Contohnya banyak filem-filem Hong Kong mereka menggunakan pelakon Hong Kong dan juga pelakon Korea untuk berlakon. Mungkin itu satu cadangan kepada filem-filem tempatan.

Saya ingin bagi satu contoh umpamanya kalau hendak bina rumah kenalah pastikan struktur rumah tersebut benar-benar kukuh supaya tidak mudah roboh. Walaupun telah bertahun-tahun digunakan ibarat filem-filem Tan Sri P. Ramlee masih digemari ramai macam yang dinyatakan oleh dua orang Yang Berhormat tadi dan tidak lapuk ditelan zaman. Memang saya akui.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dengan penggabungan kedua-dua badan ini, kita dapat merangka satu strategi yang lebih baik untuk memajukan filem-filem buatan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi, ke peringkat antarabangsa. Sekian sahaja saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Masa 10 minit Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat.

### 3.43 ptg.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (Pindaan) 2012.

Saya ingin menyentuh beberapa isu yang berkaitan dengan industri perfileman sendiri yang mungkin secara langsungnya tidak ada kaitan dengan pindaan rang undang-undang ini. Akan tetapi ianya adalah merupakan isu-isu yang sering berbangkit di khalayak ramai yang memerlukan penjelasan. Satu daripadanya ialah isu penapisan filem.

Saya melihat pada hemat saya berlaku kelemahan dalam Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri dan juga Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sehingga membenarkan filem-filem yang berbau penghinaan kepada Islam diterbitkan untuk tontonan umum.

Contohnya filem tempatan terbaru yang mengandungi unsur menghina Islam adalah "*Hantu Bonceng*" yang diarahkan oleh Ahmad Idham Ahmad Nazri dengan lakonan oleh Muhammad Razizan Abdul Razak atau ringkasnya Zizan Raja Lawak. Salah satu babak yang dilakonkan secara jelas menghina Rasulullah SAW apabila Zizan menyebut, "*Ashaduanna Muhammadar syaitan..*" yang membawa maksud, "*Aku naik saksi bahawa Muhammad itu syaitan*". Kalimah syahadah bukan perkataan yang boleh dijenakakan atau dipersendakan sedemikian rupa.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya minta satu minit sahaja. Boleh tidak Yang Berhormat. Ini mengambil masa Tuan Haji ini. Saya cuma hendak tahu sahaja kalau betul layak tadi, adakah filem ini telah diluluskan oleh penapis filem dan kalau...

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Sudah ditayangkan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ya?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Sudah ditayangkan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sudah ditayangkan. Itu saya rasa kalau saya minta kementerian menjawab kenapa filem yang mengandungi dialog seperti itu sampai lulus? Ini satu perkara yang serius dan kecuaiannya yang rasanya susah hendak dimaafkan. Saya minta apa yang saya komen ini boleh menjadi sebahagian daripada pandangan Yang Berhormat dari Muar. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Dari Johor.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Johor... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Ia membawa kesan yang boleh menggugurkan syahadah walaupun ia sekadar lakonan. Sementara pula filem yang menjadi tontonan umum ini akan mencetuskan kekeliruan dan gambaran yang salah masyarakat terhadap Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta pihak FINAS. Ini sebagaimana yang disebutkan tadi lah mahupun LPF untuk mewujudkan panel syariah yang berautoriti sebagai Lembaga Penapisan yang tertinggi terutama dalam menapis cerita atau filem-filem yang mempunyai kaitan dengan agama Islam. Saya juga ingin menyarankan agar setiap artis yang ditawarkan peluang berlakon supaya meneliti dan membuat kajian terlebih dahulu mengenai skrip yang bakal dilakonkan oleh mereka.

Sekiranya skrip tersebut mengandungi unsur-unsur yang dirasakan bertentangan dengan fitrah dan juga berpotensi untuk mencemarkan kemuliaan Islam, maka bertanyalah kepada para ulama. Perkara ini juga mestilah dilakukan oleh pihak penerbit, pengarah mahupun pelakon sendiri agar tidak mewujudkan suasana kontroversi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini ialah isu filem-filem kontroversi, "*Tanda Putra*" yang masih belum ditayangkan. Soalan saya ialah, apakah isunya sehingga hari ini masih tertunda? Adakah disebabkan babak perkauman selama 10 minit? Jika ya, bolehkah ianya dirakamkan semula bagi menyesuaikan dengan senario semasa? Saya difahamkan filem ini adalah sebuah filem sejarah yang penting yang pernah terjadi di negara kita yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat dan juga orang-orang kebiasaan. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja dua perkara yang saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

■ 1550

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar. Silakan Yang Berhormat.

3.50 ptg.

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sepuluh minit Yang Berhormat ya.

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Sepuluh sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sepuluh sahaja.

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Sempat kah tidak sempat tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cubakanlah.

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Apa pun keadaannya kita kena bercakap juga sebab fasal konteks perfileman ini pun satu industri kita bercakap fasal FINAS kita tahu FINAS memperkasakan industri filem termasuk juga Jabatan Filem Negara, menyimpan segala khazanah negara yang melibatkan dalam *progress* acara-acara tertentu. Bila gabungan ini berlaku maka FINAS akan memainkan peranan yang paling penting dalam konteks ini. Sebab kita tidak akan nampak lagi *existnya* Jabatan Filem Negara itu sendiri. Jadi bila pergabungan ini berlaku *statement* yang pertama tadi bila dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan ulasan berkenaan pindaan ini mengatakan berlaku pembaziran.

Jadi saya pun pelik, Jabatan Filem Negara sebelum merdeka sudah wujud, FINAS sudah hampir 15 tahun tetapi bila *statement* ini keluar mengatakan pembaziran saya pun tidak tahu di mana salahnya, di mana silapnya? Jadi sepatutnya *statement* ini tidak perlu keluar tadi. Jadi dalam masa yang sama saya tidak mengulas secara lanjut, secara *detail* berkenaan dengan penggabungan ini. Ini sebab kita tahu Tuan Shahir sudah bercakap fasal kedudukan staf termasuk juga To' Puan Zaitun berkenaan dengan kedudukan pegawai-pegawai yang terlibat ataupun kakitangan yang terlibat dalam kedua-dua agensi ini.

Cuma kita perlu ambil perhatian juga kepada persoalan yang dikemukakan oleh To' Puan Zaitun berkenaan dengan pekerja-pekerja kontrak ini perlu juga diberi perhatian. Jangan esok mereka ini menjadi mangsa bila penggabungan ini berlaku. Jadi dengan kaedah yang sama juga kita kena tahu. Jadi saya ingin memperkatakan FINAS, sebab FINAS ini kita tahu dia adalah satu agensi atau perbadanan yang memperkasakan industri filem, bukannya pemain filem.

Jadi saya bawa kepada huraian yang dikemukakan dalam teks rang undang-undang ini iaitu, "*Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 6 [Akta 244]. Pindaan yang dicadangkan memasukkan fungsi dan kuasa baru Perbadanan berbangkit daripada penggabungan Perbadanan dengan JFN. Fungsi baru adalah untuk merakam liputan peristiwa bagi maksud arkib dan antara kuasa baru Perbadanan adalah untuk memberi bantuan kewangan melalui pinjaman dan sebagainya; dan mengambil bahagian dalam pengeluaran filem.*"

Dalam *statement* yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dia mengatakan ada konteks tertentu, jadi saya tidak tahu sekarang yang mana hendak dipakai. Sebab kalau diikuti kepada apa yang dihuraikan dalam fasal 2 ini bermaksud FINAS juga boleh terlibat dalam menerbitkan filem. Filem bermakna dalam konteks komersial ataupun kewarganegaraan. Jadi saya hendak tanya kementerian, bila keadaan ini berlaku? FINAS kita harus ingat peranan pertama adalah untuk memperkasakan industri filem membantu pemain-

pemain, pembuat filem di dalam industri kita. Sebab industri kita tidak bersaing industri kita kecil sangat. Okey kita tidak boleh hendak eksport filem ke luar. Jadi kalau keadaan ini berlaku apabila FINAS boleh menjadi salah satu pemain di dalam industri, bermaksud dari segi fungsi FINAS ini tadi sudah tidak berlaku. Bermaksud akan berlaku *double standard* dalam konteks ini.

Oleh sebab itu, kita kena ingat FINAS berperanan mengeluarkan lesen penerbitan. FINAS berperanan mewujudkan Skim Wajib Tayang, apabila FINAS mengeluarkan filem dia sendiri apa akan berlaku? Kita boleh gambarkan keadaan itu dalam industri filem kita, bayangkan nanti apabila pemain-pemain filem kecil ini terlibat sama, maka kita tidak hendak mereka akan menjadi mangsa dalam konteks ini. Jadi saya minta kementerian lihat balik ayat ini jangan digantungkan. Kalau perlu dipinda kita pinda sebab kita tidak mahu industri kita menjadi mangsa di dalam konteks pindaan ini. Sebab huraian yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak sama dengan apa yang terhurai dalam huraian fasal 2 ini?

Jadi, saya minta dikaji balik keadaan ini sebab kita jangan jadikan industri kita menjadi mangsa kerana industri kita kecil sangat. Jadi FINAS seharusnya memainkan peranan seperti mana yang digambarkan di awal 90-an dahulu iaitu, "*Filem Kita Wajah Kita*." Ini yang diperkatakan dalam Dewan tadi ini. Filem kita sudah tidak berwajah kita lagi, wajah hantu, wajah lawak, wajah mak nyah, wajah tomboi. Sekarang ini terbabit pula dalam kartun *Upin Ipin* yang begitu popular sekarang sudah wujud satu watak mak nyah dalam itu juga.

Jadi konteks kita sekarang ini kita hendak bawa peranan FINAS ke arah mana? Kita ingin memajukan industri filem kita adakah ini yang dikatakan atau inilah yang kita gambarkan inilah dia, *Filem Kita Wajah Kita*. Kalau ini tidak boleh dilakukan oleh FINAS selama 15 tahun apabila berlakunya penggabungan ini kita takut esok, peranan Jabatan Filem Negara itu sendiri pun hilang.

Sebab kita tahu peranan Jabatan Filem Negara sangat *straight forward*. Menyimpan segala khazanah dengan merakam peristiwa-peristiwa yang bersejarah di dalam negara kita. Jangan esok dari segi fungsi Jabatan Filem Negara ini nanti akan terkubur begitu sahaja dan FINAS sibuk dengan acara bagaimana untuk menjana pendapatan. Jadi saya rasa ini tidak bagus dan tidak sihat untuk industri filem kita. Sebab kena ingat filem kita sangat kecil, kita tidak perlu hendak bayangkan *Hollywood*, tidak perlu hendak bayangkan *Bollywood*. Dengan Iran pun kita tidak pernah menang dari segi orang kata apa *award*.

Sebab Iran mempunyai satu pengeluaran ataupun kualiti filem yang sangat hebat. Kalau di luar sana, kalau di dalam pertandingan-pertandingan tertentu Iran sentiasa sahaja berada di kedudukan yang tertinggi. Malaysia tidak pernah hendak ada di dalam kedudukan tersebut selepas Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan yang terbaru boleh dikatakan 20 tahun dahulu ada seorang lagi pelakon kita juga menerima anugerah yang sama. Akan tetapi selepas itu, apa peranan FINAS membantu industri filem kita mencapai ke tahap standard yang sepatutnya, tidak berlaku. Jadi kita tidak perlu bayangkan lagi ke mana arah tuju untuk meningkatkan filem kita sama taraf dengan *Hollywood*, sama taraf dengan *Bollywood*, pedulikan kisah itu. Kita pergi ke arah apa yang pernah

diwujudkan oleh FINAS "*Filem Kita Wajah Kita.*" Wujudkan suasana tersebut seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat salah seorang Yang Berhormat tadi tentang filem 1Malaysia tidak salah, sebab ini yang perlu dimainkan oleh FINAS. Sebab saya sangat-sangat tak setuju dengan pindaan ini sebab perlu ada perkataan seterusnya. Bermaksud merakamkan untuk maksud arkib atau mengeluarkan filem atau rakaman yang kerajaan fikirkan perlu untuk kepentingan negara. Itu sahaja yang mesti dimainkan peranan oleh FINAS.

Kalau FINAS tetap juga dengan keadaan ini saya percaya mungkin hari ini kita boleh berkata ini adalah akta. Kementerian mungkin boleh kata kita akan mengawal tetapi bila kita merujuk kepada akta bila berlaku kesilapan itu kita tidak boleh buat apa-apa lagi sebab kita sudah luluskan ini. Jadi saya minta kajian ini dilakukan untuk memastikan keselamatan ataupun industri filem kita ini nanti jangan jadi semakin tertekan dengan keadaan-keadaan yang sepatutnya. Peranan FINAS, mainkanlah peranan yang sebenar membantu industri filem kita dan melahirkanlah seberapa banyak karyawan yang kreatif seperti mana apa yang ada kemudahan disediakan oleh FINAS pada ketika ini. Sebab kita saya hendak tanya juga dengan kementerian berkenaan dengan pinjaman dengan industri kreatif, iaitu kita tahu ada RM103 juta iaitu dalam bentuk filem ataupun animasi.

Saya hendak tanya kementerian berapa banyak syarikat ataupun pemain filem yang menerima kemudahan seperti ini? Sebab ini bukan dari jumlah nilai yang sedikit RM103 juta. Saya hendak tahu adakah syarikat-syarikat tertentu sahaja? Sebab itu tadi ada cadangan yang mengatakan kalau boleh Ketua Pengarah FINAS ini biarlah daripada pemain FINAS. Saya sangat tidak bersetuju sebab akan berlaku *bias* dalam keadaan macam ini. Sebab nama-nama yang disebutkan tadi mereka masih berada di gelanggang industri ini.

Jadi apabila berlakunya kedudukan itu berada di tahap yang membolehkan menguatkuasakan sesuatu keadaan, maka kita hendak tidak hendak kita percaya akan berlaku penindasan untuk mereka-mereka ataupun syarikat-syarikat yang baru hendak berkecimpung dalam industri ini akan lenyap begitu sahaja. Jadi saya rasa kita elakkan keadaan itu, kita wujudkan satu. Kita tahu kita ramai lagi pensyarah ataupun profesional yang begitu mempunyai minda ataupun mempunyai ilmu yang baik di dalam industri perfileman. Biar mereka-mereka ini yang ahli-ahli, yang tidak terlibat dalam industri menerajui FINAS ini, saya rasa ini lebih baik, lebih adil untuk semua keadaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat untuk menggulung ya?

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Baru *intro* Tuan Yang di-Pertua. Kalau begini keadaan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tolong pendekkan Yang Berhormat, kita ada...

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Sebab ada beberapa perkara lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Enam orang lagi yang hendak berucap Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Ya, ya, ya. Okey, okey. Saya cuba yang sebaik mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tolong bagi Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Tolong bagi peluang sebab hari ini adalah *last day*. Jadi dalam masa yang sama juga saya minta kepada FINAS jangan terlalu memikirkan konteks ke mana arah tuju yang kita hendak pergi tetapi tolong pastikan, tolong selamatkan industri filem kita ini.

■1600

Industri filem kita ini dah nazak dan sekarang ini apa yang berlaku di lapangan sana sekarang ialah artis-artis luar pula sekarang dah masuk dan cuba ambil kesempatan di dalam kelonggaran yang ada. Mungkin terlepas pandang ataupun penguatkuasaan, saya tak tahu, saya nak kena tanya kementerian. Kenapa lambakan artis-artis luar sekarang masuk ke Malaysia tanpa menggunakan saluran tertentu tetapi masih boleh bekerja di dalam industri filem kita, saya tak tahu kenapa.

Sebagai contoh, kita tahu ada seorang artis Indonesia yang kita tahu bagaimana *attitude* dia iaitu dipanggil Julia Perez. Ini isu terbaru sekali yang dibangkitkan oleh Presiden Seniman. Kenapa beliau boleh terlepas di dalam memainkan peranan dan bekerja di Malaysia. Saya pun pelik penguatkuasaan sekarang siapa? Bila kita cakap industri imigrasi ataupun FINAS itu sendiri? Jadi, sebenarnya FINAS mempunyai tanggungjawab yang besar. Tak perlu kita fikirkan bagaimana FINAS harus bermain bersama untuk memikirkan keadaan bagaimana untuk melakukan wayang ataupun industri itu sendiri. Lupakan tentang konteks itu dulu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, saya minta sangat-sangat kalau boleh tolong tambah ayat dalam bahagian huraian tadi, "*Mengambil bahagian dalam pengeluaran filem secara spesifik untuk merakamkan ataupun mengeluarkan filem yang berkaitan dengan kerajaan yang difikirkan perlu untuk kepentingan rakyat*". Perlu diletakkan di dalam konteks tersebut. Jangan ditaruhkan- *full stop*, di situ, "*Mengambil bahagian dalam pengeluaran filem*". Jadi, saya rasa ini tidak menyelamatkan industri kita. Saya mohon sangat-sangat sebab tak boleh, sebab ini sangat-sangat merugikan. Ini kerana pelakon kita sekarang dah banyak tertekan. Itu sebab orang kita sekarang dia suka tengok filem-filem di luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bersemangat nampaknya ini. Lama tak agaknya?

**Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar:** Kalau boleh Tan Sri, bagilah seberapa ruang yang Tan Sri rasa dan fikir, nanti saya akan berhenti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, kalau boleh gulung sikit Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Ya, terima kasih Tan Sri. Jadi, saya minta begitu juga dengan masalah penganjuran festival filem kita, pun masalah. Sampai ke hari ini tak selesai. FINAS pun tak boleh nak selesaikan. So, kalau tak boleh nak selesaikan, macam mana peranan FINAS yang sebenarnya? Terletak pula dalam gabungan. Esok kita takut terlepas daripada tugas dan tanggungjawab yang diwartakan ataupun yang ditugaskan untuk Filem Negara itu dan kita akan terkubur begitu sahaja.

Jadi, esok takut kita pun tak ada khazanah filem, kita pun tak ada khazanah yang sepatutnya boleh kita sebar untuk dijadikan sejarah untuk peringkat masa akan datang, esok kita tersebar pula filem-filem yang bukan-bukan. Memang betul, saya setuju. Banyak Yang Berhormat bercakap tadi tentang filem kita wajah kita, dah tak ada wajah dah sekarang. Tak ada wajah Malaysia langsung.

Jadi, saya minta sangat-sangat FINAS tolong fokus benar-benar bantu industri perfileman kita ini. Jangan dianaktirikan. Lihat sekarang kalau kita tengok di dada-dada akhbar, apa jadi kepada artis-artis kita di luar sana, yang dah veteran-veteran. Tengok kehidupan mereka, sebab apa? Tak terbela? Jadi, kita tak mahu perkara ini berlarutan sampai bila-bila. Kita bercakap di dalam Dewan, kita memberi pandangan tetapi kita minta diluluskan dengan keadaan yang macam ini, sampai bila pun tak boleh selesai industri kita. Jadi, saya minta pihak kementerian kalau boleh kaji betul-betul peranan FINAS ini supaya industri kita ini benar-benar menjadi industri yang betul-betul membantu melahirkan profesional-profesional yang bijak pandai di dalam industri perfileman ataupun pengkaryaan dan sebagainya.

Jangan langsung mengambil kira apa keuntungan FINAS kerana itu adalah tugas dan tanggungjawab kita di dalam kerajaan. Dalam masa yang sama, FINAS juga mempunyai peranan dalam cetak rompak. Sekarang bersepah balik dekat Kuala Lumpur ini cetak rompak. Kita pergi kedai makan sana, tauke itu bawa satu bakul, bawa tunjuk satu filem baru itu ini. Macam mana kita punya produser, macam mana kita punya pengamal filem nak cari makan kalau macam ini. Jangan buat penguatkuasaan berkala. Buatlah penguatkuasaan berterusan dan gunakan daripada segi rang undang-undang dan juga hukuman seberat-berat yang boleh kalau kita kata kita ingin menyelamatkan industri kita. Jadi, banyak sangat peranan FINAS yang perlu kita ambil kira sebab dalam masa yang sama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Okey, terima kasih Tan Sri. Jadi, saya ambil seminit untuk saya menggulung. Saya juga nak tahu daripada segi kecapaian filem-filem kita selama ini di peringkat antarabangsa. Selama 10 tahun ini di mana sebenarnya pencapaian filem-filem kita selama ini. Apa yang kita katakan tentang kehebatan industri kita. Jangan lupa juga staf-staf ataupun karyawan-karyawan kita yang berada dalam Filem Negara dan juga FINAS. Apabila penggabungan ini berlaku, tolong pastikan kemudahan, *facilities* mereka dijaga, dibela dengan cara yang paling molek. Jangan dianaktirikan, juga pekerja-pekerja yang bertaraf kontrak. Tuan

Yang di-Pertua, dengan itu saya minta sekali lagi perhatian kepada kementerian supaya mengkaji balik fasal 2 ini tentang huraian bagaimana FINAS boleh mengambil bahagian dalam pengeluaran filem. Kalau boleh biar spesifik. Dengan itu Tan Sri, saya sudah hujah saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Semua Ahli Yang Berhormat, bila pagi tadi saya tengok hanya empat orang sahaja nak berucap dalam tajuk ini. Sekarang saya balik, saya tengok ada 12 orang. Saya tidak ada masalah Yang Berhormat. Saya nak beri maklum Yang Berhormat sahaja bahawa hari ini hari terakhir. Bagi saya kalau Yang Berhormat nak teruskan sampai tengah malam pun tak apa tetapi saya mengenangkan kalau nak balik jauh. Itu sahajalah saya fikirkan tetapi itu saya serahkan kepada budi bicara Yang Berhormat semua kerana permasalahan kita di sini untuk menentukan masa. Saya bagi peluang kepada semua tetapi kalau boleh cuba ringkaskan.

Yang kedua, Menteri nak jawab kalau Menteri Penerangan ada di sini, saya rasa berbaloi juga. Ini rasa kalau sahabat kita ini bukan apalah, dia agaknya dia terhad juga dan kalau boleh sama-sama kita fikirkan dalam perkara ini. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Yang Berhormat jangan panjang-panjang sangat ya.

#### 4.06 ptg.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua,  
*Pintas tanjung lompat genting,*  
*Kita potong ambil isi penting-penting..., sahaja.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah Yang Berhormat, silakan.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Pertama saya nak tanya, berapakah jumlah filem tempatan yang berjaya tercalon dalam Festival Filem Asia Tenggara, ASEAN dan antarabangsa? Berapa buah filem yang telah berjaya memenangi anugerah? Kedua, berapa buah filem terbitan Malaysia yang dieksport ke luar iaitu ke pasaran antarabangsa pada tahun 2011 dan pada keseluruhannya sehingga kini. Ketiga, pada purata, berapakah jumlah filem buatan antarabangsa yang diimport untuk tayangan di pawagam-pawagam dan stesen TV Malaysia tiap-tiap tahun?

Keempat, apakah usaha yang telah diambil untuk memperkembangkan pasaran filem tempatan ke peringkat antarabangsa. Kelima, Lembaga Penapis Filem. Saya minta lembaga ini jangan tapis filem Malaysia sahaja tetapi juga antarabangsa. Ini kerana banyak yang lucu, yang tak baik masuk ke sini. Keenam, saya nak minta penarikan duit hiburan sebanyak 20% supaya bila digabungkan antara FINAS dengan Jabatan Filem Nasional, dapat hidup, dapat bersaing. Tak guna kita bergabung tetapi mampu, tak hidup, tak guna...

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Minta maaf, saya nak celah sikit boleh tak Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Banyak pun boleh.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Ini saya ke belakang sikit Tan Sri. Ini cerita bab karpet merah ini tadi, malam anugerah. Kita sering tengok malam anugerah ini, memang orang tunggu-tunggulah. Ini tak lama lagi nak ada malam anugerah, tak tahu. Saya tak mengikuti perkembangan sangat-sangat bab ini pasal peringkat usia inilah agaknya. Jadi, dalam karpet merah ini Tan Sri, mungkin Tan Sri pun seronok nak tunggu. Nanti artis ada yang datang, siapa yang akan tukang buka pintu, ada yang tukang sambut. Saya nampak itu pakaian-pakaian lip lap-lip lap. Nak-nak siapa yang *glamour*, wah kuat dia punya lip lap dia macam Perdana Menteri itu kalau datang oh ramainya ambil gambar tetapi nampaknya semua artis yang muda-muda, cantik-cantik belaka. Tadi kawan-kawan saya kata ini filem-filem *Bollywood* semua sekalilah, *Bollywood* Malaysia. Saya pernah tengok...

■1610

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Panjang sangat celah... *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Celah apa, panjang sangat?

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Ini mencelah.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Cukuplah pendek-pendek sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia mencelah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Sekejaplah Yang Berhormat, tidak sabar. Ini celah yang panjang.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kena ganti. *[Ketawa]*

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya lihat di situ... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, yang datang semua artis-artis yang muda. Jadi, artis-artis zaman P. Ramlee itu hidup lagi. Ada yang ada lagi macam Aziz Satar itu semua sekali itu, Sarimah ada lagi. Kenapa tidak dijemput dan dilalukan dengan karpet merah? Agaknya dia lalu daripada atas langit. Ini hendak kata tidak lawa, lawa... *[Ketawa]* Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar, dia geram kena sekat dia cakap tadi itu. Jadi, saya hendak pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Dia celah saya tiga minit, saya berucap dua minit, adoi... *[Ketawa]* Sakitnya. Itu Menteri kena jawablah, saya bukan Menteri. Apa pun saya tidak bersetuju dengan lip lap-lip lap... *[Ketawa]* *Over* sangat tidak baik.

Ketujuh, saya hendak minta ASWARA jadi *feeder* kepada FINAS dengan gabungannya Jabatan Filem Nasional. Kelapan, saya hendak tahu berapa banyak kutipan untuk tiga tahun kebelakangan ini sebab saya tahu 2011 sehingga 2012 sebanyak 66 filem dihasilkan dan kutipan sebanyak RM108 juta. Adakah itu benar? Kedua, tidakkah kutipan itu dapat membantu artis-artis yang sakit, uzur seperti Aziz Satar, S. Shamsuddin dan juga lain-lain orang.

Kesembilan, saya tengok, filem bercorak sejarah amat kurang. Dahulu ada sedikit, contoh filem *Hang Tuah*, filem *Sarjan Hasan*, *Bukit Kepong* dan sebagainya tetapi sejak itu tidak ada lagi. Ada pun *Hikayat Merong Mahawangsa*, hendak sebut susah, sebutlah. Jadi, saya saja tak nak

sebut. Jadi, saya lihat negara lain seperti India ada *Gandhi* untuk India, seperti di Iran ada filem *Iran*, seperti juga di Australia ada *Australia*, seperti di Scotland ada filem *Braveheart*, seperti Jepun ada *Mother of the Groom*, seperti juga di lain negara ada filem masing-masing, untuk macam Filipina ada *Pangako Sayo*, betul? Seperti di Siam, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/ Inong, ada *Ong Bak*, betul Yang Berhormat Dato' Boon Som?... [Ketawa] Seperti di *Bollywood* ada Shah Rukh Khan, ada macam-macam. Seperti di *Hollywood* ada *007* dan *Sky Falls*. *Sky Falls* itu sudah ada 50 tahun.

Jadi, apabila kerajaan cadangkan akta ini, saya hendak syorkan supaya lebih banyak lagi filem-filem sejarah identiti negara, wajah negara, ketatanegaraan Malaysia ditonjolkan, dipamerkan. Bukan filem *Hantu Mak Limah*, *Anak Puntianak*, *Hantu Mak Limah Balik Kampung*, *Pocong*, tidak ada standardlah.

Jadi, kita kena ada kualiti seperti filem-filem lama P. Ramlee. Itu ada kualiti sebab itu Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim jangan tidur. Oleh sebab itu dia bertahan lama, sebab ada kualiti Yang Berhormat, tahu?... [Ketawa] Kalau tidak bagi 'cocoh', tidak bangun.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Mohon mencelah. Yang Berhormat Senator ini kata saya tidur ini, saya tidak tidur. Saya sedang baca risalah sambil mendengar ucapan Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Baca apa? Saja 'cocoh' sebab petang ini hari akhir, sebab itu kita hendak ceria... [Ketawa]

Apa pun kita sokong agar rang undang-undang ini disokong penuh. Satu lagi saya hendak timbulkan, peruntukan diberi RM103 juta, banyak itu. Saya hendak tahu apakah syarat, kriteria yang akan diberikan untuk dapatkan pinjaman? Setahu saya ada yang baik, wujud pilih kasih. Jadi, jangan wujud pilih kasih, jangan wujud kasih sayang berat sebelah. Kita...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya mahu mencelah sedikit Yang Berhormat Senator, boleh?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Dalam konteks ini saya cuma hendak beri makluman dekat Yang Berhormat Senator dari segi berkenaan dengan pinjaman tadi itu. Ini kerana apa yang kita dapat tahu, untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebab antara panel ini juga adalah mereka yang daripada pemain wayang itu sendiri, industri itu sendiri. Jadi, sebab itu kadang-kadang berlaku orang kata *double standard*. Jadi, saya minta kaji juga dari segi mereka yang dalam panel ini sebagai makluman untuk Yang Berhormat Senator. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi, sehubungan dengan itu saya hendak syorkan supaya Menteri kena wujudkan satu panel yang betul-betul ada etika, ada kesungguhan, ada tanggungjawab yang baik, bukan semberono, setuju? Setuju, okey... [Ketawa]

Saya juga hendak ucap tahniah kepada satu filem berunsur jati diri penonton seperti filem *No. 1-10 Hari: 21 Jam: 14 Minit Di Pintu Ajal* yang menceritakan pengalaman *Dr. Sheikh Muszaphar*, angkasawan yang meneroka angkasa lepas. Filem macam ini kena banyak, bukan filem Hantu Mak Limah, bukan filem tidak ada kualiti. Jadi, filem macam ini dibanyakkan. Sekarang filem-filem Malaysia lemah sebab banyak jenaka, lawak tidak ada kualiti.

Saya juga hendak syorkan supaya lawak yang menyentuh agama seperti Zizan Raja Lawak itu, bukan sahaja diharamkan tetapi kita tuntutan supaya *Raja Lawak* itu orang Terengganu itu, bukan orang kampung saya, negeri saya sahaja, minta maaf sebab dia mungkin tidak sedar dia mempersendakan agama secara tidak langsung. Jadi, kita kena minta dia tuntutan maaf secara terbuka. Agama tidak boleh buat lawak, betul Ustaz Johari? Dia senyum, betullah. Jadi, kita tidak hendak orang lawak kan agama kita. Saya melawak tidak apa, bukan sentuh agama. Jadi, kita hendak negara kita Malaysia satu hari bila akta ini disahkan, dibuat satu pemberitahuan. Akhirnya, kita akan menjadi satu negara dapat bersaing dengan negara-negara lain yang maju seperti Korea, Jepun, China, dan dapat, pertama: tembusi pertama, pasaran domestik; dan kedua, pasaran antarabangsa.

#### ■1620

Kita domestik ada yang berjaya tetapi kebanyakan di peringkat antarabangsa tidak berjaya. Dulu zaman P. Ramlee, dia dapat jadi pelakon terbaik Asia, dapat tembusi pasaran antarabangsa, kita tidak dapat. Kita juga tertanya-tanya kenapa kita import banyak filem luar negara ke sini tetapi kita tidak dapat eksport ke negara mereka. Contoh, kita banyak terima filem-filem daripada Indonesia tetapi kita hendak ke sana, ke Indonesia tidak boleh. Jadi satu ketidakadilan.

Saya harap akta ini boleh mampu bentuk satu komiti yang boleh lihat dan mampu untuk jaga kepentingan filem-filem kita di peringkat antarabangsa. Jangan sibuk hendak jadi pengerusi FINAS, selepas itu gaduh-gaduh, berbalah-balah, gaduh-gaduh, balah-balah, hasil tidak ada apa. Sebab itu kita punya filem tidak ada apa, sebab pertama ada komiti dalam filem sekarang, gaduh-gaduh, berebut pengerusi. Komiti filem pun hendak gaduh. Itu tidak baik, tidak tunjuk satu akhlak satu contoh yang baik untuk pentadbiran pengurusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh tolong ringkaskan.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah yang bagusnya Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat S. Bagiam. Kalau sekiranya ada di kalangan Ahli Yang Berhormat yang telah beri nama tadi berasa cukup setakat ini, tolong beritahu saya juga. Sekian, silakan.

#### 4.32 ptg.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Salam sejahtera, salam 1Malaysia, dengan izin, *vanakkam*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut

terlibat dalam membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 iaitu Akta 244.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu dua perkara sahaja. Pertama, saya telah berjumpa dengan beberapa individu yang terlibat dalam pengeluaran filem tempatan dari kalangan orang-orang India. Untuk makluman, perkara utama yang disampaikan adalah mengenai bantuan dari aspek kewangan.

Ada di antara syarikat-syarikat yang berpotensi untuk mengeluarkan filem dan memerlukan bantuan kewangan seperti pinjaman geran dan sebagainya, tetapi cuma yang dapatnya hanya kelompok-kelompok tertentu sahaja, syarikat-syarikat tertentu sahaja yang dapat pinjaman atau geran. Banyak syarikat lain yang cuma berusaha selalunya tidak diberi peluang. Apakah kementerian mempunyai garis panduan yang jelas serta keikhlasan untuk benar-benar membantu industri ini berkembang maju yang kini banyak dicampuri oleh golongan belia.

Kita yakin dengan kemampuan artis kita dengan kemasukan golongan-golongan yang berpelajaran dan berkepakaran dalam industri seni ini. Mereka sewajarnya diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam memperkasakan industri perfileman negara kita. Kita dapat lihat kebolehan mereka melalui *short film* yang sering dimainkan di TV nasional kita. Dengan teknologi dan kepakaran serta minda belia muda dan industri perfileman ini amat menggalakkan, saya sarankan agar bantuan yang mencukupi dapat disampaikan agar aset ini tidak terlepas.

Kita sedar industri perfileman India dan Hindustan sangat kompetitif dan banyak pengalaman serta teknologi dapat dikongsi oleh pengusaha-pengusaha filem Tamil dalam negara ini. Saya sarankan agar bantuan serta kemudahan dapat dipanjangkan kepada penerbit-penerbit filem Tamil dalam negara dapat dipanjangkan agar pencapaian mereka dapat menandingi pengusaha filem Bollywood.

Seterusnya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Di kalangan 208 orang yang disentuh dalam akta ini, berapakah jumlah orang daripada kakitangan kita yang mempunyai kepakaran khusus dalam filem serta *psychology*. Saya ingin melihat supaya filem ini bukan sekadar kita mengeluarkan filem untuk kita tayangkan di pawagam, di televisyen dan sebagainya dalam negara kita, tetapi yang paling penting ialah apakah mesej yang khusus dalam filem itu untuk kita bawa. Sejauh mana filem yang kita terlibat ini memberikan kesan kepada pembentukan peribadi, pembentukan kekuatan minda, pembentukan pendidikan, kesederhanaan dan sebagainya kepada penonton-penonton dan bukan sekadar kita hendak memberikan hasil pendapatan kepada pengeluar-pengeluar filem. Apa yang penting ialah kualitinya dan kandungan yang terdapat dalam filem ini.

Saya menerima baik dengan kita mengadakan jawatankuasa ataupun badan yang mengawal filem sehingga kita dapat memastikan supaya filem-filem tempatan dapat kita kawal dari segi budayanya, agamanya dan dari segi tatasusila negara kita. Saya menyarankan agar jawatankuasa ini dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi,

kerana jika mereka gagal, ianya akan secara tidak langsung mewujudkan satu komuniti yang tidak bermaruah. Pada masa yang sama, tumpuan harus diberikan mengikut perkembangan semasa selaras dengan pembangunan industri perfileman global.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

#### 4.28 ptg.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya harap saya tidak akan memakan masa yang terlalu panjang.

Pertama sekali, saya menyokong rang undang-undang ini. Saya melihat rang undang-undang ini yang bertujuan untuk menggabungkan Filem Negara dan FINAS sebagai satu langkah dengan izin, *organizational rationalization* iaitu untuk meningkatkan *efficiency* dan untuk meningkatkan produktiviti dua organisasi yang pada asasnya mempunyai matlamat yang sama. Oleh kerana itu, sudah amatlah wajar bila kedua-dua organisasi ini digabungkan di bawah satu kepimpinan.

Untuk itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk atau mengimbas kembali pengalaman peribadi saya selama hampir 50 tahun mengikuti perkembangan Filem Negara dan FINAS. Filem Negara, semasa saya muda remaja Tuan Yang di-Pertua, saya mengingat betapa Filem Negara berfungsi menentang dakyah komunis di kalangan kita semua. Itu satu jasa. Kemudian, Filem Negara juga mempersiapkan rakyat dari segi psikologi menghadapi kemerdekaan, itu satu lagi jasa. Kemudian pada zaman pembangunan luar bandar di bawah pimpinan Tun Abdul Razak, Filem Negara juga berjasa memberi maklumat, meningkatkan semangat dan berusaha untuk menukar *outlook* atau *mindset* rakyat jelata, walaupun barangkali kejayaan menukar *mindset* itu kita masih belum puas hati lagi.

#### ■1630

Itu sekadar jasa yang telah dimainkan Jabatan Filem Negara. Mengenai FINAS Tuan Yang di-Pertua. FINAS pada suatu masa dulu pernah menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Penggubalan Dasar Filem Negara yang telah dipengerusikan oleh *Allahyarham* Tan Sri Ghazali Shafie, yang menentukan arah tuju sektor perfileman di negara kita ini. Akan tetapi sayang, waktu itu yang menjadi Ketua Pengarah FINAS ialah Datuk Zain Haji Hamzah dan saya telah diberi penghormatan untuk duduk dalam Jawatankuasa Penggubalan Dasar Filem Negara itu. Sayangnya, saya agak terkilan dan kecewa kerana seakan-akan tidak ada susulan, menggunakan perkataan yang mulai popular di dalam ini, susulan yang tuntas terhadap dasar yang telah digubal, yang makan waktu lebih enam bulan saya rasa.

Kita bermesyuarat di FINAS Ulu Klang itu hampir setiap bulan, hampir sekali dua minggu. Akan tetapi walau bagaimanapun dan memang hasil daripada atau keseluruhan dokumen Jawatankuasa Penggubalan Dasar Filem Negara itu saya rasa cukup bagus tetapi yang kecewanya ialah kerana tidak *follow-up* yang tuntas. Untuk itu, saya rasa saya ingin merujuk dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kembali dengan ringkas untuk meletakkan perbincangan ini dalam perspektif yang tepat. Saya ingin membawa dan berkongsi dalam Dewan ini tentang visi, misi dan objektif FINAS sekarang seperti tercatat dalam laporan FINAS yang diedarkan kepada kita semua. Visinya seperti berikut:

- (i) peneraju utama dan pemangkin kemajuan industri perfileman Malaysia bertaraf dunia berlandaskan Gagasan 1Malaysia; dan

Saya tidak puas hati dengan ungkapan demikian. Saya akan nyatakan kemudian.

- (ii) memacu Program Transformasi Ekonomi ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan menyokong program Transformasi Kerajaan dengan mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan dan meraih semula keyakinan terhadap agensi kerajaan.

Bolehlah tetapi saya masih belum puas hati. Kemudian mengenai misi:

- (i) memperluaskan ruang pasaran dan mempertingkatkan ekonomi industri filem kandungan kreatif;
- (ii) mengantarabangsakan keberkesanan serta daya saing industri filem dan kandungan kreatif;
- (iii) mempertingkatkan modal insan serta memperkasakan pemikiran generasi muda, komuniti filem dan masyarakat umum;
- (iv) mempertingkatkan proses pemasaran kandungan tempatan ke luar negara dan galakan penggambaran tempatan bagi filem antarabangsa;
- (v) menyediakan perkhidmatan kemudahan galakan dan sokongan yang cekat serta berkesan; dan
- (vi) memupuk budaya menonton filem Malaysia, menonton filem tempatan, cintai, sayangi dan lindungi filem Malaysia.

Itu misinya. Objektifnya FINAS bertanggungjawab menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan filem di Malaysia.

Satu yang agak saya terkilan sedikit mengenai visi, misi dan objektif ini Tuan Yang di-Pertua iaitu jadi sedikit sekali rasanya kecuali ayat yang mengatakan berlandaskan Gagasan 1Malaysia. Kecuali itu, saya menganggap visi, misi dan objektif FINAS seperti yang ada sekarang ini terlalu banyak penekanan terhadap aspek ekonomi dan industrinya yang tidak ada salah tetapi rasanya tidak seimbang kerana aspek penekanan budaya dan pembinaan negara bangsa agak tercicir kecuali ayat yang mengatakan berlandaskan Gagasan 1Malaysia.

Malah saya rasa ayat iaitu visi yang menyebut, "*Memajukan industri perfileman Malaysia bertaraf dunia berlandaskan Gagasan 1Malaysia*", sepatutnya ditambah dengan, "...dan Wawasan 2020 dalam mencapai matlamat pembinaan negara bangsa." Ini kerana bila kita bercakap mengenai *Gagasan 1Malaysia*, kita harus menggabungkannya dengan Wawasan 2020 kerana kedua-dua konsep ini, kedua-dua wawasan ini adalah saling lengkap melengkapi.

Oleh kerana itu kalau hanya menyebut Gagasan 1Malaysia dan meninggalkan Wawasan 2020 saya rasa kurang wajar. Kurang wajar dan seakan-akan kita kurang peka terhadap keperluan membentuk sebuah negara bangsa seperti dihuraikan dengan lengkap dalam Wawasan 2020 dan kemudian dilengkapkan lagi oleh Gagasan 1Malaysia. Jadi, saya menganggap semua visi, misi dan objektif ini kurang eksplisit dalam menyatakan peranan filem dalam pembinaan negara bangsa itu.

Jadi saya harap dengan penggabungan Filem Negara dan FINAS nanti, saya cadangkan supaya visi, misi dan objektif di atas tadi disemak kembali supaya selain daripada menekankan aspek ekonomi dan industrinya, diambil kira juga, malah diambil berat juga aspek budaya, jati diri dan pembinaan negara bangsa. Saya sedar bahawa masa terhad Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya tidak berhajat untuk memakan masa terlalu banyak tetapi saya hanya ingin menarik kembali perhatian kita bersama terhadap satu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop tadi iaitu mengenai satu filem yang diarahkan oleh pengarah tempatan, Shuhaimi Baba.

Pada 19 Disember yang lalu, saya bertanya, saya mengemukakan soalan dalam Dewan ini, soalan saya, apakah sebabnya filem "*Tanda Putera*" arahan Shuhaimi Baba masih belum ditayangkan sedangkan pihak Lembaga Penapis Filem telah lama meluluskannya? Adakah benar, ini yang saya hendak tahu, adakah benar penangguhan ini disebabkan oleh bantahan DAP yang takut tembelang mereka akan terbongkar kembali berkaitan adegan Peristiwa 13 Mei dalam filem tersebut?

Sebenarnya kempen untuk tidak menayangkan *Tanda Putera* ini dimulakan oleh satu *website* dan kemudian ia berlarut-larut ke tempat. Jawapan yang saya terima ialah seperti berikut, "*Filem Tanda Putera adalah satu filem yang mengangkat persahabatan dan pengorbanan dua tokoh negarawan iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dalam membangunkan Malaysia pada ketika mereka berdua sedang menyabung nyawa menghadapi penyakit yang kritikal. Pengorbanan mereka mendahulukan kepentingan negara berbanding kepentingan sendiri dalam menangani ancaman subversif komunis dan kekalutan politik selepas pilihan raya 1969.*"

Cabaran daripada Peristiwa 13 Mei didedahkan sebagai sebahagian daripada plot penceritaan yang tidak dapat dielakkan kerana ini sudah menjadi satu fakta sejarah. Hal ini yang ditakuti oleh DAP kerana ia melibatkan, sebagaimana yang kita tahu salah seorang pemimpin besar DAP ditahan berikutan dengan perkara ini kerana disyaki sebagai mengancam keselamatan

negara. Walau bagaimanapun, ini jawapan seterusnya, “*Walaupun ia telah membawa kepada pemahaman dan pengorbanan dua negarawan ini serta perkembangan inisiatif-inisiatif yang timbul daripada kemelut tersebut. Cabaran dan usaha mereka membawa kepada penubuhan dan penggubalan dasar seperti Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Sistem Penerbangan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Petronas dan seterusnya menaik taraf anjakan ekonomi negara.*”

Jadi, banyak aspek-aspek positif yang disumbangkan oleh kedua tokoh ini digarap di dalam filem ini. Akan tetapi kerana kononnya, ini sebagaimana saya baca di dalam *Mingguan Malaysia* yang dianalisis daripada seorang penulis Osman Kusman menyatakan antara sebabnya ialah kerana desakan pihak yang takut tembelang mereka akan terdedah. Tembelang mereka dalam Peristiwa 13 Mei akan terdedah jika filem ini ditayangkan sedangkan kita tahu filem ini telah diluluskan oleh pihak Lembaga Penapis Filem.

Ini satu lagi yang agak menimbulkan kemusykilan. Filem seperti yang menghina Nabi, yang boleh merosakkan akidah seperti disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop tadi lulus. Sedangkan filem ini yang ada nilai-nilai patriotik, ada nilai-nilai sejarah ditahan. Ini saya minta penerangan daripada kementerian. Tidak tahulah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasannya. Oleh kerana itu saya sekali lagi mengulangi suara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Johor tadi supaya tidak usahlah ditahan lagi atau ditangguhkan lagi penayangan filem *Tanda Putera* ini dan tidak usah diedit lagi. Tidak perlu diedit kerana sudah diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem Malaysia.

#### ■1640

Jadi itulah antara kemusykilan-kemusykilan yang saya rasa yang saya ingin kemukakan. Selain dari itu, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kementerian supaya FINAS dalam bentuk barunya nanti akan lebih banyak mengeluarkan filem-filem pendek yang ada kaitannya dengan pembinaan negara bangsa dan bukan sekadar mengeluarkan sahaja dan untuk ditayangkan di dalam RTM. Akan tetapi diminta supaya stesen-stesen TV swasta turut menayangkan episod *footage* filem yang dikeluarkan oleh FINAS terutama sekali tak perlunya dengan motif perniagaan tetapi dengan motif untuk pembinaan negara bangsa. Diminta supaya stesen-stesen televisyen swasta itu turut menayangkan juga tanpa bayaran apa-apa di pihak kerajaan. Ini patut dianggap sebagai sumbangan pihak TV swasta terhadap pembinaan sebuah negara bangsa itu.

Kita mengalu-alukan sangat usaha RTM sejak akhir-akhir ini mengadakan kempen membersihkan, menjernihkan pencemaran bahasa dan mengadakan kempen berbudi bahasa yang sangat-sangat dialu-alukan. Akan tetapi saya rasa kalau kita hanya berharap kepada RTM sahaja tidak cukup. Ini adalah perjuangan dan tanggungjawab kita bersama. Oleh kerana itu, patutlah kita juga melibatkan dan meminta malah kalau boleh dikatakan memaksa pihak TV swasta turut sama-sama.

Sebenarnya banyak yang saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, oleh kerana untuk menghormati masa dan menghormati pesan Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya sekadar itu. Akan tetapi sekadar hendak mengingatkan lagi supaya FINAS janganlah hanya memberi penekanan kepada aspek-aspek industri dan ekonomi sahaja. FINAS sebagai agen sosialisasi politik patut memberi penekanan kepada usaha-usaha pembentukan jati diri, pembentukan sebuah negara bangsa seperti termaktub di dalam Gagasan 1Malaysia dan Wawasan 2020. Jadi matlamat-matlamat untuk mencapai Gagasan 1Malaysia dan Wawasan 2020 itu haruslah menjadi sesuatu yang *intergrowth*, dengan izin, dalam matlamat FINAS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

#### 4.43 ptg.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja memandangkan kesuntukan masa. Terlebih dahulu saya hendak tahulah berapa ramai kah pegawai-pegawai kanan daripada FINAS yang hadir dalam Dewan kita hari ini sebab saya semak-semak muka-muka yang ada dalam Dewan ini tak ada yang dalam buku laporan 2011 ini. Jadi saya tak pastilah mereka yang ada di dalam ini.

Kedua, saya hendak juga tahu, ramai kah pegawai-pegawai kanan daripada kementerian yang hadir sebab setiap kali kita membincangkan, membahaskan tentang rang undang-undang saya rasa tidak ada sebabnya pegawai-pegawai tinggi KSU kah, TKSU wajib hadir di dalam Dewan ini bagi sama-sama dengan semangat ingin melihat kejayaan satu rang undang-undang itu benar-benar dibahaskan dengan adil dan diterjemahkan kembali oleh pihak-pihak di pihak kementerian dan agensi-agensi yang terbabit.

Saya sempat meneliti akaun FINAS 2011. Saya lihat ada dua kelemahan yang agak ketara dari segi pentadbiran kewangan FINAS dalam mengendalikan satu jumlah yang agak besar juga RM6.3 juta di mana ini merupakan satu pendahuluan, *advance* kepada kakitangan FINAS untuk program-program mereka. Di dapati jumlah ini tidak dapat dikesan secara *detail* sama ada rekod-rekod tidak menunjukkan bahawa bayaran balik sudah dilakukan, bayaran yang tertunggak dan siapa yang berhutang tidak dapat dijelaskan.

Satu lagi, keadaan yang sama kerana FINAS mempunyai peralatan dan kelengkapan dan ia menyewakan kepada mungkin pengusaha-pengusaha filem. Saya lihat di sini ada penghutang-penghutang yang berjumlah 642,000 orang yang hari ini rekodnya tidak lengkap dan malah Ketua Audit Negara sendiri tidak mampu mengesan siapakah yang sudah bayar, siapakah yang belum bayar. Ini dua perkara dalam akaun sudah jelas menunjukkan bahawa pentadbiran kewangan FINAS amat lemah. Kalau kita tidak mampu mengendalikan satu tabungan yang berjumlah RM63

juta yang dikhaskan untuk kakitangan dan ini boleh disalahtafsirkan sebagai CBT kalau benar-benar ada bukti-bukti menunjukkan bahawa ada pihak kakitangan yang menyalahgunakan.

Saya rasa FINAS dan juga kementerian jangan teragak-agak. Kita tidak perlu melindungi sesiapa dalam hal yang begini. Begitu juga dalam pengurusan kelengkapan ini tadi. Ini semua wang rakyat. Kita harus berhati-hati dan bertanggungjawab. Itu sebab saya tanya tadi mana pegawai-pegawai kanan FINAS? Kalau ada, *alhamdulillah*. Sudah dengar mungkin ambil tindakan.

Saya lihat dalam akaun FINAS, aset RM162 juta. Boleh tahan banyaknya itu dan mempunyai kadar kecairan yang sungguh tinggi, *very liquid*, RM71.5 juta dalam bentuk simpanan tetap, *71.5 million*, dengan izin. Hanya saya hendak tahu sama ada ini merupakan wang-wang geran daripada kerajaan yang sepatutnya dikeluarkan kepada mereka-mereka yang memerlukan dalam usaha-usaha kita untuk membantu pertumbuhan mutu perfileman sama ada kita hendak galakkan mereka-mereka ini dalam usaha-usaha mempromosi, menggalakkan, meningkatkan, usaha-usaha meningkatkan kualiti, kandungan kreatif dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu kenapa bilangan ataupun jumlah yang sebegini banyak ada dalam simpanan. Saya lihat juga tadi menyentuh tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Firdaus bahawa FINAS mempunyai satu visi yang sungguh molek, indah. Hendak menjadikan industri perfileman negara taraf dunia. Cantik bahasanya Dr. Firdaus, tetapi nafsu besar, semangat tidak ada, kekuatan tidak ada sahaja Yang Berhormat, tak boleh ke mana. Kita mesti lengkapkan juga dengan kita punya strategi-strategi, perancangan, *framework*.

Saya lihat KPI-KPI yang dicecah ataupun yang berjaya dicapai oleh FINAS pada tahun 2011 tidak langsung menunjukkan keupayaannya ke arah *standard world class*. Jauh lebih jauh daripada itu. adakah dengan setakat program 40 kali buat program latihan, perfileman kita hendak menjadi ke arah *world class*? Adakah kita buat promosi sebanyak lima sasaran penyertaan sahaja sudah jadi *world class*? Dan banyak lagi seperti mana yang dipaparkan laporan tahunan 2011.

Jadi, nasihat saya jangan kita buat *open ended* visi sebagai mana yang disebutkan selalu oleh sahabat saya Dr. Firdaus tetapi kita tidak langsung memikirkan. Kita secara ikhlas benar-benar ingin mencapai *world class*, cukup dengan kelengkapannya, pelurunya dan juga tenaganya. Saya lihat apabila RUU ini dibentang dan diluluskan, dinyatakan di dalam RUU ini tidak ada implikasi kewangan. Jadi saya rasa ini sesuatu usaha yang tidak mendatangkan manfaat dalam apa juga usaha bentuk penggabungan. Mesti ada implikasi dan sedikit sebanyak mesti menyentuh implikasi kewangan. Kalau dia akan bertambah, sebutlah dia akan bertambah. Akan tetapi, kalau hari ini dimaklumkan bahawa bila bergabung, Jabatan Filem Negara saya rasa akan digabungkan dengan FINAS, sudah tentu ramai kakitangan pegawai-pegawai yang akan terjejas seperti mana yang disebutkan oleh beberapa Yang Berhormat.

#### ■1650

Ini sudah tentu ada perkara-perkara yang *duplication*, dengan izin yang kita harus teliti supaya tidak da pembaziran dan *wastages*. Jadi di mana letaknya manfaat kita menggabung,

bergabung kalau tidak ada implikasi kewangan. Saya yakin ada tinggal lagi kita ambil jalan pintas kita kata tidak ada sahaja. Jadi ini satu usaha yang saya rasa tidak benar-benar sejajar dengan hasrat kita ke arah GTP kita, bercakap tentang GTP, kita bercakap tentang ETP tetapi kita masih berjalan, beroperasi cara lama.

Walaupun kita mesti ada elemen-elemen untuk sebagaimana yang juga Dato' Dr. Firdaus cakap tadi untuk memastikan agenda pembudayaan rakyat itu dikekalkan tetapi mesti ada elemen-elemen implikasi kewangan disertakan sekali. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamed. Kalau boleh juga padat, lengkap dan ringkas.

#### 4.51 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Insya-Allah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Perbahasan saya akan banyak merujuk kepada data-data yang terkandung di dalam Laporan FINAS 2011. Yang pertamanya saya ingin menyentuh tentang statistik pada muka surat 65 tentang pengimportan filem mengikut negara. Mengikut statistik yang disediakan filem yang diimport daripada Amerika Syarikat adalah berjumlah 2,775 diikuti keduanya adalah daripada Jepun – 2,546, dan Hong Kong – 2,684 dibandingkan dengan filem-filem yang diimport daripada Jordan hanya 3, Iran – 0, Mesir – 2, Arab Saudi – 1, Lubnan – 0 dan Turki – 3.

Jadi persoalannya, apakah kriteria yang menyebabkan filem-filem yang diimport daripada Amerika Syarikat, Jepun dan Hong Kong ini begitu tinggi berbanding dengan begitu sedikitnya filem-filem yang diimport daripada negara-negara yang boleh kita katakan Negara Islam dan majoritinya beragama Islam seperti yang telah saya sebutkan tadi. Kalau daripada sudut industri perfileman, seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin tadi, kalau daripada Iran kita tidak boleh menafikan industri perfilemannya telah sampai kepada pengiktirafan antarabangsa. Kenapa filem yang diimport daripada Iran mencatatkan kosong sahaja?

Saya pernah menyaksikan satu filem daripada Iran bertajuk *Children of Paradise*. Filem itu bagi saya mempunyai nilai yang sangat tinggi. Filem yang menceritakan tentang dua orang adik-beradik berkongsi sepasang kasut. Adik bersekolah pagi, abang bersekolah petang dan tidak meminta daripada ibu bapanya membeli sepasang lagi kasut kerana kehidupannya yang sangat miskin. Saya telah menonton filem ini sekeluarga dan filem ini telah memberi kesan yang sangat besar kepada anak-anak saya sehingga yang kecil, enam tahun menangis dan kesannya daripada sikap yang suka meminta-minta hendak itu hendak ini menangis-nangis. Bila tengok filem ini sikap itu semakin terhakis. Jadi ini yang kita kehendaki, *value* ini yang kita hendaki, filem-filem yang dilahirkan boleh memberi impak, boleh memberi kesan kepada penonton yang melihatnya. Jadi bila kita lihat hari ini filem-filem daripada Amerika Syarikat, Jepun, Hong Kong adakah filem-filem ini memberi impak ataupun kesan nilai yang baik ke arah pembentukan masyarakat kita yang bertamadun, bermoral tinggi, bersahsiah dan dipandang mulia, itu yang pertama.

Yang kedua seterusnya saya ingin melihat tentang satu statistik di muka surat 66, perbandingan pengimportan filem mengikut jenis filem. Pada tahun 2011 filem cereka yang diimport adalah sebanyak 6,915, iklan sebanyak 1,396, hiburan sebanyak 1,294 manakala pendidikan hanya 42, satu jurang yang sangat besar. Adakah tidak penting pendidikan ini sehingga diimport sebegitu sedikit ataupun jumlah filem tempatan berbentuk pendidikan telah banyak? Saya mohon penjelasan.

Yang ketiga pada muka surat 86 ada menceritakan tentang projek filem cereka tempatan, kualiti, kuantiti dan potensi. Saya amat mengalu-alukan kajian ini yang ia merupakan kerjasama antara FINAS dan UKM yang telah ditandatangani pada Ogos 2011 dan dijangka siap dalam masa enam bulan. Jadi saya mohon untuk mendapatkan hasil ini bagaimanakah mutu filem cereka tempatan dan bagaimana filem cereka tempatan ini mampu menjana ke arah masyarakat Malaysia yang lebih gemilang dan bermoral tinggi, bertamadun dan berdaya saing.

Seterusnya saya memohon untuk merujuk kepada statistik di muka suara 105 berkenaan dengan filem yang mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1 juta pada tahun 2011 dan yang pertama adalah *KL Gangster* – RM 11 juta, *Ombak Rindu* – RM10 juta, *Hantu Bonceng* yang Zizan tadi itu – RM8 juta, *Kongsi* – RM8 juta dan *Khurafat* – RM8 juta. Daripada 25 buah filem yang mendapat RM1 juta lebih ini kebanyakannya adalah filem-filem yang berbentuk *gangsterism*, cinta, dan juga filem seram. Manakala yang bercorak patriotik *Merong Mahawangsa* satu, dan mungkin ada dua ataupun tiga sahaja.

Jadi inilah yang kita boleh lihat kita hari ini sambutan masyarakat hari ini, bentuk filem mana yang mendapat sambutan, bentuk filem yang seperti ini yang berunsur ganas, yang berunsur cinta, seram jadi inilah yang diminati oleh masyarakat pada hari ini. Adakah kita boleh menawarkan filem-filem bercorak patriotik, bernilai tinggi seperti mana filem yang saya sebut tadi yang di Iran yang boleh mampu untuk mencapai *box office*, yang mampu menarik minat masyarakat Malaysia menyaksikannya dan memberi impak kepada masyarakat. Jadi saya mohon selepas ini biarlah filem-filem yang berbentuk seperti itu yang menjadi *box office*. Bukannya filem-filem yang berbentuk sebegini yang semestinya memberi kesan yang mendalam ke atas diri seseorang.

Seterusnya berkenaan dengan waktu-waktu tayangan. Jadi saya mohon kepada pihak-pihak berwajib untuk prihatin tentang waktu-waktu tayangan terutamanya tayangan-tayangan yang melibatkan bagi orang Islam menunaikan fardu maghrib, hemat diri biasanya daripada pukul 7 hingga pukul 8. Jadi pada waktu-waktu sebegini, saya pernah ada beberapa kawan yang begitu *engaged*, dengan izin, dengan masa itu tayangan *Spa-Q* pada pukul 7. Jadi kalau boleh siaran-siaran bersiri sebegini elakkan pada waktu 7 hingga 8 dan begitu juga siaran kartun kanak-kanak. Jadi sekitar 7 hingga 8 adalah waktu untuk hemat diri, persiapan untuk waktu malam dan untuk orang Islam adalah waktu untuk menunaikan solat maghrib yang sangat pendek. Jadi sekian, terima kasih.

## ■ 1700

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang mempersilakan yang terakhir sekali Yang Berhormat Dato' Jaspal. Kalau boleh perbahasan Yang Berhormat cuba padat, ringkas dan terima kasih.

## 5.00 ptg.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini dibangkitkan kerana kita hendak menggabungkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan Jabatan Filem Negara. Saya hanya memang hendak ringkaskan, hanya ada tiga poin.

Pertama, pindaan kepada seksyen 6 dengan memasukkan subseksyen (1)(g) "*Menyebarkan maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan melalui pengeluaran filem.*" Pada 3 Disember sampai hari ini, kita telah bertanya banyak soalan dan berbahas dengan kementerian. Jadi saya dapati kebanyakan soal jawab memang bagus tetapi rakyat di luar itu dia tidak tahu tentang program-program kerajaan dan juga program-program yang sedia ada daripada institusi. Baru-baru ini atau dua tiga hari, kita dapati bagi tabung inovasi, hanya seorang sahaja yang layak mendapat geran ataupun pinjaman daripada tabung inovasi. Ini menunjukkan ada kelemahan. Ada kelemahan tentang maklumat ini tidak sampai kepada *targeted group*, dengan izin. Kita banyak program sekarang seperti BR1M. Kita ada 1Azam. Macam-macam kita ada. Memang kerajaan banyak program daripada kementerian tetapi adakah rakyat faham dan tahu macam mana sistem penyampaian atau hendak mohon supaya program ini betul-betul boleh sampai ke akar umbi. Peranan filem memang penting sekali tetapi ada kelemahan.

Saya hendak tanya soalan kepada kementerian. Dengan gabungan ini, kita tidak boleh kata ini Jabatan Filem Negara, yang ini FINAS. Akan tetapi dengan gabungan ini, adakah masalah seperti ini sudah boleh diselesaikan? Memang sistem penyampaian dan maklumat-maklumat boleh sampai ke akar umbi. Adakah kementerian bercadang menggunakan platform filem ini bukan sahaja untuk menyebarkan maklumat tetapi untuk mendapat maklumat balik daripada orang ramai.

Ini kerana sekarang ini program-program yang begitu *interesting*, dia bukan *one way*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Dia memang *two ways*, ada dua jenis. Dia program interaksi, program *live* yang mana orang ramai boleh memberi *feedback* tentang program-program kerajaan atau program-program lain melalui SMS atau berbagai-bagai cara. Jadi kaedah-kaedah baru ini sama ada perbadanan ini akan menggunakan cara-cara baru supaya *efficiency* kerajaan akan meningkat. Itu pendapat saya dalam *point* nombor satu.

Poin kedua dua, saya hendak *refer*, dengan izin, kepada fasal 2(b)(iii) di mana agensi ini juga akan menjadi satu agensi yang memberi bantuan kewangan, bekerjasama dengan agensi lain untuk membuat kajian dan memajukan perusahaan filem. Saya hendak tahu sama ada

kementerian melihat bidang filem ini sebagai satu karier untuk pemuda-pemuda di Malaysia. Adakah ini sebagai satu sambilan *maybe*, dengan izin, ataupun *maybe* satu karier yang serius. Kalau ini adalah karier yang serius, kita mesti melihat bukan sahaja daripada memberi geran pinjaman hanya untuk pengeluaran filem tetapi untuk pembinaan *talent*.

Adakah agensi ini akan bekerjasama dengan universiti. Kita mempunyai universiti yang mencukupi atau tidak untuk membina *talents* ini di Malaysia. Kenapa kita tidak boleh mendapat ranking yang tinggi dalam filem festival. Apakah *root problem*? *What is a root problem*, dengan izin? Sama seperti Olimpik sama seperti bidang-bidang lain. Mesti ada satu program yang lebih holistik.

*Point* ketiga saya ialah mengenai pengambilan pekerja-pekerja kerajaan. Di dalam fasal 3,11A ini, diberitahu semua akan diberi jaminan untuk mendapat kerja. Ini bererti bila kita gabung dua agensi ini, *in terms of* pekerja dia sama. Akan tetapi kita dengar, agensi ini akan jadi lebih efisien. Itu ertinya mesti ada kerja-kerja daripada agensi 'A' dengan agensi 'B' yang *overlapped*. Jadi orang yang buat *overlap* ini, pekerja-pekerja yang buat *overlap* ini, apakah yang mereka akan buat? Sudahkah kementerian kenal pasti kerja-kerja *overlapped* dan kerja-kerja baru yang akan dikeluarkan pada masa depan supaya agensi ini akan lebih efisien dan juga dapat menaikkan tempat-tempat kelemahan kedua-dua agensi lama dahulu.

Selain itu, adakah bajet untuk melatih kembali? Kalau kita ambil orang daripada agensi yang lama dan gabungkan di agensi baru ini tetapi dia akan buat kerja yang baru. Tidak akan dia hendak buat kerja yang sama? Untuk menjadi lebih efisien, orang ini mesti dilatih kembali. Apakah bajet agensi untuk memberi latihan baru supaya kita semua hendak melihat satu agensi yang baru atau yang digabungkan yang lebih efisien, lebih efektif. Semua kelemahan boleh diselesaikan dan agensi ini akan memang membawa Malaysia lebih berjaya dalam industri filem. Saya rasa semua berhasrat macam itu. Jadi saya hendak tanya bagaimanakah agensi ini akan memainkan peranan-peranan ini. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Selesai sudah perbincangan kita. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.08 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan Puan Hajah Zaitun, Jemaah Menteri telah luluskan pada 6 April 2012 dan akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 yang menggabungkan FINAS dengan Filem Negara. Peruntukan khas kepada penerbit filem untuk penerbit mutu dan menarik. Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh FINAS setakat ini adalah seperti berikut:

- (i) memberikan dana penerbitan kepada filem berkualiti tinggi melalui Dana Filem Kenegaraan dan Warisan seperti filem *Hanyut*;

- (ii) memberikan dana bagi membantu kos penerbitan kesan khas melalui dana CGI seperti filem *Vikingdom* dan *War of the World*;
- (iii) memberikan dana penerbitan animasi melalui Dana Filem Animasi untuk projek filem animasi *O Laila* dan *Pengembaraan Si Luca*;
- (iv) mengadakan kerjasama penerbitan filem dokumentari berkualiti tinggi dengan penyiar antarabangsa seperti *National Geography*, *Channel Discovery*, *Networks Asia* dan *Attained All Asian Networks*;

■1710

- (v) mengadakan bengkel–bengkel latihan dan *master class* yang meningkatkan kemahiran para karyawan filem;
- (vi) menyediakan peralatan-peralatan perfileman terkini untuk kegunaan penerbitan tempatan;
- (vii) menyediakan kemudahan-kemudahan perfileman seperti pusat penyuntingan FINAS *post studio*, penggambaran *studio sound stage studio*, suntingan audio, *studio digital max, stage*; dan
- (viii) memberikan insentif kepada penerbit filem tempatan melalui insentif tayangan filem cereka (ITFC).

Rakyat diberikan kemudahan untuk akses kepada bahan arkib. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun dan kami akan mempertimbangkan.

Menyerapkan kakitangan FNM ke dalam FINAS. Kesemua 311 pegawai dan kakitangan Filem Negara Malaysia akan diberikan pilihan opsyen untuk berkhidmat di FINAS atau kembali kepada perkhidmatan asal. Ini adalah kerana kebanyakan perjawatan di Filem Negara adalah sebagai *cader post*.

Pertanyaan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir, apa manfaat kepada rakyat mewujudkan satu perbadanan perfileman tunggal yang akan memainkan peranan utama menjana secara langsung perkembangan industri filem tempatan tanpa pembaziran dari segi kewangan dan pertindihan penyediaan prasarana oleh kerajaan dan usaha pembangunan industri filem dapat dilaksanakan dengan lebih efisien kerana tiada lagi pertindihan tugas kuasa antara kedua-dua agensi tersebut iaitu FINAS dan FNM.

Kebajikan pegawai-pegawai FNM. Walaupun pegawai-pegawai ini ditukar lantikan ke FINAS, kebajikan mereka sebagai penjawat awam masih kekal berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.17, tahun 2002. Pegawai-pegawai ini akan menerima pencen bagi yang berpencen, kekananan berkekal dan menerima kemudahan-kemudahan yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. Malah pegawai-pegawai akan menikmati kemudahan-kemudahan lain yang dinikmati oleh pegawai badan berkanun. Antaranya kemudahan panel klinik swasta dan layak menerima bonus seperti pegawai sedia ada di FINAS.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mengenai langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kualiti filem tempatan. Industri perfileman tempatan telah menampakkan peningkatan yang ketara berbanding tahun-tahun yang lalu. Penerbitan filem tempatan telah meningkat daripada 40 judul pada tahun 2011 kepada 66 judul sehingga bulan November 2012. Kutipan filem juga telah meningkat daripada RM43.2 juta tahun 2008 kepada RM180 juta pada tahun 2011. Ini menunjukkan filem tempatan juga menerima sambutan yang baik dan memiliki kualiti yang agak memuaskan.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok bertanya filem tempatan untuk tayangan pawagam pada musim perayaan. Tiada polisi untuk tayangan khas semasa musim perayaan. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Wajib Tayang untuk tindakan seterusnya. Pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, cadangan untuk...

**Puan Chew Lee Giok:** Mohon mencelah, mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Chew Lee Giok:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya ada tanya tentang bagaimana rayuan untuk tayangan *Once Upon a Time*, dengan izin, yang minta untuk tayangkan pada 7 Februari 2013. Saya hendak tahu jawapan macam mana, dalam pertimbangan ataupun keputusan sudah keluarlah belum atau macam mana. Terima kasih.

**Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop yang mencadangkan untuk mewujudkan panel syariah dalam Lembaga Penapisan Filem. Seperti Yang Berhormat Senator maklum, Lembaga Penapisan Filem adalah di bawah kuat kuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya juga dimaklumkan, JAKIM merupakan Ahli Lembaga LPF. Pihak FINAS juga mendapatkan nasihat penerbitan filem tempatan untuk mendapatkan nasihat daripada JAKIM untuk skrip mereka.

Filem *Tanda Putera* Tuan Yang di-Pertua, kita akan bagi secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak dapat maklumat daripada pegawai-pegawai di belakang untuk membantu Yang Berhormat?

**Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz:** Memang tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, tidak apa. Teruslah, teruslah saya hendak dengar.

**Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz:** Pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin mengenai pindaan kepada Akta FINAS sebagai pengeluaran filem dan peranan *competitor*. Pihak FINAS akan memastikan tidak akan berlaku persaingan dengan pengeluaran filem tempatan. FINAS akan hanya memfokuskan kepada penerbitan filem dokumentari, kenegaraan, pendidikan dan seni budaya yang berkualiti tinggi di mana jurnal filem ini tidak banyak diterbitkan oleh penerbit filem tempatan kerana berisiko tinggi. Ini kerana jurnal filem sebegini memerlukan modal yang

besar dan tiada nilai komersial. FINAS perlu mengambil alih tugas Filem Negara Malaysia untuk mengeluarkan atau menerbitkan filem yang berunsur kenegaraan dan kebudayaan. Tanpa pindaan ini, FINAS tidak akan dibenarkan mengeluarkan filem berunsur kemasyarakatan. Tugas FINAS adalah sebagai payung pelindung kepada industri filem, bukan sebagai *competitor*...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya mohon mencelah boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya faham dari segi penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi masalahnya sekarang kaedah mana yang kita hendak pakai? Dalam rang undang-undang ataupun *statement* Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sebab kita takut nanti bila keadaan macam ini berlaku, sebab dalam huraian fasal 2 rang undang-undang, ia sangat jelas mengatakan bahawa perbadanan boleh mengambil bahagian dalam pengeluaran filem. Sedangkan *statement* Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaedah dalam konteks yang lain.

Jadi, kita hendak tahu pakai yang mana satu. Sebab kalau dalam rang undang-undang ini dijelaskan sebegini, jadi pemahaman saya adalah bermaksud, apa pun *statement* yang dikeluarkan hari ini kalau diikuti dalam konteks huraian, bermaksud kita harus mengguna pakai apa yang ada dalam huraian. Jadi, saya tidak mahu nanti ada berlaku permasalahan. Jadi, saya punya pandangan, apa yang saya bahaskan tadi, saya minta kalau boleh diberi perhatian kepada *statement* ini dan dibuat pindaan.

■1720

Itu yang saya mahukan sebab untuk menyelamatkan industri ini. Sebab apa berlaku pada masa akan datang, kita tidak boleh hendak cakap. Sama ada *statement* Menteri atau dalam rang undang-undang ini. Yang mana satu kita perlu pakai? Terima kasih.

**Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz:** *Statement* itu memang betul kerana kalau kita dahulu FNM telah membuat filem tetapi sekarang sudah gabung dengan FINAS. *So*, sekarang FINAS terpaksa buat filem kemasyarakatan, terpaksa mengadakan, membikin filem itu memang terpaksa ada di sana. Oleh sebab itu kita menggunakan akta itu di sana sebab kita perlu gunakan seperti mana yang saya katakan tadi. *So*, itulah kita gunakan apa yang ada sekarang.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya mohon sedikit lagilah. Ini disebabkan saya masih tidak jelas dengan penjelasan apa yang berlaku pada konteks paragraf ayat yang berada dalam huraian ini sebab saya faham apa yang dimaksudkan oleh Menteri. Sekarang pengguna pakai untuk kita mengguna pakai sekarang ini dalam fasa yang mana, sama ada *statement* Menteri ataupun dalam huraian yang termaktub dalam rang undang-undang ini? Sebab apa yang saya persoalkan tadi adalah bagaimana kita ingin memastikan bahawa di masa akan datang FINAS tidak akan terlibat dalam menerbitkan filem yang berunsur komersial.

Ini disebabkan kita tahu peranan Filem Negara tadi memang sudah diserapkan dalam FINAS dan kita tahu memang itu fungsinya. Memang kita faham sangat tetapi sekarang daripada

segi penghuraian ini, yang saya persoalkan sekarang sebab saya tidak mahu nanti di masa akan datang akan timbul masalah. Sebab nanti apabila berlaku penerbitan filem komersial oleh FINAS, jadi tidak akan melanggar apa-apa akta disebabkan dalam konteks huraian ayat ini cuma mengambil kira "...mengambil bahagian dalam pengeluaran filem". Jadi, tidak spesifik. Peranan Filem Negara memang saya faham sangat. Terima kasih.

**Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya beri secara bertulis. Pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin mengenai perancangan terperinci dan tempoh masa yang secukupnya diperlukan memandangkan festival pada tahun ini adalah ulang tahun ke-25, Jubli Perak. Pengisiannya perlu mempunyai kelainan supaya ia setanding dengan festival-festival filem yang dianjurkan di negara luar.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya minta lagi mencelah. Sebab kita perlu huraikan perkara ini. Kita di dalam konteks FINAS sebenarnya menganjurkan festival filem ini bukan setahun atau dua tahun ataupun bukan kita baru hendak buat. Jadi, saya minta penjelasan daripada kementerian, kenapa Festival Filem kita pada kali ini bermasalah? Saya minta keterangan mengapa sebab kita sudah bertahun-tahun, hampir 20 tahun kita menganjurkan Festival Filem melalui beberapa gabungan persatuan. Jadi saya tidak tahu mengapa tahun ini menjadi masalah di samping kita hendak habis hujung tahun. Saya tidak nampak kalau kita berkata tentang persediaan 25 tahun, sepatutnya kita sudah bersedia daripada peringkat awal. Jadi, saya minta kalau boleh pihak kementerian perelaskan dalam Dewan mengapa masalah ini berlaku daripada segi penganjuran Festival Filem.

**Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz:** Tuan Yang di-Pertua, itu saya sebutkan tadi, kita ada banyak festival di luar negara. Maksudnya kita boleh *market* kan produk-produk kita dari sini. Sebab itu ia *delay* kerana itulah yang dilewatkan festival terpaksa ada di negara kita ini.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin mengenai berapa banyak pemain filem yang menerima pinjaman industri kreatif. Sehingga 31, 2012, 15 buah projek animasi dan 41 buah filem cereka telah diluluskan di bawah Dana Pinjaman Industri Kreatif. Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan adalah sebanyak RM103 juta.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman mengenai Festival Filem Antarabangsa, iaitu berapa jumlah filem tempatan yang berjaya. Terima kasih Yang Berhormat. Sebanyak 13 judul filem telah dicalonkan di festival-festival filem di peringkat Asia dan antarabangsa. Festival filem di peringkat Asia dan festival filem antarabangsa yang telah disertai ialah Festival Filem Asia yang *The Public TS Club of Thailand* (FCCT) di Hong Kong. Antara filem-filem yang dicalonkan di Festival Filem ASEAN 2012 ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*, wayang *Geng Pengembaraan Bermula*, *Ais Kacang Popular*, *Puteri Gunung Ledang*, *Songlap* dan *Bunohan*. Di Pesta Filem Antarabangsa Kanak-kanak Cairo ke-21 di Mesir, dua judul iaitu *Sekali Lagi* dan *Papa I Love You*. Manakala di *ASEAN Film Hong Kong* pula ialah filem 29 Februari,

*Kepong Gengster* dan *SAM* dipertandingkan. Namun, tiada anugerah yang dimenangi oleh filem dari Malaysia.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman mengenai eksport filem ke pasaran antarabangsa. Sebanyak 14 buah filem animasi dan filem cereka terbitan Malaysia telah dieksport ke luar negara pada tahun 2011.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman mengenai import filem buatan antarabangsa. Pada purata, sebanyak 328 buah filem diimport setahun. Ini merangkumi filem *English*, filem Cina, filem India dan filem lain-lain.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman mengenai kualiti dan mutu filem tempatan. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh FINAS untuk menghasilkan skrip yang bermutu tinggi ialah menjalankan bengkel perfileman, *master class* dan seminar bagi pendidik karyawan filem bagi menghasilkan skrip filem yang berkualiti.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam mengenai dana dan pinjaman untuk kelompok yang tertentu. Isu dakwaan dana perfileman diberikan kepada golongan tertentu sahaja adalah tidak benar. Dalam urusan pemberian dana beberapa kriteria telah ditetapkan di antara seperti jalan cerita yang menarik, mempunyai fakta tarikan penonton, mempunyai strategi pemasaran yang berkesan. Sebagai maklumat, sehingga kini, 39 buah filem telah diluluskan dan 15 karya animasi dengan jumlah RM113.2 juta telah diluluskan.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus mengenai visi dan misi FINAS. Kita ambil maklumat daripada Yang Berhormat Senator berkenaan visi dan misi FINAS, perkara ini sedang disemak oleh pihak kementerian.

Pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb mengenai dakwaan peralatan filem diperoleh. Semua urusan perolehan adalah mengikut tatacara perolehan di FINAS. Walau bagaimanapun, kami akan mengambil berat, menghargai keprihatinan dalam perkara ini.

#### ■1730

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah bertanya mengapa jumlah filem import daripada Jordan, Iran, Mesir, Lebanon berkurangan. Pengimportan filem berdasarkan permintaan oleh penonton dan nilai komersial. Sebab utama mengapa filem-filem dari negara yang disebutkan tadi kurang mendapat sambutan penonton.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh bertanya mengenai peranan penggabungan FINAS dan JFN. Tugas dan fungsi FINAS sebagai agensi yang menggalakkan, melahirkan dan memudahkan industri perfileman Malaysia akan dilaksanakan seperti biasa. FINAS juga akan meneruskan fungsi menyediakan dana untuk menerbitkan filem tempatan bagi membantu mereka menghasilkan filem yang berkualiti tinggi.

Untuk makluman, terdapat empat dana utama bagi menerbitkan filem di FINAS iaitu Dana Filem Kenegaraan dan Warisan, Dana Filem Animasi, Dana Kesan Khas CGI dan Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia. Cadangan penggabungan ini adalah mengambil kira

senario kemajuan dan perkembangan pesat yang dialami oleh industri kreatif amnya dan industri perfileman khasnya. Matlamat penggabungan FINAS dan JFN adalah untuk mewujudkan satu perbadanan perfileman tunggal yang akan memainkan peranan utama menjana secara langsung perkembangan industri filem tempatan tanpa pembaziran dari segi kewangan dan pertindihan penyediaan prasarana oleh kerajaan...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sebab dalam perbahasan tadi saya fikir ada beberapa perkara lagi yang tidak disentuh. Pertama berkenaan dengan penglibatan artis luar dalam industri filem kita terutamanya bekerja sebenarnya dalam lapangan industri. Kedua tentang ulasan berkenaan dengan watak-watak yang berlainan agenda. Watak seperti watak mak nyah, *tomboy* dan sekarang sudah terbabit dalam watak kartun *Upin dan Ipin* pun ada satu watak yang macam itu seperti mana yang dikata oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi. Ketiga, masalah cetak rompak pun tidak ada ulasan juga. Jadi, saya mintalah juga penjelasan itu kalau boleh.

**Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan-pertanyaan yang saya tidak jawab, akan diberi secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Eloklah itu Yang Berhormat Menteri. Saya fikir Yang Berhormat Menteri rujuk balik kepada kementerian untuk bincangkan dan berilah jawapan yang sewajarnya. Tidak ada lagi Yang Berhormat Menteri? Tidak ada lagi jawapannya?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi dipersetujukan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG BINATANG (PINDAAN) 2012****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Binatang 1953.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Binatang 1953, semakan 2006 adalah suatu undang-undang yang bertujuan untuk mencegah kemasukan dan rebakkan penyakit binatang ke Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Akta ini juga bertujuan untuk mengawal aktiviti memindah, menyembelih dan mencegah kezaliman terhadap binatang serta mengambil langkah-langkah berkaitan kebajikan am dan konservasi ternakan. Akta ini berkuat kuasa di Semenanjung serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar merupakan agensi Kerajaan Persekutuan yang dipertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta 647 di seluruh Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Akta ini mula dikuatkuasakan pada 30 April 1953 dan kemudiannya disemak setakat 16 Mac 2006. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada hari ini saya akan membentangkan Rang Undang-undang Bintang (Pindaan) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini dicadangkan untuk dipinda bagi memenuhi perubahan semasa terutamanya berkaitan perkara-perkara berhubung dengan hukuman, pemantapan terhadap kuasa-kuasa penguatkuasaan, pengawalseliaan binatang dan burung yang terlibat dalam rekreasi atau aktiviti sukan serta penyelidikan atau uji kaji sains.

**■1740**

Pindaan juga dibuat bagi menyelaraskan akta ini dengan kewujudan dan penubuhan Agensi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) melalui Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Cadangan pindaan akta ini telah dibentangkan pada kerajaan negeri pada 1 Disember 2011 dan secara prinsipnya kerajaan-kerajaan negeri tiada halangan dan bersetuju dengan cadangan pindaan akta ini. Selanjutnya, dengan adanya pindaan berbangkit pada akta tersebut akan membolehkan MAQIS berfungsi dengan kemas, teratur dan selaras dengan undang-undang.

Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) 2012 bertujuan untuk meminda Akta Binatang 1953, Akta 647. Rang undang-undang ini mempunyai 59 fasal.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas dan membolehkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta.

Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan tarif baru, "*enforcement officer*", "*entry point*", "*MAQIS*", "*MAQIS Act*" dan "*quarantine station*". Fasal 3 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 5 akta untuk menaikkan penalti di bawah seksyen itu.

Fasal 4 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 6 untuk memberikan kuasa untuk mengeluarkan lesen mengimport apa-apa binatang atau burung kepada pegawai penguat kuasa selaras dengan Akta MAQIS 2011.

Fasal 5 rang undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi larangan ke atas pengimportan karkas, produk binatang atau burung dan sebagainya tanpa permit. Bagi maksud ini, satu seksyen baru 6A dimasukkan.

Fasal 6 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 7 akta untuk memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk memeriksa binatang atau burung yang diimport di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.

Fasal 7 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 8 akta untuk mengehendaki ketibaan binatang dilaporkan melalui pejabat MAQIS. Fasal ini juga bertujuan untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen itu.

Fasal 8 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 9 akta untuk memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa sama ada untuk enggan membenarkan pendaratan atau pemindahan binatang atau burung yang berpenyakit untuk memusnahkan atau menahan dalam kuarantin binatang atau burung yang berpenyakit itu atau karkas.

Fasal 9 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 10 akta untuk memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk membenarkan pendaratan mana-mana anjing atau kucing yang diimport melalui laut. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 10(2) untuk mengehendaki supaya kematian atau kehilangan anjing atau kucing dimaklumkan kepada pihak berkuasa veterinar melalui pejabat MAQIS. Pindaan kepada subseksyen 10(3) bertujuan untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen itu.

Fasal 10 rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 11(1) akta untuk memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk memusnahkan binatang atau burung yang didapati mengalami kecederaan yang tidak dapat dipulihkan dan untuk melupuskan karkas.

Fasal 11 rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1) akta untuk memperuntukkan bahawa kebenaran bertulis bagi pendaratan atau pemindahan karkas mana-mana binatang atau burung dari mana-mana pesawat udara, kereta api atau kenderaan, hendaklah diperoleh daripada pegawai penguat kuasa yang akan memberikan arahan tentang cara pelupusannya. Fasal ini juga bertujuan untuk menaikkan denda yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

Fasal 12 rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 13(1) akta untuk membolehkan pegawai penguat kuasa menyita dan menahan apa-apa binca, jerami, makanan binatang, tahi binatang, mani, barang-barang peribadi atau bahan lain atau benda yang diimport yang boleh membawa atau menyebarkan penyakit.

Fasal 13 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 14 akta untuk memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk mengeluarkan lesen mengeksport apa-apa binatang, burung atau karkas mengikut Akta MAQIS 2011.

Fasal 14 rang undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi larangan ke atas pengeksportan karkas, produk binatang atau burung dan sebagainya tanpa permit. Bagi maksud ini, satu seksyen baru 14A dimasukkan.

Fasal 15 rang undang-undang bertujuan untuk memotong seksyen 15 akta.

Fasal 16 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan burung dan bahagian atau produk lain burung atau binatang sebagaimana dikehendaki menjalani pemeriksaan sebelum pengeksportan.

Fasal 17 rang undang-undang bertujuan untuk menggantikan seksyen 17 akta dengan seksyen 17 yang baru. Fasal ini memperuntukkan bahawa pihak berkuasa veterinar boleh enggan membenarkan bahagian atau produk lain burung atau binatang yang dijangkiti dengan apa-apa penyakit untuk dieksport.

Fasal 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30 dan 31 rang undang-undang bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 18, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 30, 31, 33, 34 dan 35 akta untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen-seksyen itu.

Fasal 32 rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 36(4) dan (5) akta bagi mengadakan pengurusan yang lebih baik binatang dan burung yang disita, dengan mengurusnya mengikut seksyen 68 akta. Fasal ini juga bertujuan untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen itu.

Fasal 33, 34, 35, 36 dan 37 rang undang-undang bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 38, 39, 40, 41 dan 42 akta untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen-seksyen itu.

Fasal 38 rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 44(1) akta untuk menaikkan penalti yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen itu. Dengan pindaan ini, denda maksimum dinaikkan kepada RM50,000 dan tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan kepada satu tahun.

Fasal 39 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 45 akta untuk mengadakan pentadbiran yang lebih baik binatang yang disita oleh pihak berkuasa, dengan mengurusnya di bawah seksyen 68 akta.

Fasal 40, 41, 42, 43, 44, 45 dan 46 rang undang-undang bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 47, 50A, 51, 55, 58, 60 dan 61 akta untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen-seksyen itu.

Fasal 47 rang undang-undang bertujuan untuk meminda akta dengan menggantikan Bahagian VII dengan Bahagian VII yang baru. Bahagian ini mengandungi peruntukan tentang

kuasa berhubung dengan penguatkuasaan. Seksyen baru yang dimasukkan ialah seksyen 67, 67A, 68, 68A, 68B, 69, 69A, 69B, 69C, 69D dan 69E.

Fasal 48, 49 dan 50 rang undang-undang bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 70, 71 dan 72 akta untuk menaikkan penalti yang di bawah seksyen-seksyen itu.

Fasal 51 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73A yang memperkatakan kesalahan yang dibuat oleh pertubuhan perbadanan dan ejen serta pekhidmatnya. Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73B untuk memperuntukkan bagi pengkompaunan kesalahan. Fasal 51 juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 73C untuk memberikan Mahkamah Majistret bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah akta.

Fasal 52 rang undang-undang bertujuan untuk menggantikan seksyen 74 akta dengan suatu seksyen yang baru untuk mengadakan peruntukan yang komprehensif berkenaan pelucuthakan binatang atau burung atau karkas dan sebagainya atau apa-apa produk-produk binatang atau burung dan sebagainya.

Fasal 53 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 74A untuk menguruskan karkas dan sebagainya atau apa-apa produk binatang atau burung dan sebagainya yang berkenaan dengannya tiada pendakwaan dibuat.

Fasal 54 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 76 akta tentang perjalanan pendakwaan di bawah akta.

Fasal 55 rang undang-undang bertujuan untuk menggantikan seksyen 79 akta dengan suatu peruntukan yang baru untuk mengehendaki mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi mana-mana binatang atau burung supaya membubuh tanda atau pengenalpastian lain pada binatang dan burung itu. Kegagalan mematuhi kehendak itu merupakan satu kesalahan.

Fasal 56 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 84 akta untuk menaikkan penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen itu. Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 84(1A) untuk mengehendaki seseorang yang telah menerima kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar supaya memohon permit mengimport mengikut Akta MAQIS 2011. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 84(2) akta untuk memperuntukkan bahawa pelanggaran seksyen 84 hendaklah diuruskan mengikut Akta MAQIS 2011.

Fasal 57 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 85 akta, dengan memasukkan perkataan, "*an enforcement officer*", selepas perkataan, "*under instruction of a veterinary authority.*"

Fasal 58 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 86 akta tentang kuasa Menteri untuk memberi dan membuat kaedah-kaedah dengan menambahkan perkara baru dalam perenggan (2)(ka) yang akan meluaskan kuasa Menteri untuk mengawal selia pelesenan, pengawalan, penyeliaan dan pemeriksaan tempat di mana binatang atau burung disimpan atau

mungkin disimpan dalam kurungan untuk dijual, dieksport atau dipamerkan, rekreasi atau sukan, penyelidikan atau eksperimen sains.

■1750

Fasal ini juga dipinda bertujuan untuk memotong perenggan 86(2)(c) dan (e) akta tentang kuasa Menteri untuk membuat kaedah-kaedah tentang perkara yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan itu. Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan penalti yang lebih tinggi bagi pelanggaran mana-mana kaedah yang dibuat oleh Menteri dalam subseksyen baru 86(3) yang dicadangkan.

Fasal 59 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Binatang 1953, semakan 2006 akan memantapkan kuasa-kuasa dan penguatkuasaan meningkatkan hukum penalti bagi kesalahan di bawah akta ini. Di samping mengawal selia binatang burung yang terlibat dalam rekreasi atau aktiviti sukan serta penyelidikan atau uji kaji sains bagi mencegah kezaliman terhadap binatang. Pindaan kepada akta ini juga bersesuaian dengan kewujudan dan penubuhan MAQIS sebagai Agensi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia dan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dalam usaha mengukuhkan akta ini dan sejajar dengan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Binatang 1953, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk berbahas.

Tanpa melengahkan masa saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya akan bagi masa 10 minit Yang Berhormat.

**5.52 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Barangkali perbahasan saya pun pendek. Mungkin tak sampai pun 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tak sampai itu, baguslah. Silakan.

**Dr. Syed Husin Ali:** *[Ketawa]* Saya akan menumpukan terutama sekali kepada empat perkara. Perkara pertama ialah berhubung dengan tajuk. Saya merasa kurang selesa dengan tajuk ini sebab kalau misalnya ada tajuk seperti Akta Manusia misalnya, saya tak faham apa benda. Akta Binatang misalnya tak faham juga. Jadi ada baiknya jikalau dipinda tajuk ini kepada misalnya

Akta Kawalan dan Kebajikan Binatang. Itu lebih jelas sebab itulah tujuan akta ini. So, kalau sebut Akta Binatang sahaja, tujuan itu tidak begitu jelas.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya sampuk sedikit tak? Bukan, sekejap sahaja, *supporting*. Bukankah perkataan binatang itu sendiri pun agak tak selesalah tuan. Saya nak mencadangkan tadi, satu itu sahaja. Adakah kalau betul hendak dipinda, boleh tak kita tukar binatang itu kepada haiwan. Binatang itu dalam Bahasa Melayu boleh orang anggap sebagai satu penghinaan. Kasar sangat. Saya setuju dengan Yang Berhormat Dr. Syed secara terbuka, setuju. Kalau nak dipinda juga, saya cadangkan perkataan binatang itu dipinda menjadi haiwan dan ditambah dengan apa yang Yang Berhormat Dr. Syed sebut. Terima kasih tuan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan, teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebaik-baiknya kalau dikatakan sebagai Akta Haiwan untuk melindungi dan menentukan kebajikan haiwan itu. Perkara yang kedua ialah akta ini tidak membezakan di antara haiwan domestik dengan haiwan liar. Haiwan liar ini nampaknya kebanyakannya adalah diperniagakan sama ada secara eksport atau import terutama sekali untuk tujuan makanan esoterik ataupun pemeliharaan esoterik, dengan izin. Sungguhpun pada ketika ini terdapat persefahaman di antara agensi-agensi seperti Jabatan Haiwan, PERHILITAN dan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dicadangkan supaya perbezaan-perbezaan ini di maktubkan secara jelas memandangkan akta ini membolehkan arahan diberikan untuk memusnahkan haiwan yang dibawa masuk secara tidak sah ataupun tidak mempunyai permit.

Jadi maksud saya adalah kita perlu menyelaraskan dan menjelaskan dengan lebih baik lagi tentang kerjasama agensi-agensi terutama peranan MAQIS tadi. Pengurusan secara untuk melakukan yang harus dilakukan ialah bagi haiwan bukan domestik ditentukan status ancamannya. Ancaman terhadap binatang-binatang yang dibawa masuk atau dibawa keluar yang merupakan yang terancam ataupun *protected species* hendaklah kita susun mengikut *red list of threaten species*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah berdasarkan terutama sekali kepada senarai merah mengikut ancaman yang dihadapi oleh binatang-binatang itu iaitu senarai merah yang berdasarkan IUCN. IUCN ini ialah *International Unions for Conservation of Nature and Natural Resources*. Jadi kalau dapat disenaraikan bagaimana kedudukan mereka binatang-binatang itu di dasar *list* ini, maka lebih mudah lagi kita lakukan pengurusan terhadap binatang-binatang tersebut ataupun haiwan-haiwan tersebut.

Perkara ketiga Tuan Yang di-Pertua, banyak pindaan dan banyak fasal dibuat ke atas akta ini ialah berhubungan dengan hukuman atau denda. Kita lihat bahawa denda dinaikkan dengan besar sekali. Umpamanya di antara RM50 hingga RM100 membawa perubahan menjadi RM5,000 kepada RM10,000. Ini satu perkara yang baik. Makin denda tinggi barangkali makin orang kurang mahu melakukan kerja-kerja perdagangan ini. Akan tetapi saya percaya Tuan Yang di-Pertua,

kerja perdagangan binatang-binatang terutamanya sekali binatang yang esoterik ini, memberikan keuntungan ini yang sangat besar.

Oleh kerana itu, walaupun dinaikkan berkali ganda dendanya, mungkin mereka tidak berasa berat sama sekali oleh kerana untang yang besar tadi. Jadi bagi saya yang lebih penting ialah perlu ada misalnya mekanisme untuk menimbulkan kesedaran di kalangan orang yang berniaga ini. Kalau bolehlah kan bahawa mereka harus sayang kepada binatang, mereka harus melindungi binatang sebagaimana yang sewajarnya. Satu cara yang boleh dilakukan berhubung dengan ini ialah selain daripada denda yang tinggi itu, kita mesti ada proses pendidikan untuk menimbulkan kesedaran ini. Proses pendidikan ini boleh dilakukan bila misalnya kita adakan denda supaya mereka menjalankan kerja amal iaitu *public services* di tempat-tempat yang merupakan tempat perlindungan haiwan. Di *animal shelter*. Kalau mereka diletakkan di tempat-tempat itu lama sedikit, kita harap akan timbulkan kesedaran yang boleh mengatasi segala masalah yang dihadapi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat ialah berhubung dengan seksyen 44. Seksyen 44 ini membolehkan Ketua Menteri atau Menteri Besar untuk meluluskan laga lembu. Saya rasa dalam abad yang ke-21 ini, laga lembu ini tidak harus dibenarkan kerana macam mana pun ia akan menimbulkan sifat-sifat kezaliman ke atas binatang-binatang yang memperlagakan itu. Walaupun saya bahawa lihat dalam fasal ini ada disebutkan beberapa syarat sebelum diadakan berlaga lembu itu. Misalnya disebutkan bahawa mesti ada *specified permit*, dengan izin, mesti ada *special occasion of public interest* dan *if satisfied the structuring is beneficial to the breed end*. Saya tak tahu di mana ada kajian misalnya menunjukkan bahawa dengan laga lembu itu boleh dipertingkatkan perkara yang *beneficial to the breed*.

Walaupun ada misalnya disebutkan juga bahawa tidak ada *cruelty* atau kezaliman timbul dalam perlagaan itu. Walaupun ada syarat-syarat itu, saya mengharapkan supaya dipertimbangkan halus-halus perkara ini agar segala jenis berlaga haiwan ini yang boleh mengakibatkan kezaliman...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat ya.

■1800

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya setuju – petang ini entah macam mana saya banyak bersetuju dengan Tuan Syed ini mengenai laga lembu itu. Kalau... [Disampuk][Ketawa] Parti Rakyat dulu pernah menjadi – dia punya lambang pun kepada lembu juga, parti rakyat yang lama, saya ingat itu.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Itu salah, itu tidak betul, itu lambangnya lain. Bukan, bukan, salah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Apa itu?

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Seladang, seladang

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Adik-beradik lembu juga... [Ketawa] Sebab begini mengenai- saya kira-kira tiga bulan yang lalu melawat satu muzium tentang Minangkabau di Jakarta. Di Minangkabau itu ada satu amalan budaya, amalan kesenian berpacu lembu dalam istilah- dalam bahasa Minang disebut "*pacu jawi*", sangat tertarik sehingga dapat menarik 136 orang *photographers* daripada seluruh dunia untuk melihat acara pacu jawi itu iaitu perlumbaan lembu itu. Jadi kalau sekiranya laga lembu ini ditukar dengan perlumbaan lari lembu, saya cadangkanlah untuk menyahut rasa kemanusiaan Tuan Syed. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung ya Yang Berhormat?

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan itu adalah cadangan yang baik dan harus dikemukakan pada pihak kementerian yang berkenaan.

Akhir sekali saya hendak sebutkan tadi bukan sahaja laga lembu menimbulkan kezaliman bahkan ia mengakibatkan masalah-masalah sosial, kerana laga lembu atau laga ayam misalnya biasanya diikuti dengan berjudi. Jadi bukan sahaja kurang baik dari segi layanan kita kepada haiwan itu tetapi ia juga tidak baik dari segi kesan sosialnya kepada masyarakat. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, beralih kepada Yang Berhormat Ahamat Yusop. Silakan.

## 6.02 ptg.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa 10 minit Yang Berhormat ya?

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Ya. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk saya bangun dan turut sama berbahas Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) 2012. Saya akan menyentuh dua atau tiga perkara sahaja. Pertama ialah tentang fasal 6 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 7 iaitu untuk memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa memeriksa binatang atau burung yang diimport di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin.

Dari fasal 6 di atas, saya ingin menyentuh isu kekurangan pegawai MAQIS. Ini kerana hasrat MAQIS untuk meningkatkan pemantauan di laluan penumpang memerlukan kerjasama Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dalam usaha memberikan sebarang maklumat jika mereka mengesyaki berlakunya penyeludupan. Ini kerana MAQIS kekurangan pegawai untuk ditempatkan semula laluan beroperasi secara lebih berkesan.

Perkara 10 berkaitan memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai kuasa untuk memusnahkan bintang atau burung yang didapati mengalami kecederaan yang tidak boleh dipulihkan dan untuk melupuskan karkas-karkas. Saya menyokong langkah ini supaya binatang

yang berpenyakit tidak memudaratkan serta merebak wabaknya seluruh negara. Soalnya, mohon kaedah memusnahkan dan tindakan ke atas karkas tersebut?

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan di sini ialah isu MAQIS itu sendiri ya? MAQIS ini ialah ringkasan daripada *Malaysian Quarantine and Inspection Services*, Bahasa Melayu nya Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia. Saya melihat pewujudan MAQIS sekali gus akan dapat menyumbang kepada penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan kepada pelanggan dan seterusnya mempermudah urusan yang berkaitan dengan mengimport dan mengeksport produk pertanian dan makanan.

Sedikit sejarah MAQIS, pada tahun 2008 MAQIS beroperasi secara pentadbiran sebagai badan tunggal bagi menjalankan aktiviti kuarantin dan pemeriksaan di pintu masuk dan stesen kuarantin di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, di mana ia melibatkan 53 pusat pemeriksaan di pintu masuk negara dan tujuh stesen kuarantin. Soalan saya, berapakah pusat pemeriksaan dan stesen kuarantin binatang yang telah ditambah sejak 2008 sehingga sekarang?

Seterusnya, soalan saya ialah bagaimana bentuk kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dari segi bantuan pegawai dalam hal mengimport makanan seperti yang termaktub di bawah Akta Makanan 1983 bagi menjalankan pemeriksaan makanan di pintu-pintu masuk negara sekali gus membantu pegawai dari agensi sub sektor Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini? Contohnya isu radiasi makanan dalam tin yang diimport dari Jepun yang perlu mempunyai kelulusan bebas dari radioaktif sebelum dibenarkan masuk untuk dipasarkan di negara kita.

Adakah MAQIS hanya bertindak sebagai jabatan pelaksana dan penguatkuasaan ataupun di bawah rang undang-undang ini, anggota MAQIS bakal diberikan peranan yang lebih besar seperti pemeriksaan dokumen dan *physical consignment*, pemeriksaan bagasi, pengeluaran permit dan lesen, pensampelan, mengkuarantin penyeliaan rawatan kuarantin di pintu masuk dan pendakwaan?

Ketiga, isu menyalah guna haiwan eksotik dengan menjualnya melalui *internet*. Izinkan saya mengutarakan beberapa contoh kes yang berjaya dibanteras yang berkaitan isu penjualan haiwan eksotik melalui *internet* baru-baru ini. Antara binatang eksotik yang menjadi tumpuan untuk diseludupkan ialah burung kelicap kunyit, burung murai batu, dan *green iguana*. *Green iguana* ini apa ya? Biawak hijau. Ini juga termasuk biawak, ular senduk, ular *black python* dan ular *Burmese*. Tidak ada sebut ular siam di sini ya?

Ini adalah contoh kes bagaimana mudahnya menjalankan transaksi melalui *internet*, entah berapa bayak lagi transaksi haram yang berjaya membolosi penguatkuasaan kita dan banyak mana haiwan yang menjadi mangsa aktiviti perdagangan haram melalui *internet* ini. Soalan saya ialah berapakah statistik Jabatan PERHILITAN dengan dibantu oleh agensi-agensi lain yang

berkaitan berjaya melakukan rampasan dan nilai rampasan? Bagaimanakah mekanisme yang diguna pakai bagi menyekat aktiviti haram ini dari terus berleluasa?

Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Khairiah Mohamed. Silakan Yang Berhormat.

#### 6.08 ptg.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya punya persoalan yang sedikit sahaja dan kemungkinan tidak berkait secara langsung tetapi masih lagi berkait dengan binatang iaitu berkenaan dengan rumah-rumah penyembelihan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh habiskan dalam masa 10 minit Yang Berhormat?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya sekejap, dua minit sahaja. Jadi berkenaan dengan rumah-rumah penyembelihan, buat masa sekarang daripada sudut peruntukan perundangan dan juga pihak-pihak berwajib yang mengawal selia, bertanggungjawab mendaftar dan memantau aktiviti rumah-rumah penyembelihan. Adakah peruntukan khusus dan siapakah pihak-pihak berwajib yang terlibat untuk memantau perkara ini terutamanya penyembelihan binatang-binatang yang melibatkan lembu, kerbau empat kaki dan juga binatang ayam itik? Jadi adakah perundangan yang telah ada pada hari ini telah meliputi perkara-perkara ini bagi memastikan terutamanya haiwan-haiwan disembelih adalah mengikut piawaian penyembelihan yang halal bagi orang Islam?

#### ■1810

Seterusnya bagaimana pula dengan haiwan-haiwan yang disembelih di luar negara. Bagaimana piawaian dan kaedah pengawalan agar penyembelihan ini mengikut piawaian yang sesuai. Itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Roslin.

#### 6.10 ptg.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya mengucapkan terima kasih juga kerana memberi ruang untuk membahaskan rang undang-undang ini yang mana mengikut seksyen 44 bertujuan adalah untuk mengawal aktiviti pemindahan, penyembelihan, pencegahan dan kezaliman terhadap binatang.

Saya fokus perbahasan saya pada kali ini hanya kepada tindakan lembu, kerbau dan kambing sahaja di mana ia adalah merupakan sumber makanan pada negara kita. Merujuk seksyen 6 iaitu Kawalan Perbatasan, undang-undang antarabangsa telah menetapkan supaya setiap haiwan yang diimport perlu melalui beberapa proses yang ketat, di antaranya perlu di kuarantin. Dahulunya proses ini ditangani oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, namun dengan

adanya akta baru iaitu Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011, maka satu jabatan baru ditubuhkan untuk tujuan ini.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) yang bernaung di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah ditugaskan untuk mengawal selia kemasukan ternakan di 53 kuarantin di seluruh negara. Tujuannya adalah untuk mengawal dan mencegah merebaknya penyakit yang berbahaya kepada haiwan lain atau paling utama kepada manusia.

Penambahbaikan undang-undang adalah satu langkah proaktif kerajaan untuk menambah baik Rang Undang-undang Binatang ini memandangkan beban dan cabaran dihadapinya oleh agensi yang berkaitan semakin hebat. Bukan sekadar bidang kuasa ditambah, malah hukuman dan penalti juga dipertingkatkan untuk membendung penyeludupan dan juga ketidakpatuhan undang-undang segelintir masyarakat kita yang ingin membuat keuntungan mudah tetapi memudaratkan orang lain. Menaiktarafkan dan percantuman unit-unit agensi penguat kuasa kepada Jabatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia ini merupakan satu langkah yang amat dialu-alukan.

Namun begitu kita menghadapi beberapa cabaran. Cabaran yang pertama iaitu isu penyeludupan ternakan. Faktor permintaan yang tinggi dan kerenah birokrasi menyebabkan penyeludupan terus berlaku. Garis sempadan negara yang panjang menyebabkan sentiasa ada ruang dan peluang bagi penyeludup menjalankan aktivitinya siang ataupun malam. Mereka begitu agresif sehingga kadang-kadang melampaui batas.

Cabaran kedua adalah enakmen-enakmen lama yang masih diguna pakai di setengah negeri. Cabaran ini juga perlu dilihat kerana setiap negeri mempunyai undang-undang kecilnya sendiri. Umpamanya ada di antara negeri yang mewajibkan ternakan di kuarantin terlebih dahulu sebelum ia dibenarkan masuk ke negeri lain.

Jika tadi kita menyentuh pergerakan ternakan *inter* negara kini juga berharap dengan undang-undang *inter* negeri. Maksudnya kuarantin tidak seharusnya dilihat dari pintu sempadan keluar masuk negara sahaja. Hakikatnya wujud praktis kuarantin di antara negeri. Peningkatan kos pengurusan negeri ini juga akan meningkat lagi kos barang akhir dijual iaitu daging. Di kesempatan ini mohon pihak kementerian mengkaji semula beberapa enakmen di peringkat negeri bagi disesuaikan dengan keperluan semasa contohnya mengenai Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau Selangor 1971.

Ketiga cabarannya adalah mekanisme kuarantin di negara pengekspor yang boleh dipertikaikan. Sebelum ternakan dibawa masuk, haiwan tersebut terlebih dahulu di kuarantin selama 21 hari di negara asal. Di sini haiwan itu akan dilihat tahap kesihatannya dan diberi suntikan *trivalent* untuk membolehkan simptom penyakit akan keluar. Apabila selesai 21 hari, haiwan ternakan itu akan diberi sijil kesihatan dan dibenarkan untuk diekspor ke Malaysia.

Namun apabila tiba, di kuarantin di Malaysia selalu terdapat kes penyakit timbul, kes kuku, mulut dan sebagainya. Kerap terjadi yang mana akhirnya haiwan itu sakit dan terpaksa dimusnahkan. Ini menimbulkan kesangsian terhadap sistem penilaian kesihatan di negara pengeksporth. Kes ini kerap berlaku dan sering berlaku. Pihak kementerian diminta untuk lebih ketat dalam memperakui kuarantin negara, pengeksporth dan lebih kerap menjalani lawatan. Dilaporkan bahawa setiap tahun hanya satu kali sahaja kerja audit dilaksanakan.

Cabaran keempat iaitu merujuk kepada seksyen 3, kesediaan MAQIS baru-baru ini menangani masalah import dan penguatkuasaan sebagai satu jabatan yang baru ditubuhkan dengan kakitangannya hanya 500 orang adalah agak mustahil untuk menangani pelbagai beban tugas yang dihadapi sama ada pengawalan pintu keluar masuk negara, menjaga kuarantin, penguatkuasaan, pendakwaan dan lain-lain.

Juga cabaran kelima iaitu peranan dan tugas bertindih dan kebergantungan antara MAQIS dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, merujuk seksyen 85. Masih lagi terdapat pertindihan tugas jika dilihat tugas penguatkuasaan di antara kedua-dua agensi itu. Satu pihak masih bergantung kepada pihak yang lain. Contohnya bagi menguji sampel darah ternakan, MAQIS masih memerlukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk melakukannya. Begitu juga bagi penguatkuasaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar memerlukan pihak MAQIS untuk melaksanakannya. Begitu juga di peringkat negeri. Namun di peringkat negeri, MAQIS hanya diketuai oleh seorang pegawai dikenali sebagai ketua MAQIS negeri. Maka dengan itu, saya ingin mencadangkan sepuluh perkara. Pertama adalah lebih mempertingkatkan lagi pengeluaran hasil daging dari dalam negara ini boleh dipertingkatkan dengan mempertingkatkan pengimportan lembu untuk tujuan pembiakan secara besar-besaran.

Kedua mempertingkatkan usaha memberi vaksin yang cukup kepada ternakan tempatan. Penghasilan vaksin dan ubat-ubatan tempatan patut dipertingkatkan supaya ianya kos efektif dan mengurangkan pengimportan dari luar negara.

Ketiga, menambah waktu kuarantin yang mana pada masa ini hanya 30 hari kepada 50 hari bagi membolehkan yang benar-benar sihat sahaja dibenarkan diimport.

Keempat, kerajaan perlu mengadakan satu tindakan drastik iaitu digelar *reverse investment*. Ianya bermakna kerajaan melabur, mendirikan pusat pembiakan lembu, *feedlot* dan rumah sembelihan di negara pengeksporth seperti di Thailand dan Australia. Ianya dapat menjimatkan banyak kos penyelenggaraan, kos pengangkutan dan akhirnya rakyat mendapat daging dengan harga yang lebih murah, halal, bersih dan dijamin oleh kerajaan.

Kelima, peningkatan kerjaya di MAQIS di mana jawatan-jawatan baru perlu ditambah selaras sebagai sebuah agensi yang disegani. Pengarah-pengarah negeri perlu dilantik, pegawai-pegawai yang bertaraf sementara sekarang haruslah diberi jawatan tetap.

Keenam, memantapkan seksyen daya kesan. Bersesuaian dengan seksyen 67, pengenalan sistem pengenalan tag nombor ternakan perlu dilaksanakan segera. Nombor siri tag

bercip malah RFID perlu dipraktikkan bagi membolehkan ternakan dikawal dan dipantau oleh pihak penguat kuasa.

Ketujuh, peningkatan dan penggunaan CCTV di laluan penyeludupan dan juga penggunaan Sistem Pengesanan Imbasan (MRI) dan lain-lain teknologi yang difikirkan sesuai untuk menangani masalah penyeludupan daging bersesuaian dengan seksyen baru, 6A seksyen ini.

Kelapan, penubuhan satu forum untuk membincangkan kaedah pengawalan penyakit dan kebajikan haiwan ternakan. Kesembilan, menggalakkan pihak swasta untuk tampil dengan inovasi dan idea untuk mempertingkatkan lagi industri daging di Malaysia.

Akhirnya sekali yang kesepuluh, pernah kah kita terfikir sama ada daging yang kita makan ini selamat, halal untuk dimakan. Maka dipohon pihak kementerian untuk melaksanakan satu pelan tindakan iaitu *food security, food safety* negara dan juga akreditasi makanan halal Malaysia kerana perlunya perkara ini dimasukkan ke dalam akta ini jika boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya dan terakhir saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Silakan Yang Berhormat. Sepuluh minit Yang Berhormat ya?

**6.19 ptg.**

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mungkin tidak sampainya, hendak cepat. Lagipun malam ini kata kawan-kawan saya hari Khamis malam Jumaat, jangan lambat-lambat balik, dia kata... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baguslah itu Yang Berhormat. Teruskan.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya membahaskan rang undang-undang ini.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, Akta Binatang 1953 dipinda selaras dengan perubahan semasa terutama yang berkaitan perkara-perkara berhubung dengan hukuman, pemantapan terhadap kuasa-kuasa penguatkuasaan, pengawalseliaan binatang dan burung yang terlibat dalam rekreasi atau aktiviti sukan serta penyelidikan atau uji kaji sains. Pindaan juga dibuat bagi menyelaraskan akta ini dengan kewujudan dan penubuhan Agensi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), melalui Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada seksyen 11, seksyen 18 hingga 46 yang melibatkan denda. Peningkatan jumlah hingga RM25,000, jumlah penalti yang masih rendah tidak akan memberi kesan kepada masyarakat dari aspek pengajarannya. Jadi, langkah kerajaan menaikkan penalti ini dan menguatkuasakannya secara tegas mampu mewujudkan masyarakat

yang lebih bertanggungjawab dan harmoni. Kita harap di sini penguatkuasaan mestilah dilaksanakan dengan sewajarnya dengan telus dan berkesan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkenaan sama ada prasarana mencukupi bagi melaksanakan dalam akta ini. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai agensi Kerajaan Persekutuan yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta 647. Kita lihat peranan *veterinary* pada masa kini makin penting terutama dengan kewujudan MAQIS industri ternakan yang semakin berkembang, import, eksport binatang yang semakin penting dan juga persekitaran masyarakat pada masa ini yang suka memelihara binatang peliharaan.

Soalan saya, berapakah jumlah *veterinary* dalam negara kita? Adakah jumlahnya mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa? Jadi, apakah langkah yang diambil kerajaan bagi memastikan negara kita mempunyai kemahiran yang mencukupi dalam bidang *veterinary* ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 55 tahun merdeka rasanya kini tiba masanya untuk kita mengadakan undang-undang dalam bentuk bahasa Malaysia selaras dengan roh dan semangat perlembagaan kita dalam memartabatkan bahasa Melayu. Akta Binatang yang juga dikuatkuasakan 1953 memuatkan dasar dan polisi kerajaan sejak sebelum merdeka. Kita sekarang sudah berada jauh di zaman maju dan teknologi tinggi. Meskipun undang-undang asas masih relevan dan telah dikemaskinikan pada 2006 dan dipinda pada hari ini, namun banyak dasar dan polisi baru telah dilaksanakan.

Justeru wajar sekali akta ini diganti dengan akta baru yang lebih komprehensif dan mampu meningkatkan daya saing negara di peringkat dunia dan selaras dengan matlamat kita menuju negara maju 2020. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah langkah kerajaan dalam memberi pendidikan kepada masyarakat tentang kewujudan undang-undang dan tanggungjawab masyarakat terhadap binatang-binatang serta makhluk lain terutamanya kepada remaja dan kanak-kanak agar tidak timbul lagi isu mendera binatang, memotong kaki binatang dan sebagainya.

Langkah Kementerian menggalakkan pemilik haiwan kesayangan di negara ini mengambil pasport bagi haiwan peliharaan masing-masing mungkin diwajibkan pada masa akan datang sangat dialu-alukan. Langkah itu antara lain bertujuan untuk memudahkan pengumpulan data lengkap tentang seekor haiwan termasuk mengenai penyakit di samping memudahkan usaha mengesannya jika dilaporkan hilang. Malah, kalau di lihat di negara-negara luar terdapat pemilik haiwan mewasiatkan harta-hartanya kepada haiwan kesayangan mereka. Soalan saya, sejauh manakah ianya telah dilaksanakan dan disambut ramai dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Hari ini mungkin hari terakhir kita bersidang untuk penggal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memang Yang Berhormat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Selepas ini, kita menghadapi PRU-13. Balik kita kena kerja kuat-kuat. Jangan tidur siang dan malam. Kerja kuat-kuat dan dalam pilihan raya yang akan

datang ini pastinya rakan-rakan kita yang ada dekat dalam Dewan ini akan menjadi calon Barisan Nasional atau pun yang pembangkang pun mungkin akan dicalonkan. Tahniah diucapkan kepada rakan-rakan walaupun namanya belum tentu lagi. Mungkin masing-masing itu sudah perasan namanya dipilih. Tahniah lah.

Tuan Yang di-Pertua, ini firasat kami. Kami pasti Barisan Nasional akan menang cemerlang... [*Tepuk*] Lebih 2/3 dan pihak pembangkang pasti dapat berita yang gembira. Selepas kita menang 2/3 pastinya elau kita akan dinaikkan... [*Tepuk*] Rasanya Tuan Yang di-Pertua, pastinya dengan kemenangan Barisan Nasional lebih daripada 2/3, rakyat akan menikmati kesejahteraan, kemakmuran dan juga keamanan negara. Aamiin, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali.

*Batang selasih batang keladi,  
Penggah hadapan jumpa lagi dengan muka berseri-seri.*

*Tanjung bunga, tanjung tokong,  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Nampaknya kita ada seorang lagi. Mungkin terlepas pandang tadi. Saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat. Kalau boleh ringkaskan Yang Berhormat ya. Terima kasih.

#### 6.26 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) 2012 dan membawa isu kerjasama dengan negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan negara-negara ASEAN telah mengambil inisiatif bagi mempertimbangkan, mempertingkatkan jaringan kerjasama untuk membanteras penyeludupan hidupan liar dengan menubuhkan dengan izin, *Wildlife Enforcement Network* iaitu ASEAN-WEN. Pendirian kita ialah Kerajaan Malaysia menyokong penuh usaha ini dan melalui Jabatan PERHILITAN telah menganggotainya bagi mempertingkatkan aktiviti pertukaran maklumat, risikan dan peningkatan keupayaan kapasiti *enhancement*, dengan izin, dalam penyiasatan, penangkapan dan pendakwaan di peringkat ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pohon akan *progress* yang telah dicapai oleh ASEAN-WEN ini dan setakat manakah ianya berjaya mencapai matlamatnya. Berapakah hasil tangkapan dan penahanan yang telah dibuat dan apakah Malaysia bercadang untuk memperkenalkannya di kalangan peringkat tertinggi seperti peringkat *United Nations* dan antara negara Komanwel bagi memperluaskan bentuk kerjasama ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kementerian menangkis akan cubaan memburuk-burukkan Malaysia di mana terdapat laporan sebuah akhbar pada 11 Mei 2009 yang melaporkan bahawa Malaysia dikenal pasti sebagai satu daripada sepuluh hab antarabangsa penyeludupan dan transit hidupan liar selain menjadi pusat pemburuan haram haiwan yang dilindungi dengan kedudukannya yang strategik. Kita sedar berita ini cuba memburuk-burukkan Malaysia. Akan tetapi kita perlu ada suatu mekanisme terbaik bagi menangkis tohmahan serta fitnah seperti ini yang boleh menjejaskan kemasukan pelabur asing dan meruntuhkan ekonomi kita.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh aktiviti pemburu haram. Mereka ini golongan yang tidak bertanggungjawab memburu secara haram dan mengaut keuntungan dari penjualan haiwan yang dilindungi tanpa memikirkan kesan kepupusan yang bakal berlaku. Saya pohon kementerian dan bantuan agensi penguatkuasaan membanteras aktiviti ini secara besar-besaran dan undang-undang perlu digubal supaya pemburu haram ini dikenakan tindakan berat sewajarnya. Di sini Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Maka, selesailah perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 6.29 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada enam Yang Berhormat Senator yang turut terlibat untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Binatang 2012.

Dari isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dari segi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor saya mula dari belakang senang sedikit.

#### ■1830

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Isu kerjasama antara ASEAN dari segi pihak kementerian kita akan tentu tingkatkan bersama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kerana di bawah hidupan liar terlindung terutamanya ada masih di bawah bidang kuasa mereka. Akan tetapi dengan penubuhan MAQIS maka kita adalah sebagai satu *one-stop centre*. Di mana dari segi kepakaran masih memerlukan kerjasama daripada jabatan dan kementerian-kementerian yang terlibat berkenaan. Sebagai contoh Jabatan PERHILITAN, Kementerian Kesihatan, Jabatan Veterinar dan juga termasuk Kastam dan pihak polis. Maka MAQIS itu adalah salah satu *gatekeeper* tetapi kita masih memerlukan kepakaran.

Maka apabila salah satu isu yang dibangkitkan adalah kekurangan daripada staf MAQIS itu adalah staf MAQIS yang tidak libat lagi Kementerian Kesihatan atau Kastam dan polis yang

memberi bantuan dan pertolongan supaya dari segi pintu-pintu masuk ini dapat mengawal dari segi binatang dan penyakit dan sebagainya. Maka dari segi isu kerjasama dengan ASEAN akan dipertingkatkan dan kita akan membawa isu ini juga kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Dari segi isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Hajah Noriah mengenai penguatkuasaan yang akan ditingkatkan dan sama ada binatang peliharaan dan sebagainya mendapat sambutan yang baik. Sebenarnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah pindaan ini merupakan langkah pertama untuk kita meningkatkan, menjaga kebajikan binatang-binatang terutamanya binatang domestik atau *pets*lah yang kian menjadi isu yang hangat didebatkan dan dikeluarkan memandangkan terdapat banyak kes penderaan yang berlaku. Salah satu sebab penderaan juga berlaku selain daripada berkurangan kesedaran adalah pendapat bahawa dari segi denda adalah amat berkurangan. Kalau kita lihat dari segi denda yang diperuntukkan sebelum pindaan ini adalah jauh kurang di anggaran RM100 hingga RM200 sahaja.

Oleh itu ia tidak membawa impak yang besar maka dari segi pindaan Akta Binatang ini selepas pindaan ini diluluskan oleh Yang Berhormat Senator. Kita akan mempunyai satu akta lagi dipanggil Akta Kebajikan Haiwan yang mana khususnya untuk melihat dari segi kebajikan-kebajikan haiwan bukan sahaja dari segi domestik haiwan tetapi juga ternakan dari segi hidupan-hidupan yang di zoo dan sebagainya. Maka ini adalah langkah pertama yang mempunyai susulan di bawah satu akta lagi kebajikan haiwan yang juga telah dipaparkan di *internet* dengan izin, untuk mendapat pendapat daripada NGO dan juga daripada orang awam.

Sehingga sekarang kita juga mendapat maklum balas yang positif. Harap-harap tahun depan kita dapatlah dengan kelulusan pihak Kabinet dan juga kementerian-kementerian lain bentangkan satu lagi akta untuk memastikan dari segi kebajikan haiwan dapat ditingkatkan lagi dan dengan adanya lebih banyak peruntukan dan penguatkuasaan. Isu yang mengatakan bahawa...

**Dato' Lim Nget Yoon:** [*Bangun*]

**Datuk Chua Tee Yong:** Boleh.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tentang haiwan peliharaan, jadi yang itu wujudkan industri yang baru misalnya salon untuk haiwan tersebut, butik untuk haiwan tersebut termasuk rumah tumpangan untuk haiwan termasuk. Jadi yang industri ini memang industri yang baru dan patutlah kita memberikan perhatian dan patutlah dapat sokongan, bantuan oleh kerajaan untuk membangunkan industri tersebut. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih cadangan daripada Yang Berhormat Senator ini akan dibincangkan di pihak kementerian. Akan tetapi dari segi *business* baru yang telah dicadangkan dan muncul pada masa ini dari segi pihak kementerian memang tidak ada undang-undang khusus untuk mereka kerana ia masih di bawah pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi dari segi Akta Kebajikan Haiwan yang mungkin harap-harap dapat dibentangkan, isu-isu ini dapat

harap diselesaikan. Memandangkan juga dari isu-isu kebajikan haiwan peliharaan kian menjadi isu terutamanya kepada premis-premis salon, hotel dan sebagainya.

Dari segi menggunakan pasport dan harap diwajibkan ia masih memerlukan maklum balas dan *feedback* daripada orang ramai. Kita dari segi pihak kementerian memang inginkan pasport ini diwajibkan tetapi terdapatlah bantahan-bantahan daripada orang ramai. Memandangkan terdapat juga kos yang terlibat dalam sistem diari jejak ini.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin juga membangkitkan isu supaya terdapat kerjasama dan penyelarasan terutamanya dari segi undang-undang kecil di kerajaan negeri dengan Akta MAQIS atau Akta Binatang yang sedia ada. Dari segi isu ini memang dari segi pihak kementerian kita sentiasa membincangkan dengan pihak kerajaan negeri supaya mereka dapat menyelaraskan. Akan tetapi itu juga tertakluk kepada kelulusan Exco dan Menteri Besar setiap kerajaan negeri. Oleh itu sebelum kita membentangkan pindaan ini kita juga telah mendapat kelulusan daripada kerajaan-kerajaan negeri pada Disember 2011 kalau tidak salah. Dengan itu kita mendapat kelulusan mereka dan harap-harap mereka juga menolong kita untuk meminda akta-akta di kerajaan negeri supaya sama-sama dapat menyelaraskan dari segi meningkatkan kebajikan haiwan di setiap negeri itu.

Selain itu terdapat juga dari segi isu untuk cadangan terutamanya dari segi pengeksport kenapa terdapat banyak penyakit dan sebagainya. Isunya terutamanya untuk membanteras penyakit daripada memasuki negara kita. Maka dari segi kuarantin walaupun negara pengeksport telah mengeluarkan sijil kesihatan veterinar dari segi pihak MAQIS atau pihak veterinar juga masih mengamalkan kuarantin. Terutamanya kepada penyakit yang sering berlaku seperti *foot mouth disease*, di mana untuk lembu, kerbau minimumnya adalah sebanyak sepuluh hari. Kebanyakan boleh dikatakan *incubation period* untuk penyakit-penyakit ini adalah tujuh hari sahaja. Maka terdapatlah boleh dikatakan ruang sebanyak tiga hari lagi supaya kita dapat menjaga dari segi kemasukan dan mengurangkan dan meminimumkan kemasukan penyakit kepada negara kita.

Untuk meningkatkan lagi supaya terdapat *reduce smuggling* atau memastikan dari segi pengeksportan itu adalah benar dan kawalan sebagai banyak cadangan yang diberi untuk meningkatkan pengeluaran. Memang dari segi import sekarang untuk lembu terdapat sistem RIFD yang digunakan. Oleh itu cadangan Yang Berhormat Senator itu memang tepat tetapi itu digunakan sebagai *pilot* untuk melihat sama ada ia benar-benar memanfaatkan semua termasuklah kepada penternak. Jikalau kajian itu menunjukkan ia adalah benar, betul maka polisi itu tentu akan dilaksanakan demi kebaikan dan kebajikan rakyat.

Selain itu untuk import barangan terutamanya makanan dan sebagainya penternakan dan haiwan memang terdapat juga satu sistem yang dijalankan di mana kita sedang mengkaji untuk melihat bagaimana kita mengadakan sistem *profiling*. Supaya dengan pengisian borang dan dengan apa dia punya *volume* kita dapat lihat sama ada *container* itu mempunyai risiko yang tinggi di mana mungkin terdapat penyeludupan. Itu merupakan langkah-langkah yang masih berterusan.

Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Senator Puan Roslin yang juga memberi banyak cadangan bernas untuk melihat bagaimana kita dapat meningkatkan pengeluaran makanan khususnya daging di Malaysia.

Yang Berhormat Senator Puan Khairiah juga membangkitkan isu mengenai penyembelihan sama ada terdapat peruntukan khusus. Memang terdapat Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 yang diwujudkan di bawah Akta Binatang 1953. Akan tetapi untuk isu halal dari segi menetapkan sama ada premis penyembelihan itu ada halal atau tidak ia masih di bawah piawai Hab Halal Malaysia yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh pihak JAKIM. Dari segi makanan atau daging-daing yang diimport memang hanya daging halal yang dibenarkan untuk diimport ke Malaysia.

■1840

Sebelum sesebuah syarikat dapat mengeksport ke negara kita termasuk daging, maka perlulah satu *inspection* dijalankan bukan sahaja daripada Jabatan Veterinar tetapi juga oleh pihak daripada JAKIM untuk memastikan bahawa pusat penyembelihan itu memang adalah selaras dengan piawai halal yang ditetapkan oleh negara kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat Yusop juga membangkitkan isu terdapat kekurangan pegawai MAQIS. Di sini, pegawai MAQIS memang akan ditambah tetapi saya tidak mempunyai maklumat yang selanjutnya, tetapi yang difahamkan adalah bukan sahaja pegawai MAQIS yang menjalankan tugas, mereka perlu kerjasama daripada semua jabatan dan kementerian. Memandangkan daripada segi kepakaran tidak ingin bertindih dan menjadikan satu konflik di antara Kementerian Kesihatan dan Jabatan PERHILITAN, maka ia merupakan satu pasukan untuk memastikan pintu masuk negara kita adalah terkawal. Untuk binatang-binatang yang dimusnahkan, memang terdapat beberapa kaedah termasuklah *incineration*, termasuk gas dan sebagainya, dan kebanyakan karkas yang telah dimusnahkan itu akan *buried*lah, dengan izin.

Daripada segi pintu masuk dan kuarantin, masih kekal. Pada masa ini tiada cadangan untuk penambahan. Untuk haiwan-haiwan eksotik melalui *internet*, daripada segi Akta Binatang 2012 ini yang dipinda, memang kita melihat daripada segi aspek haiwan-haiwan penternakan dan haiwan-haiwan liar yang bukan terlindung. Untuk haiwan-haiwan liar yang terlindung *especially wildlife*, maka daripada segi denda yang diperuntukkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah jauh lebih tinggi daripada Akta Binatang. Akta Binatang ini bertujuan cuma untuk melihat terutamanya daripada segi kebajikan binatang-binatang ternakan dan juga binatang-binatang peliharaan yang tidak mempunyai lesen terkhass sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Akhirnya, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali membangkitkan isu bahawa nama akta ini kurang sesuai. Sebenarnya akta ini adalah *direct translation* akta dahulu daripada *English version, Animal Act*. Maka dia telah diterjemahkan kepada Akta Binatang. Untuk hidupan liar

terutamanya yang terlindung, kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan PERHILITAN untuk membanteras. Baru-baru ini dalam pihak media, kita dapat melihat terdapat *seizures* untuk *ivory elephant* yang besar juga yang telah dijalankan hasil kerjasama di antara semua pasukan dan agensi.

Daripada segi denda dan penguatkuasaan, memang RM50,000 adalah kurang tapi ini adalah untuk kebajikan. Jikalau terdapat *smuggling* dan penjualan untuk hidupan-hidupan yang pupus, maka denda-denda yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah jauh lebih tinggi iaitu mencecah sehingga RM100,000 atau RM200,000.

Akhirnya untuk laga lembu itu, ia masih boleh diluluskan tertakluk kepada ciri-ciri yang tertulis di dalam fasal 44(4). Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal 1 hingga 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa menunjukkan tepat pukul 6.46 petang. Sekarang izinkan saya bersama-sama dengan timbalan saya untuk memberi sedikit sebanyak pandangan kepada Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tahu bahawa Dewan Negara inilah satu-satunya Dewan dalam Parlimen selain daripada Dewan Rakyat. Dua-dua Dewan ini bersidang untuk meluluskan undang-undang negara. Dalam sistem demokrasi berparlimen, setiap undang-undang yang hendak diluluskan mesti melalui kedua-dua Dewan ini. Bermakna, setiap Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara khususnya Dewan Negara sebagai contohnya sekarang, mestilah hendaklah betul-betul bertanggungjawab kerana setiap undang-undang yang diluluskan akan menjadi undang-undang negara satu ketika nanti, dan kitalah yang bertanggungjawab. Bermakna setiap undang-undang itu sama ada baik tak baiknya, kita juga yang bertanggungjawab.

Oleh demikian, sebagaimana saya selalu menyarankan, setiap Ahli-ahli Dewan Negara khususnya kerana kita berada di Dewan Negara, pertama, saya ingin mengingatkan diri saya dan berkongsi pendapat semua Ahli Yang Berhormat, kita mestilah menghormati Dewan ini. Itu yang pertama. Untuk menghormati Dewan ini, kita mesti ada *decorum*, dengan izin dan juga ikut mematuhi Peraturan Mesyuarat. Kita hanya ada tiga penggal sahaja tiap-tiap tahun bersidang. Kehadiran Yang Berhormat amat perlu. Bermakna, kalau sekiranya ada sesuatu perkara, bagi prioriti kepada kehadiran Dewan melainkanlah ada sesuatu yang tak dapat dielakkan seperti sakit atau sesuatu yang lain. Itu perlu mendapat kelulusan saya atau timbalan saya dan seterusnya duduk dalam Dewan kalau boleh dan mengikuti segala perjalanan Dewan. Jangan suka hati sahaja nak keluar, keluar, nak masuk, masuk. Kalau itu semangat Yang Berhormat semua, Yang Berhormat tidak dapat menghayati, mengikuti perkembangan apa yang berlaku.

Begitu juga saya berharap juga supaya kementerian-kementerian termasuk menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, pegawai-pegawai kanan mesti juga serius dalam untuk menentukan perjalanan Dewan ini, kerana sebagai contoh yang kita banyak lihat, setiap rang undang-undang itu perlu dikaji, perlu dihayati, berbahas. Selepas berbahas, pihak kementerian akan jawab. Jawapan pihak kementerian itu hendaklah juga menampakkan kesungguhan dan menjawab segala untuk memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Ini perkara penting. Peranan pegawai-pegawai mesti juga menentukan, memberi bantuan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan.

#### ■1850

Saya pernah tegur satu ketika dahulu apabila didapati kurangnya hadirin di dalam Dewan. Mereka menyatakan ada di luar tidak mengapa tetapi ada juga banyak kali saya nampak soalan-soalan yang dibangkitkan yang mustahak tidak dijawab, ini penting. Seterusnya Yang Berhormat, rang undang-undang ini apabila dibahaskan dan juga contohnya ada rang undang-undang tidak perlu sangat kita bahas begitu panjang lebar tetapi ada kalanya rang undang-undang sebagai contohnya Akta Hak Milik Strata contohnya jelas bagi saya duduk di atas ini dapat melihat, umumnya tidak begitu menyokong kerana terdapatnya beberapa kelemahan.

Oleh demikian, kita faham dalam sistem demokrasi saya rasa tidak payah saya sebut semuanya itu walaupun membahaskan betul-betul yang baik untuk rekod dalam *Hansard*, yang mana Yang Berhormat Senator satu ketika dahulu nanti, kalau sekiranya ada timbul sesuatu, *don't worry*, dengan izin, *look at the Hansard, you have spoken, you* telah bercakap dalam Dewan ini, apa *dissenting opinion* Yang Berhormat Senator semua.

Di samping itu, kita faham juga bahawa sistem ini kita kadangkala perlu dari segi sistem kepartian dalam kerajaan kita. Di samping itu juga saya pernah berkata bahawa dalam Dewan Negara ini hanya ada satu bentuk ataupun kelompok Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Ahli-ahli Dewan Negara. Tidak ada ahli pembangkang, tidak ada ahli penyokong kerajaan. Ahli Dewan Negara yang bertanggungjawab. Justeru, pihak pembangkang juga mesti menunjukkan

keterbukaan, kesungguhan sebagai mana ikrar sumpah lafaz taat setia di depan saya di kalangan Yang Berhormat Senator semua iaitu taat setia kepada kerajaan dan juga mematuhi dan menghormati dan mempertahankan perlembagaan. Apabila disebut perlembagaan ini...

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, bagi saya peluang bercakap dahulu. Sidang ini saya ada, ini forum saya Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator tidak ada lagi, tidak ada cakap, ini terakhir sekali.

**Dr. Syed Husin Ali:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu. Yang Berhormat Senator hari ini sudah ada, sudah habis. Saya hendak cakap ini agaknya nanti Yang Berhormat Senator boleh hujah kemudian. Kalau ada *dissenting opinion*, dengan izin, sebagai contoh kalau ahli pembangkang mendapati menarik perhatian saya dengan timbalan saya, Dewan inilah tempatnya Yang Berhormat Senator semua berbahas.

Sebagai Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh campur kalau sekiranya kita mengikut peraturan. Contohnya, saya hendak sampaikan itu, dalam Peraturan Mesyuarat 42 keputusan Tuan Yang di-Pertua ataupun Tuan Pengerusi adalah muktamad. Jangan persoalkan apa lagi, jelas dalam peraturan mesyuarat, artikel ataupun Peraturan 42 dan Peraturan 43 tertib dalam Majlis Mesyuarat. Baca, tidak payah saya ulaslah. Peraturan 34, peraturan berbahas masa, cara bercakap.

Saya memandang semua, anggap semua sama belaka dan Peraturan 35 daripada Peraturan 1 sampai ke Peraturan 8, kalau sekiranya ada Peraturan 35(5) mengeluarkan sangkaan jahat. Kalau ada di antara Yang Berhormat Senator bersangka jahat, bukan saya yang hendak menegur, Ahli Yang Berhormat Senator juga bangun mengikut Peraturan 36 hendak mengganggu. Apabila hendak mengganggu ada dua cara, satu, kalau sekiranya hendak membuat penjelasan. Kedua, kalau sekiranya peraturan mesyuarat, *point of order*. Kalau sekiranya *point of order, I will give all the priority*. Maknanya apabila seseorang bangun, "*Tuan Yang di-Pertua saya tidak bersetuju perkara itu mengikut peraturan sekian,*" mesti sebut, *point of order* yang mana. Selepas itu baru saya membuat keputusan.

Kalau Yang Berhormat semua tidak bangun, duduk diam saja, saya tidak boleh menahan mereka itu. Terpulanglah kepada Yang Berhormat Senator semua, *you have to be attentive*, dengan izin. Betul-betul *concentrate*, kalau sekiranya ada Ahli Yang Berhormat Senator bersangka jahat, bangun. "*Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sangkaan jahat mengikut peraturan sekian, sekian.*" Saya buat *ruling*, itu peraturan sebenarnya kita berbahas.

Itulah saya hendak menarik perhatian di sini untuk bersama-sama. Tadi ada pihak mengatakan atau menyentuh sifat dan kelakuan dan sebagainya. Ada dalam peraturan kita tetapi Yang Berhormat mesti bangun, bangun dalam Dewan ini. Bermakna segala keputusan kita di Dewan ini bertanggungjawab, yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Senator semua. Tuan Yang

di-Pertua hanya duduk di sini mengawal selia, menentukan, menegur dan mengikut peraturan. Itu saya hendak jelaskan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator, penggunaan Bahasa Kebangsaan. Saya dapati semuanya bagus. Sebagai contohlah saya berterus-terang, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, *you have been done very well*, dalam masa yang singkat nampak berusaha sungguh walaupun pada mulanya agak kelam kabut sedikit tetapi sekarang kesungguhan Yang Berhormat itu nampak jelas ada peningkatan yang begitu baik dalam masa yang terdekat. Begitu juga, bukannya Ahli Yang Berhormat Senator sahaja, pihak Menteri, Timbalan Menteri juga mesti.

Seterusnya, saya hendak sebut soalan-soalan lisan ini. Yang Berhormat mesti hadir kalau sekiranya ada soalan lisan dan kementerian pun mesti hadir untuk membantu jawapan. Saya dapati kadangkala Yang Berhormat tidak ada di tempat duduk, macam mana? Kalau sekiranya ada sesuatu hal, tulis, beritahu kepada saya atau timbalan saya, kita akan benarkan. Kalau tidak ada, kita tidak dapat hendak beri pertimbangan.

Di sini Yang Berhormat, saya mewakili timbalan saya yang ada bersama, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan semua pegawai-pegawai kerajaan yang telah berjaya hingga ke saat ini dapat kita meluluskan tanggungjawab kita dalam Dewan Negara ini dalam sesi ini tanpa ada sesuatu yang tidak diingini. Kepada semua, saya mendoakan Yang Berhormat Senator semua akan kembali ke kawasan masing-masing menemui keluarga tersayang. Kepada yang jauh itu, dalam perjalanan berhati-hati di jalan raya. Sungguhpun AES ada tetapi telah diumumkan ditangguhkan buat sementara tetapi jangan lupa AES itu tujuannya baik dan pelaksanaan sahaja saya rasa kementerian yang berkenaan akan mengambil pertimbangan yang terbaik kerana kita mendahulukan rakyat, rakyat didahulukan. Itulah konsep yang dipakai.

Saya ambil kesempatan di sini, manalah tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa ramai juga yang akan bertanding ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tergolong dalam kumpulan Senator dan kita semua mendoakanlah kalau bertanding itu, termasuk juga kawan-kawan kita, sahabat kita di kalangan parti pembangkang. Mungkin agaknya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali tidak bertandinglah agaknya... *[Disampuk]* Belum tahu juga.

Kalau siapa yang bertanding itu saya mendoakan selamat berjaya. Bertandinglah secara sihat dalam sistem demokrasi yang dibenarkan dan diamalkan dengan begitu baik di negara ini. Kepada yang cukup masa tempoh berkhidmat itu, saya sendiri pun akan patuh juga, agaknya ini sudah mengikut perlembagaan kita. Yang Berhormat Senator Datuk Doris Sophia ak Brodi pun sudah terima dia punya notis, saya pun sudah terima notis. *That is normal process* dan jangan kita—selagi kita duduk dalam Dewan ini, walau satu hari pun, tanggungjawab kita jangan kita lupakan.

Saya sekali lagi mengambil kesempatan di sini kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator dan juga mewakili timbalan saya yang ada bersama mengucapkan selamat maju jaya.

Dengan itu Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan. *Wabillahi taufiq walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.59 malam]***